

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

### **USUL-USUL:**

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan (2001-2005) (Halaman 13)

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 52)



### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Amat Berbahagia Tuan Yang di-Pertua, Tun Dato Seri Dr. Mohamed Zahir bin Haji Ismail, S.S.M., P.M.N., S.S.D.K., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N., S.P.M.S. (Kepala Batas)
- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Seri Ong Ka Ting, D.P.M.P. (Pontian)
- “ Menteri Kerja Raya, Dato' Seri S. Samy Vellu, S.P.M.J., S.P.M.P., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput)
- “ Menteri Perusahaan Utama, Dato' Seri Dr. Lim Keng Yaik, S.P.M.P., D.G.P.N., D.P.C.M. (Beruas)
- “ Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie anak Irok, D.A., P.N.B.S. (Kanowit)
- “ Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, S.P.M.P., S.P.M.T., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar)
- “ Menteri Pertahanan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.S., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan)
- “ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Seri Law Hieng Ding, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei)
- “ Menteri Luar Negeri, Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, S.P.M.J., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi)
- “ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin, P.I.S., B.S.I., S.M.J., P.S.M., S.P.M.J. (Pagoh)
- “ Menteri Kesihatan, Datuk Chua Jui Meng, D.I.M.P., S.I.M.P., S.M.J., P.I.S. (Bakri)
- “ Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman, S.I.M.P., D.S.A.P., D.I.M.P., S.S.A.P. (Paya Besar)
- “ Menteri Penerangan, Tan Sri Dato' Seri Mohd. Khalil bin Yaakob, P.S.M., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., J.S.M., S.M.P. (Kuantan)
- “ Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir, P.G.D.K., D.S.D.K., A.M.K. (Kulim-Bandar Baharu)
- “ Menteri Sumber Manusia, Datuk Wira Dr. Fong Chan Onn, D.M.S.M. D.C.S.M. (Selandar)
- “ Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz, D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Chenderoh)
- “ Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' Haji Azmi bin Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar)
- “ Menteri Belia dan Sukan, Dato' Hishammuddin bin Tun Hussein, D.S.A.P., D.P.M.J. (Tenggara)
- “ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Giluk Dompok (Kinabalu)

---

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Utama Dr. Rais bin Yatim, S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu)
“	Menteri Pertanian, Datuk (Dr.) Mohd Effendi Norwawi, S.I.M.P., P.G.B.K., D.P.M.S., J.S.M., J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Kuala Rajang)
“	Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga, Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil, D.G.P.N., D.I.M.P. (Lembah Pantai)
“	Menteri Kewangan Kedua, Dato' Dr. Haji Jamaludin bin Dato' Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P. (Rompin)
“	Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Chan Kong Choy, D.S.A.P., D.P.M.S., S.S.A.P. (Selayang)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Haji Muhamad bin Abdullah, P.J.N., D.I.M.P., S.M.P., P.J.K. (Maran)
“	Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Lim Si Cheng, P.I.S. (Senai)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Usahawan, Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus, D.S.N.S. (Jempol)
“	Timbalan Menteri Luar Negeri, Datuk Dr. Leo Michael Toyad, P.G.D.K., J.B.S. (Mukah)
“	Timbalan Menteri Kesihatan, Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed D.P.M.S., S.S.S.A. (Titiwangsa)
“	Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Peter Chin Fah Kui, P.G.B.K. (Miri)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Seri Kerk Choo Ting, D.P.M.P., D.G.P.N. (Taiping)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P. (Raub)
“	Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' S. Subramaniam, D.P.M.J., D.S.N.S., S.M.J. (Segamat)
“	Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal, P.G.D.K., D.S.A.P. (Semporna)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Datuk Douglas Uggah Embas, P.G.B..K., P.B.S., A.B.S., A.M.N. (Betong)
“	Timbalan Menteri Kewangan, Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh, D.S.S.A., S.M.S., S.S.A., K.M.N. (Kuala Langat)
“	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Chor Chee Heung, D.S.D.K., A.M.N., J.P. (Alor Setar)
“	Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Tan Chai Ho, P.J.N., K.M.N., A.M.N. (Bandar Tun Razak)
“	Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Dato' G. Palanivel, D.S.S.A., S.S.A., P.J.K. (Hulu Selangor)
“	Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Ampang Jaya)
“	Timbalan Menteri Pengangkutan, Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib, P.C.M., S.P.C.M., A.M.N., J.P. (Pasir Salak)
“	Timbalan Menteri Pertanian, Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar, D.G.P.N., D.M.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor)

---

Yang Berhormat	Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Dato' Zainal bin Dahalan, P.J.K., K.M.N., J.S.M., D.P.M.S. (Sabak Bernam)
"	Timbalan Menteri Dalam Negeri, Dato' Zainal Abidin bin Zin, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai)
"	Mulia Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Dato' Seri Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut)
"	Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin, D.S.P.N., P.I.S. (Johor Bahru)
"	Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Anifah Aman (Beaufort)
"	Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Tan Kee Kwong (Segambut)
"	Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Datuk Dr. Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading)
"	Timbalan Menteri Penerangan, Dato' Ir. Donald Lim Siang Chai (Petaling Jaya Selatan)
"	Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Fu Ah Kiow, D.I.M.P. (Mentakab)
"	Timbalan Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad, D.M.S.M. (Mersing)
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Hon Choon Kim, D.S.N.S. (Seremban)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, Dato' Abu Bakar bin Taib, D.S.D.K., S.D.K., B.C.K., K.M.N., P.J.K. (Langkawi)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, Datuk Seri Abu Zahar bin Isnin, D.G.S.M., D.M.S.M., A.M.N. (Jasin)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Hajah Khamsiyah binti Yeop, P.P.T., A.M.N., A.M.P., P.M.P. (Gerik)
"	Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Haji Noh bin Haji Omar, D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kerja Raya, Datuk Yong Khoo Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, Tuan Hashim bin Ismail, P.P.N., P.I.S. (Ledang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Tuan Chia Kwang Chye (Bukit Bendera)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Tuan Wong Kam Hoong, K.M.N. (Bayan Baru)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, Tuan S. G. Sothinathan (Telok Kemang)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, Dr. Robia binti Dato' Kosai (Muar)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, Dato' S. Veerasingam, P.M.P., A.M.P., A.M.N. (Tapah)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, Datuk Rizalman bin Abdullah, P.G.D.K., J.P. (Tenom)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Datin Paduka Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim, P.B.S., P.P.B., (Santubong)

---

Yang Berhormat	Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir (Sungai Petani)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Ir. Ho Cheong Sing, P.M.P., A.M.N. (Ipoh Barat)
"	Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga, Datuk Hajah Mastika Junaidah binti Husin (Arau)
"	Drs. Haji Abu Bakar bin Othman (Jerlun)
"	Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron, S.M.K. (Rantau Panjang)
"	Tun Abdul Ghafar bin Baba, S.S.M. (Batu Berendam)
"	Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Haji Awang, D.S.S.S.M.T. (Marang)
"	Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman, P.J.N. (Sungai Benut)
"	kosong (Kangar)
"	Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar, S.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Pulai)
"	Tuan Abd. Rahman bin Yusof, (Kemaman)
"	Tan Sri Datuk Patinggi Abdul Taib Mahmud, S.P.M.J., S.P.M.T., S.S.S.A, S.S.A.P., S.S.D.K., P.S.M., S.P.M.B., D.G.S.M., P.K.C., D.P. (Kota Samarahan)
"	Dato' Dr. Abdullah Fadzil bin Che Wan, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang)
"	Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, B.K.T., J.P., D.M.S.M., K.M.N., D.C.S.M. (Alor Gajah)
"	Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun)
"	Datuk Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok)
"	Datuk Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar, D.S.A.P., D.M.S.M. (Larut)
"	Tuan Alexander Nanta Linggi, A.B.S. (Kapit)
"	Tuan Alwi bin Jusoh (Pasir Puteh)
"	Dato' Haji Amihamzah bin Ahmad, D.I.M.P. (Lipis)
"	Datu Amirkahar bin Tun Datu Haji Mustapha (Marudu)
"	Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz, D.P.M.S., A.S.A. (Hulu Langat)
"	Tuan Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang)
"	Datuk Bung Moktar bin Radin, P.G.D.K., A.D.K., A.S.D.K. (Kinabatangan)
"	Tuan Chang See Ten, P.I.S. (Gelang Patah)
"	Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak, P.J.K. (Setiu)
"	Puan Chew Mei Fun (Petaling Jaya Utara)
"	Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
"	Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
"	Tun Dato' Daim Zainuddin, D.G.S.M., S.S.M., S.P.M.S., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok)
"	Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
"	Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)
"	Tuan Goh Kheng Huat (Nibong Tebal)
"	Dato Goh Siow Huat (Rasah)
"	Dato' Dr. Hasan bin Haji Mohamed Ali, D.I.M.P., S.M.S. (Parit Buntar)

---

Yang Berhormat	Tuan Hassan bin Mohamed (Besut)
"	Tuan Henry Sum Agong, A.K. (Bukit Mas)
"	Tan Sri Dato' Hew See Tong, P.S.M., D.P.M.P., J.P. (Kampar)
"	Tuan Hoo Seong Chang (Kluang)
"	Tuan Husam bin Haji Musa (Kubang Kerian)
"	Tuan Haji Ismail bin Noh (Pasir Mas)
"	Dato' Jacob Dungau Sagan, J.B.S., K.M.N., P.P.B. (Baram)
"	Dr. James Dawos Mamit, P.P.B., P.P.S. (Mambong)
"	Tuan Jawah anak Gerang (Lubok Antu)
"	Tuan Jimmy Lim Donald (Sri Aman)
"	Tuan Joseph Mauh anak Ikeh (Selangau)
"	Datuk Seri Panglima Joseph Pairin Kitingan, P.G.D.K., P.N.B.S., S.S.A.P., S.P.D.K. (Keningau)
"	Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau)
"	Datuk Juslie bin Ajirol, A.S.D.K. (Libaran)
"	Dato' Kamarudin bin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
"	Tuan Kerk Kim Hock (Kota Melaka)
"	Tan Sri Dato' Dr. K.S. Nijhar, P.S.M., S.P.M.J., J.M.N. (Subang)
"	Tuan Kong Cho Ha (Lumut)
"	Datuk Lau Ngan Siew, A.D.K., K.M.N., P.G.D.K. (Sandakan)
"	Tuan Lee Kah Choon (Jelutong)
"	Tuan Liew Teck Chan (Gaya)
"	Puan Lim Bee Kau, A.M.K., B.K.M., P.J.K. (Padang Serai)
"	Tuan Lim Hock Seng (Bagan)
"	Tuan Liow Tiong Lai, S.M.P. (Bentong)
"	Dato' Loke Yuen Yow, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim)
"	Tuan Mah Siew Keong (Teluk Intan)
"	Tun Dr. Mahathir bin Mohamad, D.K.(Brunei), D.K.(Perlis), D.K.(Johor), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P. (Sarawak), D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.M.N., P.I.S. (Kubang Pasu)
"	Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar (Pokok Sena)
"	Tuan Haji Mat Basir bin Rahmat (Parit)
"	Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Bandau)
"	Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz, P.N.J., S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I., A.M.N., P.P.N. (Sri Gading)
"	Tuan Mohamad bin Sabu (Kuala Kedah)
"	Tuan Mohamed Nasir bin Che Daud (Kuala Krai)
"	Tuan Mohamed Sayuti bin Said, P.P.T., P.J.K., P.P.N. (Kuala Selangor)
"	Datuk Haji Mohd. Ali bin Haji Hassan, P.J.N., S.M.J., K.M.N., P.I.S., A.M.N., P.P.N. (Tebrau)

---

Yang Berhormat	Tuan Mohd. Amar bin Abdullah (Pengkalan Chepa)
“	Tuan Mohd. Apandi bin Haji Mohamad (Jeli)
“	Datuk Seri Panglima Mohd. Salleh bin Tun Md. Said, P.G.D.K. (Kota Belud)
“	Datuk Mohd. Sarit bin Haji Yusoh (Temerloh)
“	Tuan Mohd. Yusoff bin Mohd. Nor, P.P.N., J.M.N. (Machang)
“	Dato' Mohd. Zain bin Omar, D.S.P.N., K.M.N., P.J.K., P.J.M. (Balik Pulau)
“	Dato' Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.T.J., J.P. (Shah Alam)
“	Tuan M. Shukrimun bin Shamsudin (Kuala Nerus)
“	Tuan Muhamad bin Mustafa (Peringat)
“	Tuan Haji Muhyidin bin Haji Abd. Rashid (Hulu Terengganu)
“	Dato' Mustafa bin Ali, D.P.M.T. (Dungun)
“	Datuk Napsiah binti Omar (Kuala Pilah)
“	Tuan Nasharudin bin Mat Isa (Yan)
“	Tuan Ng Lip Yong (Batu)
“	Datuk Osu bin Sukam, S.P.D.K., P.G.D.K., D.A. (Papar)
“	Dato' Othman bin Abdul (Pendang)
“	Datuk Peter Tinggom anak Kamarau, P.P.B., P.P.C., K.M.N., P.N.B.S., J.B.S., A.M.N., P.B.S. (Saratok)
“	Tuan Philip Benedict Lasimbang, A.S.D.K. (Penampang)
“	Puan P. Komala Devi, P.P.T. (Kapar)
“	Datuk Railey bin Haji Jeffrey, P.G.D.K., J.M.N. (Silam)
“	Tuan Ramli bin Ibrahim (Kota Bharu)
“	Mulia Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang)
“	Tuan Richard Riot anak Jaem (Serian)
“	Datuk Robert Lau Hoi Chew, J.B.S. (Sibu)
“	Tuan Ronald Kiandee, A.S.D.K. (Beluran)
“	Datuk Ruhanie bin Haji Ahmad, D.M.S.M., P.I.S. (Parit Sulong)
“	Tuan Saupi bin Daud (Tanah Merah)
“	Datin Paduka Hajah Seripah Noli binti Syed Hussin, D.S.S.A (Sepang)
“	Dato' Shahnnon bin Ahmad, D.S.D.K., K.M.N. (Sik)
“	Dato' Shaziman bin Abu Mansor, A.N.S. (Tampin)
“	Tuan Shim Paw Fatt, J.P. (Tawau)
“	Tuan Haji Siam bin Haji Kasrin, K.M.N., P.I.S. (Batu Pahat)
“	Dato' Suhaili bin Abdul Rahman, D.I.M.P., A.S.D.K. (Labuan)
“	Puan Sukinam Domo (Batang Sadong)
“	Tan Sri Datuk Seri Amar Dr. Haji Sulaiman bin Haji Daud, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya)
“	Dr. Syed Azman bin Syed Ahmad Nawawi (Kuala Terengganu)



Yang Berhormat	Tuan Taib Azamudden bin Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
"	Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
"	Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
"	Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew, D.S.S.A (Kelang)
"	Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
"	Tuan Thong Fah Chong (Ipoh Timur)
"	<b>Tan Sri Dato'</b> Dr. Ting Chew Peh, P.S.M., D.P.M.S., D.P.M.P. (Gopeng)
"	Dato' Seri Tiong King Sing, D.S.S.A., J.P. (Bintulu)
"	Dato' Tiong Thai King (Lanang)
"	<i>Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail (Permatang Pauh)</i>
"	<b>Datuk Haji</b> Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., J.B.S., P.B.S. (Batang Lupar)
"	Tuan Wan Nik bin Wan Yussof (Bachok)
"	Tuan Wilfred Madius Tangau, J.S.M., J.P., A.D.K. (Tuaran)
"	Dato' Yap Pian Hon, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Serdang)
"	Dr. Yee Moh Chai (Tanjong Aru)
"	Datuk Dr. Haji Yusof bin Haji Yacob, P.G.D.K., A.D.K. (Sipitang)
"	<b>Tan Sri</b> Hajah Zaleha binti Ismail, P.S.M., S.S.S.A., D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Gombak)
"	Tuan Zawawi bin Haji Ahmad (Padang Terap)
"	Dato' Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N. (Wangsa Maju)

#### **MENTERI/TIMBALAN MENTERI (SENATOR)**

Yang Berhormat	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Brig. Jen. (B) Datuk Abdul Hamid bin Haji Zainal Abidin, K.M.N., P.A.T., D.P.M.P., J.S.M., P.J.N.
"	Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin Haji Mulia
"	Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamad, P.S.M., D.P.M.N., D.P.C.M.
"	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tengku Datuk Adnan bin Tengku Mansor, K.M.N., D.S.D.K., D.I.M.P., D.S.A.P., P.J.N., S.I.M.P.
"	Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S.
"	Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk M Kayveas, P.J.N.
"	Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainudin bin Maidin, P.J.N., J.M.N., S.M.S., A.M.K.

**DEWAN RAKYAT****PEGAWAI-PEGAWAI KANAN**

**Setiausaha Dewan Rakyat**  
Datuk Mohd. Salleh bin Haji Hassan

**Ketua Penolong Setiausaha**  
Roosme binti Hamzah  
Zamani bin Haji Sulaiman

**Penolong Setiausaha**  
Ruhana binti Abdullah  
Riduan bin Rahmat  
Muhd Sujairi bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN DOKUMENTASI**

Azhari bin Hamzah  
Monarita binti Mohd. Hassan  
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop  
Hajah Supiah binti Dewak  
Mohamed bin Osman  
Hajah Norishah binti Mohd. Thani  
Zaiton binti Yaacob  
Abd. Talip bin Hasim  
Syed Azuddin bin Syed Othman  
Jamilah Intan binti Haji Bohari  
Nurziana binti Ismail  
Taharah binti Mohamed  
Nik Elyana binti Ahyat  
Marzila binti Muslim  
Habibunisah Mohd. Azir  
Sherliza Maya binti Talkah  
Mohd. Izhar bin Hashim  
Chong Lai Peng

**PETUGAS-PETUGAS  
UNIT CETAK**

Kamaroddin bin Mohd. Yusof  
Mohamed Shahrizan bin Sarif  
Alias bin Mohd. Nor

**JURUBAHASA SERENTAK**

Hajah Paizah binti Haji Salehuddin  
Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman  
Mazidah binti Mohamed

**BENTARA MESYUARAT**

Lt Kol (B) Mohamed Nor bin Mohd. Darus  
Mejar (B) Zakaria bin Salleh  
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN KOMPUTER**

Mohd Shah bin Rahman  
Sulaiman bin Sirad  
Azzahar bin Hashim

**PETUGAS-PETUGAS  
CAWANGAN PERUNDANGAN**

Mohd. Shariff bin Hussein  
Azmi bin Othman  
Zafniza binti Zakaria  
Hindun binti Wahari  
Rozaimah binti Mohamad Ariffin  
Mohd. Sidek bin Mohd. Sani  
Mazlina binti Ali  
Norlaila binti Abdullah Sidi  
Ropiah binti Tambi  
Suhairi bin Othman

**MALAYSIA****DEWAN RAKYAT****Rabu, 5 November 2003****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA****[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]****JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. **Datuk Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman [Sungai Benut]** minta Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia menyatakan mengenai tahap keselamatan sistem IT negara yang dikatakan masih lemah termasuk bagi sektor kerajaan. Apakah pelan tindakan kerajaan dalam menangani masalah itu dan apakah tahap sistem yang digunakan sekarang.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Tuan Chia Kwang Chye]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Jawapan panjang sedikit ya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun memulakan usaha meningkatkan keselamatan maklumat negara untuk merendahkan atau meminimumkan risiko pencerobohan pendedahan maklumat terperinci, penipuan, gangguan dan salah guna teknologi maklumat. Bagi tujuan ini, pelbagai langkah bagi melindungi dan memperkukuh keselamatan maklumat telah diambil, dan antaranya ialah:

- (a) penggubalan undang-undang siber seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Jenayah Komputer 1997 dan Akta Tandatanganan Digital 1997.
- (b) Penubuhan Pusat Keselamatan dan Kecemasan Teknologi Maklumat dan Komunikasi ICT Kebangsaan (NISER) bagi menangani isu keselamatan maklumat secara menyeluruh. Antara fungsi utama NISER ialah:
  - (i) menjalankan pembangunan dan penyelidikan dalam bidang keselamatan maklumat seperti *cryptography*, dengan izin, *systems access control, detection* dan *surveillance* (audit, *computer evidence, forensic investigation*);
  - (ii) membantu dalam mengenal pasti pencerobohan komputer dan mengurangkan atau mencegah kerosakan serius akibat serangan keselamatan;
  - (iii) meningkatkan kesedaran dalam bidang keselamatan ICT di kalangan organisasi tempatan, serta mencadangkan tahap program latihan keselamatan ICT yang diiktiraf;
  - (iv) memberi perkhidmatan pakar perunding ICT; dan
  - (v) membantu dalam merangka dan menulis polisi, standard dan garis panduan Keselamatan ICT dengan kerjasama agensi-agensi berkaitan.
- (c) penubuhan Bahagian Keselamatan ICT di MAMPU bagi menangani isu keselamatan maklumat khusus bagi sektor awam. Antara fungsi bahagian ini ialah:
  - (i) bertindak sebagai penjaga keselamatan ICT kerajaan;
  - (ii) penyelaras keselamatan ICT di sektor awam (termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan);

- (iii) perancang utama dan pelaksana aktiviti-aktiviti yang khusus dan mendalam untuk meningkatkan keselamatan bagi melindungi sistem ICT; dan
  - (iv) pakar runding mengenai latihan keselamatan ICT, *Business Resumption*, pengiktirafan pakar keselamatan ICT dan pengurusan pusat kriptologi di sektor awam.
- (d) Penyediaan Rangka Dasar Keselamatan ICT Sektor Awam -Dasar yang telah dikeluarkan sebagai Pekeliling Am Bil. 3 Tahun 2000 pada 1 Oktober 2000 bertujuan untuk menentukan hala tuju kerajaan dan sokongan terhadap langkah-langkah keselamatan ICT sektor awam.
  - (e) Penubuhan Kumpulan Tindak Balas Kecemasan Malaysia, dengan izin, (MyCERT) dan Kumpulan Tindak Balas Kecemasan Kerajaan (GCERT) bagi sektor awam.
  - (f) Menyediakan Garis Panduan Keselamatan ICT Sektor Awam (MyMIS) di mana satu garis panduan Keselamatan ICT telah dikeluarkan sebagai standard amalan semua agensi kerajaan dalam hal melindungi aset ICT.
  - (g) Menyediakan mekanisme pelaporan insiden keselamatan ICT sektor awam, di mana semua insiden keselamatan ICT yang menimpa agensi awam hendaklah dilaporkan kepada MAMPU. Maklumat yang dikumpul secara pusat membolehkan sektor awam untuk mengambil tindakan susulan yang sewajarnya. Justeru itu, satu prosedur pelaporan telah digubal bagi memudahkan penyampaian maklumat dua hala antara agensi awam dan MAMPU.
  - (h) Pelantikan CIO (*Chief Information Officers*) dan ICTSO (*ICT Security Officers*) yang bertanggungjawab membantu agensi awam menyediakan infrastruktur ICT yang menepati prinsip-prinsip keselamatan, meminimumkan risiko dan mengadakan pelan rancangan pematuhan. Sehingga 17 April 2003, seramai 179 CIO telah dilantik oleh ketua-ketua jabatan agensi awam.
  - (i) Penyediaan standard keselamatan maklumat berasaskan standard yang diiktirafkan di peringkat antarabangsa serta skim nasional bagi standard keselamatan maklumat.
  - (j) Program Pembudayaan dan Latihan bagi meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab keselamatan ICT jabatan. Program pembudayaan dan latihan menerusi pelbagai forum seperti seminar, taklimat dan bengkel kepada penjawat-penjawat awam telah diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab keselamatan ICT jabatan.

Dengan pelbagai usaha yang telah dan sedang diusahakan secara berterusan oleh kerajaan serta kerjasama dan persefahaman yang diperolehi melalui forum antarabangsa mengenai keselamatan maklumat, kementerian ini yakin yang negara bersedia untuk menangani masalah yang timbul dari sebarang pencerobohan. Sekian, terima kasih.

**Dato' Haji Abdul Hamid bin Abdul Rahman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Setiausaha Parlimen yang mana yang telah memberi jawapan yang begitu menyeluruh. Tetapi, kita tahu bahawa kesalahan-kesalahan yang berhubung dengan pembangunan ICT ini sentiasa berubah-ubah yang mana perkara ini berlaku begitu cepat sekali.

Jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, dengan adanya undang-undang yang kita rangka yang mana kita ada tiga atau empat undang-undang untuk hendak mengawal berhubung dengan keselamatan, jadi, saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, setakat hari ini berapa banyak kes-kes kesalahan yang telah berlaku dan juga apakah bentuk tindakan dan adakah undang-undang yang ada sekarang ini sudah cukup mampu untuk melindungi kedua-dua belah pihak sama ada antara pengguna ataupun pembekal.

Jadi, saya harap Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dapat memberikan apa-apa jawapan walaupun tadi sudah dijawab secara begitu padat tetapi saya ingin tahulah berapa banyak dakwaan yang telah berlaku dan walaupun yang telah dibawa kepada pihak mahkamah untuk penyelesaian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Chia Kwang Chye:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Sungai Benut. Apa yang dikatakan awal tadi ialah berkenaan langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan. Walau bagaimanapun, yang kita dapat laporan ialah insiden-insiden yang diperolehi oleh NISER atau apa yang dikatakan *National ICT Security Emergency Response* yang kian meningkat sejak daripada tahun 2000 iaitu kalau insiden-insiden yang dilaporkan dan dibahagikan kepada apa yang dikatakan *Melbourne Spam harassment for jury hacking virus* dan termasuk *denial service* dan sebagainya. Kian meningkat daripada insiden yang dilaporkan cuma 500 pada tahun 2000 meningkat kepada 932 insiden pada tahun 2001 dan hingga 739 insiden pada tahun lalu iaitu tahun 2002. Tetapi, untuk tahun ini, sehingga September 2003, insiden meningkat sejumlah 2,106 dan kebanyakan peningkatan ini adalah di dalam kategori *Spam* iaitu 62.8% ataupun 1,323 insiden.

Ini merupakan laporan-laporan sahaja. Memang teknologi sedang berubah dan berbagai virus pun timbul setiap hanya dan memang sukar untuk menangani masalah ini dan diharapkan bahawa kalau ada satu rangka kerja, ada satu pendekatan dan penubuhan bahagian-bahagian dan pasukan-pasukan pada masa ini dan kesedaran pengguna-pengguna komputer diharapkan bahawa kita dapat bersama-sama menangani masalah ini.

Walaupun siasatan dan laporan diterima, atas laporan itu kes-kes payah untuk dibawa ke mahkamah kerana kadang-kadang bukti-bukti tidak mencukupi. Sekian, terima kasih.

**2. Tuan Husam bin Haji Musa [Kubang Kerian]** minta Menteri Pengangkutan menyatakan kos sebenar yang terkini bagi pembinaan landasan berkembar kereta api dan cara-cara pembiayaannya.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, projek landasan berkembar terkini yang sedang dilaksanakan ialah Projek Landasan Berkembar Rawang – Ipoh sepanjang 179 kilometer.

Projek ini bermula mulai 17 Julai 2000 dan dijangka siap pada Disember 2004 untuk pakej infrastruktur dan pada Oktober 2005 termasuk pakej kerja-kerja sistem. Purata kos pembinaan landasan berkembar elektrik Rawang – Ipoh ialah sebanyak RM4.585 bilion. Ini termasuk RM2.579 bilion untuk infrastruktur dan RM1.64 bilion untuk sistem.

Kos ini merangkumi pembinaan komponen-komponen seperti berikut:

- (i) landasan termasuk kerja tanah dan sistem perparitan;
- (ii) jambatan kereta api;
- (iii) jambatan-jambatan jalan raya;
- (iv) stesen-stesen perhentian;
- (v) elektrifikasi;
- (vi) semboyan dan komunikasi.

Cara-cara pembiayaan projek ini ialah dengan:

- (i) 30% daripada harga kontrak dibiayai melalui pinjaman *Japan Bank for International Cooperation (JBIC)*;
- (ii) 45% daripada harga kontrak dibiayai melalui pinjaman bersindiket dengan City Bank; dan
- (iii) 25% daripada harga kontrak dibiayai melalui peruntukan pembangunan kerajaan.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Pertanyaan saya ialah pada 22 Oktober iaitu lapan hari sebelum bekas Perdana Menteri bersara, kerajaan telah mengeluarkan surat tawaran kepada satu kontraktor baru iaitu GAMUDA-MMC dengan tidak memberitahu kepada dua kontraktor utama sebelumnya Ircon dan CREC daripada China. Pembatalan surat tawaran ataupun surat niat, *latter of intent* dengan izin yang telah dikeluarkan pada tahun 2001.

Kenapakah ini berlaku, kenapa tiba-tiba kerajaan tukar daripada hasrat memberi kepada Ircon dan CREC kepada GAMUDA-MMC pada hari yang sama pada 22 Oktober Ircon dan CREC telah memfailkan

bida mereka yang terbaru dengan harga yang lebih murah daripada yang ditawarkan oleh GAMUDA-MMC dan ini pada saya akan menjejaskan kedudukan perdagangan kita dengan India dan China dan kenapakah perkara ini berlaku dengan mengejut dan serta-merta dan saya difahamkan bahawa surat tawaran yang dikeluarkan oleh kerajaan ditandatangani oleh Menteri Kewangan Kedua tanpa dimaklumkan kepada Menteri Pengangkutan.

Dalam kertas awal GAMUDA-MMC saya difahamkan hanya lapan *pages* dengan izin, tawaran mereka tetapi kerajaan dengan serta mempertimbangkan tawaran tersebut dengan menjejaskan hubungan diplomatik di antara Malaysia, India dan China dan saya difahamkan di Parlimen India pada bulan April tahun ini, perkara ini telah dibahaskan di mana satu surat oleh bekas Menteri Pengangkutan telah dikeluarkan. Surat ini telah ditujukan kepada kerajaan India supaya mengekalkan Prasad sebagai *Managing Director of Ircan* kerana Prasad dikatakan kalau memberikan kepada syarikat Malaysia, peluang untuk menjadi konsultan *firm* dengan bayaran *fee* sembilan peratus yang jauh lebih tinggi dan *kick back money* sebanyak RM36 juta. Minta penjelasan daripada kerajaan.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat terima kasih. Sebenarnya soalan tambahan tadi adalah berkaitan dengan perkara yang lain daripada persoalan asal. Soalan asal adalah menghendakkan jawapan mengenai perkembangan landasan berkembar Rawang ke Ipoh. Soalan yang berbangkit kemudian ialah mengenai projek berkembar daripada Ipoh ke Padang Besar. Walau bagaimanapun saya ingin menjawab sedikit iaitu memang benar adanya surat niat ataupun *later of intent* dengan izin yang diberikan kepada IRCON bagi tujuan untuk melahirkan hasrat untuk membina landasan berkembar daripada Ipoh ke Padang Besar. Ini merupakan satu yang telah dikendalikan secara agak bersaksi dan sebagainya.

Tetapi, *later of intent* ini iaitu surat niat ini ialah surat niat sahaja. Ia tidak ada mempunyai tatacara-tatacara yang boleh mengikatkan kedua-dua pihak dari segi *legality*nya dari segi hukum syarat-syarat yang ada umpamanya dalam sesuatu kontrak. Bermakna ianya tidak mempunyai ciri-ciri kontrak. Dan perubahan ini memang sebenarnya telah berlaku walaupun pada awalnya iaitu hasrat untuk diberikan kepada satu kontraktor yang lain iaitu kontraktor tempatan. Ini saya rasa adalah lahir daripada kesukaran dan kesulitan yang dihadapi oleh pihak kerajaan dan KTMB dalam rundingan mereka untuk mencapai sesuatu maksud bagi membina landasan daripada Ipoh ke Padang Besar tadi.

Ada banyak kesulitan yang telah berlaku dan ini adalah merupakan kesulitan-kesulitan yang biasa dan saya rasa ini tidak menjejaskan. Dengan adanya pemberian ataupun hasrat untuk memberi kontrak ini kepada syarikat tempatan, kita harap tidak akan menjejaskan perhubungan di antara pihak Malaysia dan India, oleh sebab apa yang berlaku dan apa yang timbul adalah kerana kesulitan yang timbul dari segi membincangkan tatacara-tatacara kontrak dan kerja-kerja dan juga syarat-syarat dalam kontrak itu yang sepenuhnya mesti dikehendaki ada di antara kedua-dua pihak. Dan didapati juga bahawa syarat-syarat dan harga yang diberikan oleh kontraktor tempatan adalah begitu berpatutan.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan lebih RM5 bilion dibelanjakan untuk projek jalan kereta api berkembar ini, 75% pinjaman dan 25% daripada peruntukan pembangunan kerajaan. Itu merupakan satu jumlah yang besar. Kita tahu di mana-mana tempat di dunia ini pun, operasi kereta api ini bukan satu yang menguntungkan. Jadi di sini kita dapati kemungkinan untuk bayaran balik berlaku begitu sukar.

Jadi soalan saya Tuan Yang di-Pertua, apakah strategi kerajaan dalam menentukan operasi tersebut memberi pulangan yang baik serta dari segi kos *benefit analysis* macam mana kedudukannya? Terima kasih.

**Tan Sri Dato' Seri DiRaja Ramli bin Ngah Talib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya nyatakan dalam Dewan ini beberapa minggu yang sudah, Keretapi Tanah Melayu adalah merupakan satu organisasi yang dibiayai (*subsidize*) oleh kerajaan dalam angka-angka tertentu tiap-tiap tahun. Ini adalah atas beberapa sebab. Bukan sebab Keretapi Tanah Melayu tidak mengendalikan pengurusan secara baik malah ia mempunyai matlamat-matlamat dan wawasan-wawasan yang tertentu, yang baik. Tetapi disebabkan oleh keadaan-keadaan tertentu yang tidak dapat dielakkan, umpamanya *competition* dengan izin, persaingan yang begitu hebat dari pihak-pihak yang lain seperti North-South Expressway dan sebagainya. Dan juga oleh sebab Keretapi Tanah Melayu dan kerajaan setakat sekarang ini tidak membenarkan Keretapi Tanah Melayu untuk menaikkan tambang terutama sekali kepada penumpang-penumpang.

Walaupun begitu, Keretapi Tanah Melayu menjalankan usaha-usahanya berlandaskan kepada ciri-ciri komersial – *on the commercial basis*. Begitu juga yang berlaku di organisasi kereta api di negara-

negara yang lain, umpamanya satu negara yang membangun betul-betul, kereta apinya mengalami kerugian sebanyak lebih kurang RM2.4 bilion tiap-tiap satu tahun dan ini dibiayai oleh kerajaan. Jadi nampaknya tidak banyak kereta api dalam dunia ini merupakan satu organisasi yang *viable*. Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus dengan KTMB, dengan adanya pengurusan yang ada sekarang ini dan juga dengan adanya struktur yang ada sekarang ini, dan dengan tambahan perkhidmatan yang akan dikendalikan, dengan pembinaan *rail* berkembar daripada Ipoh ke Padang Besar dan seterusnya daripada Kuala Lumpur ke Singapura, Johor Bahru ke Singapura, diharapkan ianya akan meningkatkan lagi kemantapan Keretapi Tanah Melayu untuk mengendalikan pengurusannya secara lebih baik lagi.

3. **Tan Seri Dato' Dr. Ting Chew Peh [Gopeng]** minta Menteri Pendidikan menyatakan:-

- (a) jumlah kekurangan guru di SRJK(C) mengikut negeri; dan
- (b) langkah-langkah kementerian untuk menangani masalah kekurangan guru di SRJK(C).

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir]:** Tuan Yang di-Pertua;

- (a) Pada masa ini jumlah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina SRJK(C) seluruh negara ialah 1,368 orang. Pecahan mengikut negeri adalah seperti berikut:-

<b>Negeri</b>	<b>Bil. Kekurangan Guru</b>
Perlis	4
Kedah	158
Pulau Pinang	27
Perak	138
Selangor	224
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	211
Negeri Sembilan	28
Melaka	11
Johor	190
Pahang	7
Terengganu	6
Kelantan	39
Sabah	222
Sarawak	92
Wilayah Persekutuan Labuan	11
<b>Jumlah Keseluruhan</b>	<b>1,368</b>

- (b) Bagi menangani masalah kekurangan guru di SJK(C), kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti berikut:-
  - (i) menggunakan khidmat Guru Sandaran Tidak Terlatih (GSTT) dan guru kontrak;

- (ii) menjalankan Kursus Dalam Cuti atau (KDC) bagi GSTT; dan
- (iii) memperkenalkan latihan perguruan berasaskan sekolah.

Keutamaan pengambilan calon diberikan kepada GSTT yang mengajar di sekolah yang mengalami masalah kekurangan guru. Kementerian yakin langkah-langkah tersebut dapat mengatasi masalah kekurangan guru di SJK(C).

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kekurangan guru di SRJK(C), masalah ini telah lama wujud. Sebelum Menteri Pendidikan sekarang, Timbalan Menteri Pendidikan dari MCA pun telah mengatakan pada masa itu bahawa masalah ini akan diselesaikan dalam tempoh tiga tahun. Tiga tahun sudah lepas, lagi tiga tahun juga lepas tetapi masalah ini masih tidak selesai. Bukan sahaja ia tidak selesai, malah masalah ini bertambah buruk kerana bilangan kekurangan ini telah bertambah. Angka yang diberi oleh Setiausaha Parlimen tidak sama dengan angka yang baru diberi oleh Timbalan Menteri Pendidikan dalam surat khabar. Menurut Timbalan Menteri bahawa kekurangan sekarang adalah melebihi 3,000 orang, tetapi yang dikatakan oleh Setiausaha Parlimen adalah 1,300 lebih. Jadi saya mempertikaikan angka ini sama ada siapakah yang beri angka yang sebenarnya?

Saya rasa Timbalan Menteri sepatutnya lebih tahu daripada Setiausaha Parlimen.

**Beberapa Ahli Dewan:** *[Ketawa]*

**Puan Chong Eng:** Jadi saya ingin mendapat satu angka yang sebenarnya mana satu yang betul. Terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Pagi-pagi buta macam ini, jangan dok perli saya.

**Beberapa Ahli Dewan:** *[Ketawa]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kata saya punya angka tidak betul, yang nuu, lebih betul. Saya cakap di sini dari segi *official*. Benda yang diberi kepada saya berdasarkan berapa pengambilan. Jadi Yang Berhormat, jangan buat celahan macam itu seolah-olah merendahkan kedudukan saya. Jadi jangan sekali-kali Yang Berhormat. Terus terang saya bercakap itu Yang Berhormat. Begitu juga dengan angka-angka itu, saya tidak tahu dari mana petikan angka-angka Yang Berhormat dapatkan itu, saya tidak tahu. Saya pohon maaf kalau Yang Berhormat dapat angka itu daripada langit atau daripada mana, saya tidak peduli....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun] [Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** No, noooooo, duduk sahaja. Duduk! Semalam tidak bagi peluang kepada saya untuk bercakap.

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Bukit Mertajam! Tolong, tolong. Tolong, ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya terus terang apabila Yang Berhormat bangkitkan dengan permasalahan ini lama, memang pihak kementerian sudah mencari jalan bagaimana untuk mengatasi masalah ini. *[Disampuk oleh Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam]*

Ini dengarlah. Bila kita jawab, dengarlah! Jangan dok wau, wau wau. Wau, wau, wau, apa wau, wau wau?

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, janganlah. Hmm.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi saya minta Tuan Yang di-Pertua, kita pihak kementerian telah mencuba sedaya upaya untuk mengatasi masalah ini. Misalnya kita telah mengadakan macam baru-baru ini pengambilan secaraambilan khas, kita panggilambilan khas dalam hal ini, iaitu seramai 573 pada bulan Ogos.

Misalnya dalam latihan sekarang ini sudah ada KDPM sahaja 3,506 orang, kemudian kursus dalam cuti lagi kita buat 2,449 orang. Jumlah kesemuanya 5,955 dan campur dengan angka 573ambilan khas pada bulan Ogos kita dapati 6,528. Ini memperlihatkan jelas bahawa kita cuba sedaya upaya untuk mendapatkan seberapa ramai misalnya apa yang dipohon kita cuba atasi. Jadi, janganlah timbulkan masalah bahawa tidak ada usaha daripada pihak kita. Misalnya macam kita membuatambilan khas, itu pun



kita usaha juga. Kita memberi peluang beberapa kali tetapi masih tidak ada orang yang berminat. Ini mungkin tidak ada minat, mungkin ya, saya cakap di sini, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kluang.

**Tuan Hoo Seong Chang:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya percaya usaha kementerian untuk mendapatkan guru terlatih melalui maktab perguruan, guru sandaran dan sebagainya. Tetapi angka 1,368 ini mungkin ada lebih daripada angka ini sebab saya nampak baru-baru ini ada tambahan jawatan di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan mungkin setiap tahun murid-murid di sekolah Jenis kebangsaan Cina pun bertambah. Maka cara untuk kita memenuhi permintaan guru-guru ini mungkin bertambah dari tahun ke setahun. Saya memang akui kementerian ada berusaha untuk menambah guru terlatih. Jadi, mungkin cara lain. Soalan tambahan saya ialah melalui KDC dan juga guru kontrak dapat kita membantu untuk mengatasi masalah kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, tetapi saya nampak pada tahun ini KDC masih belum melaksanakan program KDC dan guru kontrak.

Jadi, saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian bilakah KDC akan dilaksanakan dan berapa orang akan *ditargetkan* dapat melalui KDC dan juga guru kontrak untuk kita sama-sama menyelesaikan kekurangan guru di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Kluang. Jadi soalan ini nampaknya lebih relevan dan ada cara bertanya daripada membuat *condemnation*, dengan izin. Jadi, ini saya rasa sebab MCA lebih serius dalam pendidikan SJKC daripada yang sebelah sana itu. DAP cakap sahaja pandai. i banyak cakap tetapi waktu dalam Parlimen sahaja bercakap itu pun dalam isu waktu ada pilihan raya. Banyak bercakap tetapi kerja tidak buat.

MCA, saya beri pujian dalam hal ini. Mereka begitu serius dalam soal menjayakan pendidikan Cina, maksud saya SJKC. Jadi, dalam hal ini saya berterima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kluang bahawa ini sebagai satu cadangan dan kita akan mempertingkatkan lagi kursus dalam cuti dan juga guru sandaran tadi. Seperti mana yang telah saya sebutkan tadi bahawa ambilan khas sahaja telah kita lakukan bulan Ogos yang lalu, misalnya kita dapat 573 orang. Itu ambilan khas, tidak termasuk macam yang saya katakan data yang kita dapat pada bulan Julai 2003. Di peringkat itu mereka yang dalam latihan ialah seramai 5,955 orang. Itu yang dalam latihan, tetapi ambilan khas pada bulan Ogos 2003 yang baru ini, iaitu kita mengambil 573. Jadi, maknanya sekarang ini Yang Berhormat telah memberikan cadangan kita akan mengambil perhatian dalam keadaan itu.

4. **Tuan Mohamad bin Sabu [Kuala Kedah]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sejauh manakah penyiasatan terhadap kes pembunuhan seorang pengusaha balak di Kedah baru-baru ini. Apakah hubungannya dengan pembayaran lebih dari RM100 juta kepada pemimpin politik dan apakah tindakan kerajaan terhadap sebuah akhbar yang mendedahkan pembayaran tersebut.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, hasil dari siasatan polis telah berjaya mengenal pasti sasppek yang terlibat dalam kes ini. Tangkapan masih belum dapat dibuat kerana sasppek berkenaan telah menghilangkan diri. Siasatan juga mendapati kes pembunuhan ini tidak ada kaitan dengan pembayaran lebih daripada RM100 juta kepada pemimpin politik seperti mana yang telah didedahkan pihak akhbar. Setakat ini tidak ada apa-apa tindakan diambil ke atas akhbar yang telah mendedahkan mengenai pembayaran berkenaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kuala Kedah.

**Tuan Mohamad bin Sabu:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Begitu banyak surat-surat layang yang tersebar di Kedah sekarang ini tentang pembunuhan Ah Kun ini dan surat-surat ini menyebabkan beberapa orang pemimpin politik agak tidak senang, boleh dijadikan racun menjelang pilihan raya dan pemilihan UMNO tahun hadapan. Jadi, setakat jawapan itu tidak melegakan suasana di Kedah. Saya harap bolehkah kerajaan mempercepatkan pendakwaan termasuk kepada surat khabar tertentu, surat khabar Parti KeADILan yang mendedahkan amaun yang begitu tepat yang diperolehi dari pemimpin tertinggi Barisan Nasional.

Jadi, kalau tidak dipercepatkan pendakwaan, maka perkara ini menjadi satu kudis dan mayat itu pula dicampakkan di kawasan Pendang, nanti busuk pula nama Ahli Parlimen Pendang. Jadi kita berharap dapat pendakwaan segera dan rakyat Kedah terutamanya dapat mengetahui kenapa Ah Kun raja balak ini dibunuh dengan begitu kejam. Minta penjelasan.

**Dato' Zainal Abidin bin Zin:** Saya sangat setuju seperti kata Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, tetapi di antara Pendang dengan Kuala Kedah, nampak gaya Kuala Kedah lebih takut daripada Pendang, sebab itu Yang Berhormat bagi Kuala Kedah bertanya. Permintaan Yang Berhormat untuk mempercepatkan saya setuju sebab itu kita terus menerus mencari saspek yang berkenaan. Tindakan boleh diambil apabila kita dapat menangkap saspek yang terlibat dan dengan itu pendakwaan boleh dibuat. Kita tidak boleh membuat pendakwaan tanpa saspek yang berkenaan untuk didakwa dengan tuduhan-tuduhan yang tertentu. Kemungkinan boleh bertanya kepada pihak yang berkenaan atas wang yang dikatakan RM100 juta.

Semua bukti ini boleh didapati dan kita tidak boleh menggunakan hanya surat-surat layang sebagai bukti. Sememangnya surat layang ini boleh menakutkan orang. Sebab mereka mula takut ialah ia boleh digunakan sebagai bukti dan daripada sumber-sumber surat layang ini boleh diketengahkan kalau percaraan ini dapat berjalan dan pihak pendakwa dan pihak yang akan mempertahankan dakwaan akan mengemukakan tuduhan dan penolakan kepada tuduhan ini.

5. **Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar [Pulai]** minta Menteri Kesihatan menyatakan bahawa didapati masa kini pesakit-pesakit buah pinggang bertambah. Bilakah pihak kerajaan dapat membekalkan mesin-mesin buah pinggang di hospital-hospital kerajaan dengan secukupnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S.G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat perkhidmatan hemodialisis disediakan oleh tiga pembekal utama iaitu pembekal-pembekal sektor awam, sektor swasta dan badan-badan bukan kerajaan. Pembekal sektor awam pula terdiri daripada Kementerian Kesihatan, universiti dan tentera. Kini terdapat sejumlah 165 unit dialisis di semua sektor yang memberi rawatan kepada sejumlah 8,370 pesakit. Ini termasuk 70 unit dialisis di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia dengan 745 mesin hemodialisis untuk 2,471 orang pesakit.

Kementerian Kesihatan sedang membina 30 unit hemodialisis tambahan dengan 4 buah mesin hemodialisis bagi setiap unit pada tahun 2003 dan 15 unit lagi hemodialisis pada tahun 2004. Ini bermakna menjelang akhir tahun 2004 dijangka semua hospital Kementerian Kesihatan akan mempunyai unit hemodialisis.

**Dato' Haji Abdul Kadir bin Annuar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian sedar bahawa pesakit-pesakit khususnya di Hospital Sultanah Aminah Johor Baru semakin bertambah dan mesin yang digunakan itu tidak mencukupi hingga ada di antara pesakit-pesakit itu terpaksa menyucikannya di luar. Dan adakah pihak Kementerian boleh berusaha untuk menampung ataupun menambahkan lagi mesin-mesin yang ada di Hospital Sultanah Aminah Johor Baharu?

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, perkara ini adalah satu perkara yang spesifik jadi saya kena perlu siasat tentang keadaan di sana sebelum sebarang tindakan boleh diambil.

**Tuan Haji Che Ghani bin Che Ambak:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan, memandangkan kos setiap kali hemodialisis ini dijalankan melibatkan kos yang agak besar bagi pesakit. Apakah rancangan kerajaan sebelum pihak hospital dapat menyediakan secara cukup di seluruh negara khususnya bagi pesakit-pesakit yang miskin yang saya difahamkan setiap kali cucian dibuat memang melibatkan kos yang agak tinggi terutamanya di klinik swasta ataupun di tempat-tempat swasta.

Soalan yang kedua ialah mengikut dengan izin *prevention is better than cure* jadi dari sudut pendekatan Kementerian Kesihatan memandangkan jumlah pesakit saya difahamkan sekarang ini di kalangan kanak-kanak ramai yang terlibat yang katanya adalah akibat daripada memakan *junk food*, memakan makanan-makanan yang tidak mempunyai kawalan mutu yang baik. Apakah langkah yang dilalui oleh pihak Kementerian Kesihatan untuk memastikan bahawa makanan-makanan yang dikenal pasti boleh menyebabkan kerosakan buah pinggang ini diambil langkah awal untuk pencegahannya? Terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Berkaitan dengan rancangan kerajaan untuk pesakit-pesakit miskin memang Kerajaan sedar dan prihatin terhadap perkara ini. Itulah sebabnya kerajaan menyediakan walaupun fasiliti yang ada di Kementerian masih belum mencukupi kerajaan menggalakkan lebih banyak lagi NGO-NGO tampil ke hadapan untuk mewujudkan pusat-pusat hemodialisis ini. Dan juga pada NGO-NGO ini kerajaan memberi subsidi sebanyak RM50 untuk setiap pesakit-pesakit miskin supaya mereka boleh mendapat faedah daripada perkhidmatan yang disediakan oleh pusat-pusat NGO. Begitu juga untuk pesakit-pesakit miskin yang pergi kepada hospital kerajaan cuma bayarannya yang dikenakan adalah cuma

RM13 sahaja setiap kali dan pesakit-pesakit yang tidak mampu mereka boleh merayu kepada pegawai kebajikan ataupun Pengarah Hospital untuk dikecualikan juga daripada pembayaran.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini untuk bulan Disember, jumlah pemberian subsidi kepada pesakit-pesakit miskin adalah sebanyak RM11,349,221. Dan bagi bulan Januari hingga Mac, jumlah subsidi yang telah diberi adalah sebanyak RM3,153, 432. Jadi ini menunjukkan di antara langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan, begitu juga *matching grant* yang diberikan kepada NGO untuk mewujudkan pusat hemodialisis.

Dan berkaitan dengan langkah-langkah pencegahan yang diambil, kementerian telah pun melancarkan Kempen Cara Hidup Sihat. Dan di antaranya ialah supaya mengamalkan cara-cara hidup sihat dan satu aspek yang penting ialah cara pemilihan makanan kita dan memang kita menggalakkan orang ramai supaya mematuhi nasihat yang di beri oleh kementerian tetapi oleh sebab rakyat Malaysia mampu untuk membeli apa sahaja kerana taraf hidup kita telah meningkat jadi ini adalah perkara-perkara di mana seseorang individu itu harus berdisiplin untuk memastikan bahawa mereka mengamalkan hidup yang sihat khususnya dari segi pemakanan mereka.

6. **Tuan Richard Riot ak. Jaem [Serian]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan adakah Kerajaan optimistik tentang pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan oleh Perdana Menteri kita sendiri sepuluh tahun yang lalu.

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]:** Tuan Yang di-Pertua, memandangkan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat hampir sama maksudnya dengan soalan Yang Berhormat dari Bagand Datok, saya minta izin untuk menjawab serentak.

**Tuan Yang di-Pertua:** Baik.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kumpulan ekonomi Asia Timur atau *East Asia Economic Group*, EAEG yang telah dicadangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada tahun 1990 adalah bermaksud untuk menjadikan sebagai kumpulan rundingan antara negara-negara Asia Timur dan bukannya sebagai sebuah blok ekonomi serantau. Cadangan ini pada asalnya adalah untuk menyelidik masalah-masalah yang wujud serta mengkaji idea-idea yang baru yang diutarakan oleh negara-negara Barat bagi memastikan idea-idea tersebut sekiranya direalisasikan tidak akan membawa kesan yang negatif kepada negara-negara di rantau ini.

Walaupun pembentukan EAEG masih belum direalisasikan tetapi dalam realitinya kewujudan ASEAN+3 yang merangkumi negara-negara ASEAN dan negara Cina, Jepun dan Korea Selatan adalah sebenarnya kumpulan ekonomi Asia Timur. Secara tidak langsung penamaan ASEAN+3 ini juga merupakan penerimaan negara-negara terlibat ke atas cadangan EAEG walaupun tidak disebut secara terang.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia berpendapat bahawa proses ASEAN+3 ini atau kewujudan EAEG akan dapat membantu serta memberi sumbangan yang berkesan khususnya kepada pemulihan masalah-masalah ekonomi serantau.

**Tuan Richard Riot anak Jaem:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan tambahan saya, izinkanlah saya Tuan Yang di-Pertua untuk mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Ahli bagi Kepala Batas atas pelantikan beliau sebagai Perdana Menteri Malaysia Kelima. *[Tepuk]*

Kami rakyat di kawasan Parlimen Serian berikrar akan berdiri teguh dan memberi sokongan yang padu kepada beliau *[Tepuk]* Seputeh jangan ganggu. Saya sudah minta izin untuk...

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan mengucapkan jutaan terima kasih kepada bekas Perdana Menteri kita iaitu Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir Mohamad atas sumbangan beliau selama 22 tahun sebagai Perdana Menteri yang telah membawa negara kita ke mercu kegemilangan.

Soalan tambahan saya, sekretariat NAM, sekretariat OIC ditempatkan di Kuala Lumpur. Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk dengan izin, "*moot the idea*" untuk menubuhkan sekretariat Kumpulan Ekonomi Asia Timur dan menempatkannya di Kuala Lumpur? Sekian terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih atas soalan Yang Berhormat dari Serian. Pada masa kini belum ada cadangan untuk menetapkan mana-mana sekretariat untuk EAEG atau ASEAN+3. Ini adalah kerana kalau kita lihat dari segi praktiknya pembentukan satu institusi yang tetap di mana-mana tempat akan melibatkan banyak perbelanjaan dan juga kerumitan yang boleh mengambil alih pandangan kita atau teras kita dari isu-isu yang patut sebenarnya diberi teras dan diberi pertimbangan. Jadi pada masa kini belum ada cadangan untuk menempatkan mana-mana institusi, walaupun sekretariat ini tidak tetap seperti mana yang kita lihat sekretariat OIC dan NAM ini adalah satu pusat untuk menyelenggarakan semasa kita memegang jawatan sebagai Pengerusi.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa ASEAN +3 ini adalah lanjutan daripada EAEG, malah ia lebih lagi daripada EAEG dari sudut satu kumpulan ekonomi.

Jadi, soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, apabila kita ajak ASEAN +3 merupakan badan untuk kita menjana idea dan juga *business*, tentulah *stand* kita dalam banyak perkara sama tetapi kita dapati dalam soal multilateral seperti dalam WTO, di kalangan Ahli-ahli ASEAN +3 mempunyai pandangan yang begitu berbeza dan mempunyai *stand* yang berbeza. Di Cancun umpamanya, negara Thailand, macam yang lain daripada negara Malaysia ini, apakah pandangan Yang Berhormat dalam perkara ini? Terima kasih.

**Datuk Dr. Leo Michael Toyad:** Untuk makluman Yang Berhormat bagi Tambun, sebenarnya tidak begitu lari daripada teras kita dalam ASEAN +3. Yang pentingnya ialah kita dapat ruang untuk rundingan, malah isu-isu yang dapat kita kemukakan, dapat dipersetujui tetapi yang pentingnya ialah dalam kita membawa pendirian sebagai negara membangun dan juga negara yang maju dari segi ekonominya, kita dapat menimbang perkara-perkara keutamaan yang patut kita bawa ke dalam WTO dan juga di mana kita dapat menggerakkan supaya cara-cara negara maju untuk terus memperjuangkan isu-isu atau agenda mereka dapat kita banteras secara tidak langsung.

Seperti mana yang kita maklumkan dalam WTO yang lalu di Cancun kita nampak bahawa kejayaan negara-negara membangun dapat bersatu dalam isu yang tertentu di mana usaha-usaha negara maju telah membawa perjuangan mereka secara menggunakan penekanan yang tertentu tetapi dalam itu kita nampak mereka tidak dapat membawa agenda secara berjaya dan kita dapat lagi membawanya supaya ia dapat diperbincangkan lagi dan supaya kepentingan negara-negara membangun dalam mendapatkan tempat dalam ekonomi dunia secara seimbang dan juga dengan peluang yang adil. Sekian, terima kasih.

**7. Datuk Goh Siow Huat [Rasah]** minta Menteri Kesihatan menyatakan, adakah kementerian sedar perkhidmatan ambulans di hospital-hospital negeri Selangor dibantu oleh St. John Ambulans Malaysia kawasan Klang. Adakah kementerian akan memperluaskan perkhidmatan ambulans oleh St. John Ambulans Malaysia ini ke hospital-hospital yang lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan ambulans di Lembah Klang disediakan bersama Kementerian Kesihatan Malaysia dengan bantuan beberapa agensi iaitu Persatuan St. John Ambulans untuk kawasan Cheras, Persatuan Bulan Sabit Merah bagi kawasan pusat Kuala Lumpur dan Ampang, Jabatan Perkhidmatan Awam 3 untuk kawasan Gombak dan Rawang dan Hospital Universiti Malaya untuk Petaling Jaya.

Perkhidmatan ambulans dari hospital kerajaan disediakan oleh Hospital Kajang iaitu untuk Kajang dan Cheras, Hospital Putrajaya untuk Putrajaya dan Sepang dan Hospital Tengku Ampuan Rahimah untuk bandar Klang dan Shah Alam.

Purata panggilan kecemasan yang diterima di Lembah Klang adalah 17,000 panggilan setahun dan waktu tindak balas kepada waktu kecemasan di Lembah Klang adalah dalam 15 ke 20 minit. Perkhidmatan ambulans kecemasan diberikan secara percuma oleh persatuan sukarela ini.

Kerjasama antara Kementerian Kesihatan bersama Persatuan St. John Ambulans di tempat lain bergantung kepada cukupnya tenaga kerja dan peralatan pihak persatuan tersebut untuk memberikan perkhidmatan.

Kementerian tidak mempunyai halangan jika pihak persatuan ingin memulakan operasi di luar kawasan Lembah Klang dan tertakluk kepada syarat yang diperuntukkan dalam Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

**Datuk Goh Siow Huat:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya, adakah perkhidmatan dan tugas yang dijalankan oleh St. John Ambulans Malaysia ini telah dapat komen yang baik dan keyakinan orang awam? Macam mana pihak Kementerian Kesihatan membantu mereka dari segi kewangan atau peralatan kecemasan untuk menjalankan kerja-kerja perkhidmatan ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, setakat yang kita tahu, perkhidmatan St. John Ambulans itu memang memuaskan hati dan membantu kita dalam menjalankan tugas-tugas kita. Dari segi bantuan kewangan kepada setiap badan-badan seperti St. John Ambulans dan sebagainya, mereka berhak untuk menuntut ataupun meminta bantuan daripada Kementerian Kesihatan untuk mendapat geran tahunan. Jadi, terpulang kepada keperluan mereka. Tiap-tiap tahun, kita juga tetap memberi bantuan kepada persatuan-persatuan seperti ini.

**Tuan Saupi bin Daud:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mendapat penjelasan daripada kementerian berhubung dengan jawatan-jawatan yang didapati di peringkat St. John Ambulans dan juga Persatuan Bulan Sabit Merah kerana didapati ada tawaran jawatan tetap kepada mereka, umpamanya, Pembantu Kesihatan, melalui dengan izin, *on the job training*.

Kemudian program-program ini, adakah ia mendapat arahan daripada hospital kerana kita tahu kebanyakannya yang melibatkan diri melalui Persatuan Bulan Sabit Merah atau St. John Ambulans ini banyak terlibat dengan program-program yang berupa kecemasan seperti banjir di utara baru-baru ini, kemudian bila berlakunya *standby* untuk program-program kerajaan di Bukit Jalil dan sebagainya. Jadi, adakah ini sebagai menampung bilangan pakar-pakar perkhidmatan perubatan yang tidak mencukupi di sekitar Lembah Klang ini? Saya ingin mendapat penjelasan.

**Tuan S. G. Sothinathan:** Tuan Yang di-Pertua, St. John Ambulans dan Persatuan Bulan Sabit Merah juga adalah badan-badan sukarela. Jadi, mereka membantu Kementerian Kesihatan dan juga lain-lain agensi yang menggunakan perkhidmatan mereka. Mereka tertakluk kepada peraturan-peraturan yang tersendiri, tetapi memang kita sentiasa menerima sumbangan mereka dalam kita menjayakan program-program kita. Jadi, itulah perkara yang sebenarnya.

**8. Dr. Yee Moh Chai [Tanjung Aru]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan, sama ada terdapat rancangan untuk membekal lebih jurulatih-jurulatih dan kemudahan-kemudahan sukan yang lebih baik untuk memberikan latihan kepada belia-belie kita supaya mereka boleh memenangi pingat-pingat dalam seberapa banyak kejohanan sukan antarabangsa.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Belia dan Sukan sememangnya mempunyai rancangan untuk membekalkan jurulatih-jurulatih dan menyediakan kemudahan-kemudahan sukan yang lebih baik untuk melatih atlet-atlet muda supaya atlet-atlet yang berkenaan mampu menghadapi cabaran dalam pertandingan-pertandingan sukan antarabangsa.

Untuk makluman Yang Berhormat, rancangan ini sebenarnya telah pun dilaksanakan dengan lebih tersusun melalui Program Jaya 98 iaitu satu program untuk menyediakan atlet bagi Sukan Komanwel 1998. Melalui program ini, kemudahan-kemudahan latihan serta jurulatih-jurulatih sama ada yang terdiri daripada jurulatih luar negara ataupun jurulatih tempatan telah dilantik untuk mengendalikan latihan di pusat-pusat latihan yang ditubuhkan di seluruh negara.

Program Jaya 98 diteruskan dengan Program Gemilang 2001 untuk menghadapi Sukan SEA tahun 2001. Program ini seterusnya dilanjutkan melalui Program Gemilang 2006 untuk menghadapi Sukan Asia dan Sukan Komanwel pada tahun 2006.

Bagi melaksanakan program ini, banyak pusat latihan telah pun ditubuhkan di sekolah-sekolah, memandangkan bakat-bakat sukan terdapat di sekolah. Sebagai contoh, Majlis Sukan Negara bersama-sama dengan Kementerian Pendidikan dan Majlis Sukan Negeri setakat ini telah pun menubuhkan sebanyak 195 pusat latihan bagi 24 jenis sukan. Pusat-pusat ini bertujuan untuk melantik atlet-atlet muda, bukan sahaja untuk Sukan Asia dan Sukan Komanwel tahun 2006 tetapi juga untuk Sukan Asia dan Sukan Komanwel bagi tahun 2010.

Dengan adanya program penyediaan atlet secara sistematik dan tersusun yang bermula daripada peringkat akar umbi ini, Kementerian Belia dan Sukan yakin atlet-atlet negara akan dapat menunjukkan prestasi yang baik dalam kejohanan antarabangsa.

**Beberapa Ahli:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanjong Aru.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Tanjong Aru. Oh, dia tidak bangun... *[Ketawa]* Ya, Bandau.

**Datuk Dr. Maximus Johnity Ongkili:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya selalu tumpang. *[Ketawa]* Dia beri mandat kepada saya untuk mengemukakan soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Syabas dan tahniah kepada pihak kementerian atas program-program dan pakej-pakej perancangan yang dijalankan untuk memastikan pembekalan jurulatih dan kemudahan-kemudahan sukan itu menepati keperluan-keperluan. Saya ingin bertanya, memandangkan di peringkat negeri Sabah dan Sarawak, sukan ini adalah dimasukkan dalam senarai bersama *concurrent list* di mana kedua-dua negeri ada Menteri Belia dan Sukan juga di negeri Sabah dan Sarawak.

Maka dalam soal ini saya ingin bertanya sebab dari segi tumpuan pembangunan infrastruktur nampaknya lebih berat, lebih banyak yang dibina dan disediakan di wilayah-wilayah di Semenanjung. Apakah kriteria dan prosedur yang digunakan bagi Kerajaan Pusat untuk memastikan supaya infrastruktur-infrastruktur sukan termasuklah kemudahan-kemudahan jurulatih itu dapat dinikmati lebih luas lagi oleh belia kita dan bagi rakyat kita di negeri Sabah dan Sarawak kerana pada saat ini berdasarkan *ad hoc* sahaja dan apa yang lebih itu disampaikan kepada kedua-dua negeri. Alasan sering kali kerana di situ ada Menteri Sukan masing-masing. Adakah pendekatan baru oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bagi Bandau, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat bahawa penyediaan kemudahan untuk bersukan sebenarnya bukan 100% disediakan ataupun dipikul oleh kementerian saya. Seperti mana yang pernah saya jawab dalam Dewan yang mulia ini, di samping adanya penyediaan kemudahan oleh Jabatan Belia dan Sukan di peringkat negeri, terdapat juga prasarana sukan yang dikendalikan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Menyentuh tentang apa Yang Berhormat bangkitkan tadi iaitu rupa-rupanya penekanan diberi hanya kepada bandar-bandar di Semenanjung sahaja, saya rasa itu mungkin tanggapan Yang Berhormat. Tetapi apa yang penting itu kita hendak pastikan bahawa setiap usaha kerajaan itu akan dapat mencakupi seluruh negara termasuk juga negeri Sabah dan Sarawak sebab kita tidak lupa bahawa atlet-atlet di negara kita khususnya mereka yang berjaya mengharumkan nama negara Malaysia terdiri juga daripada atlet-atlet dari negeri Sabah. Ini satu fakta

Bersabit dengan kriteria, sebenarnya untuk makluman Yang Berhormat, kriteria itu sebenarnya saya tidak faham kriteria apa Yang Berhormat maksudkan. Tetapi untuk makluman Yang Berhormat, pusat-pusat latihan yang saya maksudkan tadi itu sebenarnya adalah dikenal pasti untuk acara-acara sukan yang tertentu.

Umpamanya Pusat Latihan Gimnastik di Sekinchan negeri Selangor dan Pusat Latihan angkat berat di Rompin. Ini saya ambil kedua-duanya sebagai satu contoh dan kedua-duanya telah pun memberi pulangan pingat kepada negara kita dalam kejohanan antarabangsa. Jadi tidak semestinya semua kemudahan untuk kejurulatihan itu tertumpu di bandar-bandar yang besar sahaja. Di Sekinchan, di Rompin pun ada. Cuma saya tidak pastilah di Bandau itu ada atau tidak. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa untuk pertanyaan Jawab Lisan telah cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup]***

## USUL

### **KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KELAPAN (2001-2005)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas "Usul Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan." **[4 November 2003]**

**Tuan Yang di-Pertua:** Sebelum saya memohon Menteri Kewangan menjawab, saya hendak memberi sedikit penerangan iaitu kita dijadualkan hanya satu hari sahaja untuk Kementerian menjawab segala perbahasan daripada ahli-ahli. Oleh yang demikian, saya pohonlah Kementerian yang memberi jawapan supaya jangan menghabiskan masa. Mintalah mereka itu menjimatkan masa dan segala masalah yang dikeluarkan dalam masa Bajet, tidak payahlah dijawab. Oleh yang demikian, saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

**Timbalan Menteri Kewangan [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekejap, sekejap. Ada apa ini, Yang Berhormat?

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Mohon penjelasan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin memohon penjelasan berasaskan kepada rujukan Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan kedudukan Kabinet. Apabila Perdana Menteri yang keempat dahulu telah pun meletakkan jawatan dan seluruh Jemaah Menteri yang lain itu ialah Jemaah Menteri di bawah Perdana Menteri yang lalu dan mengikut Perlembagaan, Perdana Menteri mesti menasihati Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Jemaah Menteri.

Sekarang ini kita sudah ada Perdana Menteri baru, dia telah mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong. Saya berfahaman bahawa apabila Perdana Menteri yang lama telah meletakkan jawatan, seluruh Kabinet itu sewajarnya semangat itu digugurkan kerana Perdana Menteri dahululah yang menasihatkan Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Jemaah Menteri.

Maka sewajarnya bagi saya dari sudut Perlembagaan, Perdana Menteri yang baru harus menasihatkan Yang di-Pertuan Agong bahawa ini Jemaah Menteri yang baru dan Jemaah Menteri ini harus mengangkat sumpah kepada Yang di-Pertuan Agong. Saya bimbang nanti bahawa masa depan ini akan menjelaskan dari segi kelulusan, apa yang kita luluskan dalam Dewan ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, habis sudah? Yang Berhormat, saya rasa elok saya mengkaji perkara ini. Saya pun tidak terlintas perkara ini di fikiran saya. Baiklah, pada masa sekarang ini biarlah kita minta Kementerian menjawab dahulu kerana ini hanya menjawab sahaja. Ya, semalam kita sudah berbahas sehari suntuk. Tidak ada membangkitkan perkara ini ya. Biarlah saya beringat-ingat.

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua menangguhkan mesyuarat 10-15 minit untuk Tuan Yang di-Pertua semak dari sudut Perlembagaan supaya memastikan jawapan-jawapannya nanti dan kesan kepada masa depan tidak terjejas.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ya. Yang Berhormat sila.

**Datuk Mohd. Shafie bin Haji Apdal:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Pokok Sena, amalan yang biasa, yang terdahulu daripada ini semenjak daripada Almarhum Tunku, bila ada perubahan dari segi pimpinan yang tertinggi di peringkat mentadbir kerajaan, cuma parti yang sama, kerajaan yang sama dan kita mengangkat sumpah di hadapan Yang di-Pertuan Agong, bukan di hadapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Maka dengan itu, kedudukan dan status Jemaah Menteri kekal menjadi pentadbir kerajaan dan saya rasa selagi tidak ada penarikan daripada Yang di-Pertuan Agong tentang pemegang jawatan, maka dengan itu kita kekal dengan status selaku Ahli Kabinet.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biarlah kita teruskan dahulu kerana.....

**Tuan Haji Mahfuz bin Haji Omar:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukuplah, Yang Berhormat cukuplah. Biarlah saya semak perkara ini, saya tengok keadaannya dan setelah kita jalankan tugas kita selama dua hari tidak ada perkara ini dibangkitkan. Biarlah kita teruskan pada hari ini. Masalah itu biarlah saya melihat berkenaan dengan perundangan. Sila, sila, Yang Berhormat.

**11.08 pagi.**

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang telah menyentuh perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Kewangan. Saya akan memberi jawapan dan penjelasan kepada persoalan dan pertanyaan yang telah dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Bagi yang tidak sempat saya jawab, ia akan diberi pertimbangan sewajarnya oleh Kementerian Kewangan.

Seperti Yang Berhormat semua sedia maklum, Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan digubal dengan mengambil kira rancangan pembangunan negara untuk tempoh sehingga tahun 2005. Bajet 2004 yang telah dibentangkan baru-baru ini turut mendukung hasrat dan cita-cita membangunkan negara dengan kaedah yang terancang dan berkesan melalui rancangan pembangunan lima tahun demi faedah rakyat keseluruhannya. Bajet 2004 adalah selaras dengan perancangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan dan cadangan peruntukan yang disediakan di bawah Bajet tersebut turut mengambil kira keperluan melaksanakan projek di bawah Kajian tersebut.

Strategi Bajet 2004 juga selaras dengan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan seperti Dasar Konsolidasi Fiskal, meningkatkan produktiviti, daya saing dan daya tahan negara serta memperluaskan sumber pertumbuhan baru.

Yang Berhormat bagi Tambun dalam perbahasannya memberi pandangan bahawa tempoh belanjawan defisit wajar dihadkan dan kerajaan perlu mencari jalan untuk mengadakan belanjawan lebihan. Sehubungan dengan itu, sukacita saya menjelaskan bahawa kerajaan sedar tentang masalah yang akan timbul sekiranya bajet defisit berterusan, lebih-lebih lagi sekiranya hutang semakin meningkat dan beban membayar khidmat hutang semakin tinggi. Keadaan ini akan mengakibatkan ketidakseimbangan dalam ekonomi dan boleh menjejaskan pertumbuhan dalam jangka panjang.

Untuk makluman Yang Berhormat, paras hutang negara masih terkawal dan Malaysia merupakan sebuah negara berhutang yang sederhana. Dalam pada itu, kerajaan terus komited dalam melaksanakan dasar konsolidasi kewangan bagi mengurangkan defisit fiskal negara. Kerajaan melalui Bajet 2004 telah mengambil langkah untuk mengawal perbelanjaan di samping mempergiatkan usaha untuk meningkatkan kutipan hasil kerajaan.

Sebenarnya dasar fiskal mengembang telah berjaya mengekal dan menjana pertumbuhan ekonomi negara dalam menghadapi persekitaran ekonomi global yang kurang menggalakkan dan tidak menentu. Atas alasan tersebut, selagi ekonomi dunia belum betul-betul pulih, maka kerajaan tidak boleh secara mendadak mengurangkan perbelanjaan negara terutama sekali bagi sektor-sektor penting seperti luar bandar, pertanian, pendidikan dan juga kesihatan.

Perubahan dasar secara mendadak akan membawa kejutan kepada ekonomi. Ianya perlu dilakukan secara berperingkat sebagaimana yang diamalkan oleh kerajaan sekarang. Di bawah langkah konsolidasi yang sedang dilaksanakan, Kerajaan Persekutuan dijangka akan mencatat bajet berimbang menjelang 2006.

Yang Berhormat bagi Batang Lupa telah menyarankan supaya tindakan diambil bagi mengekal dan meringankan lagi tahap daya saing negara. Dimaklumkan, bahawa aspek ini sememangnya diberi penekanan oleh kerajaan, malah di bawah pakej strategi baru yang diumumkan pada Mei 2003, kerajaan telah memperkenalkan 20 langkah yang khusus untuk meningkat daya saing negara. Antaranya, termasuklah seperti berikut:

- menggalakkan pelaburan swasta, terutamanya pelaburan domestik;
- menjadikan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) sebagai pemangkin pertumbuhan dan pelbagai insentif; serta
- memanjangkan lagi dalam tempoh perintis dalam cukai pelaburan di dalam skim pakej-pakej.



Selain daripada itu, kerajaan juga telah memberi banyak galakan bagi memperkembangkan kegiatan R&D seperti potongan cukai dua kali, meningkatkan pembangunan sumber manusia, selain menggalakkan menubuhkan pusat perolehan dan pusat pengedaran serantau dan juga ibu pejabat operasi HQ. Jadi, kalau Yang Berhormat ingin tahu secara mendalam, bolehlah lihat buku ini yang telah pun kita edarkan dahulu. *[Menunjukkan buku yang berkaitan]*

Dalam Bajet 2004 yang telah dibentangkan baru-baru ini, penekanan telah diberi terhadap usaha bagi memperbaiki lagi sistem serahan ataupun dengan izin *delivery system* yang akan dapat meningkatkan daya saing negara. Langkah yang diambil memberi tumpuan untuk mengatasi kelemahan dengan mengurangkan proses dan prosedur dalam birokrasi.

Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara mencadangkan supaya insentif cukai diberi kepada hospital swasta terutamanya terhadap rawatan berkaitan dengan warga emas. Berhubung dengan perkara ini, kerajaan tidak memberi insentif cukai secara langsung kepada hospital swasta. Walau bagaimanapun, kerajaan ada menyediakan insentif di mana pembayar cukai individu diberi pelepasan cukai sebanyak RM5,000 setahun untuk rawatan perubatan ibu bapa. Selain itu, pelepasan cukai tambahan RM5,000 diberi untuk pembelian peralatan sokongan asas bagi ibu bapa yang berupaya. Kalau tidak silap saya, dalam bajet yang lalu, kita ada memberikan *medical equipment*, jika sekiranya *medical equipment* itu mereka tidak dibuat di dalam negara, kita akan memberi juga insentif untuk diimport *medical equipment* daripada luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Ahli Yang Berhormat seperti Yang Berhormat bagi Pokok Sena, Yang Berhormat bagi Permatang Pauh dan Yang Berhormat bagi Kuala Kedah telah meminta supaya kontrak dan tender kerajaan dikendalikan secara telus dan terbuka. Pada masa ini, kaedah perolehan yang dilaksanakan ialah telus melalui tender terbuka, tender terhad, tender prakelayakan dan sebagainya. Pemilihan kaedah perolehan bagi sesuatu projek adalah bergantung kepada kesesuaian kaedah perolehan dengan projek atau barang yang hendak diperolehi bagi mendapatkan perolehan yang terbaik.

Yang Berhormat bagi Kota Melaka juga menyoal bagaimana kaedah untuk mengelakkan daripada sesiapa sahaja menggunakan pengecualian tender terbuka dan tender terhad bagi mendapatkan tender secara rundingan terus.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Kemaman bangun Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Haa, Kemaman. Yang Berhormat bagi Kemaman tidak soal pun dalam perbincangan awal.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kemaman.

**Tuan Abd. Rahman bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya, daripada kontrak-kontrak dan pembekalan-pembekalan yang dibuat oleh kerajaan, berapa banyak yang dibuat secara terbuka dan berapa banyak yang dibuat secara *negotiated* dan *close tender*?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau tidak silap saya, jawapan penggulangan semasa peringkat dasar Bajet 2004, ada saya sebutkan di sini, ada kalau dilihat balik. Kalau tidak nanti, saya akan beri secara bertulis.

Dalam hal ini, Kementerian Kewangan telah pun mengeluarkan garis panduan permohonan perolehan secara rundingan terus pada 17 April 2002 yang menetapkan bahawa permohonan perolehan rundingan terus akan hanya dipertimbangkan sekiranya terdapat keperluan mendesak. Kriteria lain antaranya, untuk maksud penyeragaman hanya terdapat satu punca bekalan atau perkhidmatan dan perolehan yang melibatkan keselamatan atau yang bersifat strategik.

Peraturan dan syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan tersebut dapat memastikan bahawa perolehan yang benar-benar perlu sahaja akan dipertimbangkan secara rundingan terus. Manakala, perolehan biasa pula, hendaklah dilaksanakan secara tender selaras dengan prinsip saingan terbuka dan nilai faedah yang terbaik ataupun *value for money* yang diamalkan oleh kerajaan.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhammad bin Abdullah) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Yang Berhormat bagi Gelang Patah meminta kerajaan menimbang semula kontrak yang diberi secara kaedah PMC melalui Kementerian Kewangan, kerana didapati kos projek di bawah PMC mengakibatkan kos yang tinggi berbanding dengan projek yang dilaksanakan oleh JKR dan memastikan

kaedah *deferred payment* sentiasa telus. Untuk makluman Yang Berhormat, pada amnya, skop kerja PMC adalah untuk mengurus dan menyelia pelaksanaan projek-projek bagi pihak kerajaan. Ini melibatkan pengurusan di peringkat prakontrak, reka bentuk, rundingan harga, penyediaan dokumen tender, di peringkat pasca kontrak iaitu pembinaan dan tempoh tanggungan kecacatan dan pengauditan pengurusan projek yang telah siap.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelantikan PMC adalah bagi menyediakan perkhidmatan teknikal untuk jabatan yang tiada kakitangan teknikal atau di mana jabatan teknikal tidak mempunyai kemampuan disebabkan oleh kekurangan kakitangan. Pendekatan ini dilaksanakan terutamanya sekali semasa kerajaan melaksanakan dasar pengembangan melalui pelaksanaan projek-projek pembangunan dengan pesat dalam tempoh selepas krisis kewangan 1997.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Kementerian Pendidikan, penggunaan PMC adalah atas permintaan JKR sendiri memandangkan terdapat kekurangan kakitangan profesional dan teknikal di bawah JKR dan ramai berhijrah ke sektor swasta semasa *boom period* dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kaedah PMC tidak dilaksanakan sewenang-wenangnya kecuali benar-benar perlu sahaja, dalam keadaan ini di mana projek perlu dilaksanakan segera dan agensi teknikal tidak dapat menanganinya. Tuan Yang di-Pertua.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Ahli Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga membangkitkan mengenai ketelusan pelaksanaan melalui *deferred payment*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek *deferred payment* telah dilaksanakan secara tender terhad di kalangan kontraktor berwibawa atau di kalangan kontraktor tempatan. Terdapat juga kontrak yang dirunding terus kepada keperluan untuk menyegerakan sesuatu projek di bawah program-program rangsangan. Pelaksanaan projek secara pembayaran tertanggung ataupun *deferred payment* diperkenalkan sebagai usaha untuk mengatasi kegawatan ekonomi dalam tahun 1997 dan juga 1998 bagi membolehkan kerajaan melaksanakan projek-projek baru dalam usaha untuk menjana ekonomi negara.

Pada masa yang sama, terdapat kecairan yang tinggi dalam pasaran modal yang boleh digunakan oleh kerajaan. Dengan adanya pendekatan *deferred payment* ini, kerajaan juga dapat mengatasi masalah kontraktor dan kapasiti yang ideal dengan izin, di samping memulihkan kembali industri pembinaan yang terjejas teruk semasa krisis kewangan. Mengenai cadangan supaya kerajaan memantau kontraktor bagi projek yang gagal....

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Gelang Patah. Ya, sila.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Memandangkan saya pernah dapat jawapan di dalam Dewan yang mulia ini, bahawa pihak JKR tidak kata mereka menghadapi kekurangan tenaga teknikal. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri kata, pihak kerajaan terpaksa memberikan kepada cara PMC melalui Kementerian Kewangan akibat pihak Kementerian Kerja Raya kata mereka tidak ada tenaga teknikal. Mana satu yang betul? Ini kerana, saya dapat maklumat daripada pegawai JKR dan ada seorang pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri, saya tidak boleh beritahu nama dia, iaitu kos cara PMC tiga atau empat kali lebih tinggi daripada kos dahulu, yang dijalankan oleh pihak JKR seperti bentuk sekolah pada masa dahulu, dibina oleh JKR. Kalau sekolah kebangsaan, bentuk seragam itu cuma perlu RM2.5 juta untuk membina sebuah sekolah kebangsaan.

Sekarang bila dilaksanakan oleh pihak PMC seperti di kawasan saya di Sekolah Kebangsaan Taman Impian Emas Satu, belanjanya RM8 juta cuma bentuknya lain sahaja. Bagaimana kita dapat menjimatkan wang rakyat dengan kaedah yang terbaik sekali, iaitu cara tender terbuka dan teruskan usaha projek-projek pembangunan fizikal oleh pihak Kementerian Kerja Raya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah.

**Tuan Chang See Ten:** Kalau tidak cukup pegawai, melalui JPA berikan lebih pegawai teknikal kepada pihak JKR dan beri peluang naik pangkat kepada mereka. Sekian, terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya katakan tadi selepas krisis kewangan 1997, PMC ialah permintaan JKR sendiri memandangkan terdapat kekurangan kakitangan profesional yang ramai berhijrah ke pihak swasta semasa *boom period*.

Buat masa ini PMC telah pun diarahkan selaras dengan cadangan MTEN untuk mempercepatkan pelaksanaan projek ini, semasa krisis ini.

Jadi sekarang apa yang dilakukan ialah perundingan sedang dijalankan di antara Menteri Kerja Raya dan juga Menteri Kewangan Kedua untuk melihat kaedah bagaimana kita boleh menggunakan sepenuhnya tenaga yang ada di JKR itu sendiri. Betul kata Yang Berhormat tadi, kalau kita lihat perbezaannya ada sedikit kerana ia terikat dengan *standard cost* bagi pembinaan berbanding dengan JKR yang dilaksanakan secara konvensional. Jadi kalau kita tengok sekolah-sekolah yang dibuat oleh JKR, kita nampak satu sekolah JKR, yang dibuat oleh JKR, kita tidak melawat semua sekolah di seluruh Malaysia. Jadi dengan adanya PMC ini kita nampak variasi sekolah-sekolah itu, maka dapat menceriakan *environment* untuk anak-anak kita belajar.

Tuan Yang di-Pertua,.....

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada dua orang berdiri Yang Berhormat, hendak beri jalan? Ya, Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Penjelasan, soalan tambahan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Nampaknya melalui PMC ini, bila sesebuah sekolah itu disiapkan seperti baru-baru ini pada 24 Ogos, saya melawat Sekolah Menengah Kebangsaan Taman Impian Emas Dua yang mana dilaksanakan oleh PMC - RM11.5 juta, tetapi tidak ada kemudahan *software*, cuma ada sebuah komputer sahaja, tiada buku rujukan di perpustakaan dan tiada mesin faks serta lain-lain kemudahan, terpaksa minta daripada wakil rakyat dan saya terpaksa kata kepada mereka, saya tiada peruntukan yang banyak untuk mereka.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Emm...

**Tuan Chang See Ten:** Boleh buat permohonan melalui saya tetapi saya hendak tanya, mana satu yang penting; pembangunan fiskal atau pembangunan *software* untuk sekolah dalam kaedah pendidikan? Saya harap dapat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dua-dua penting Yang Berhormat.

**Tuan Chang See Ten:** Mana satu yang lebih penting, lebih penting; kecantikannya atau pada masa dahulu dibina dengan reka bentuk yang seragam atau sekarang dengan rekaan baru melalui PMC harganya yang tiga, empat kali lebih mahal lebih penting? Sebab itu saya harap dapat penjelasan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang Berhormat, ada kaitan yang dia jawab itu? Kalau tidak nanti melarat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Jadi Yang Berhormat, pertamanya kita hendakkan supaya *hardware* kita, kalau misalnya sekolah bocor dan sebagainya, kita adakan komputer, kita takut nanti *electrical shocks*. Jadi kita tidak hendak *short circuit* dan sebagainya. Jadi yang dikatakan oleh Tuan Yang di-Pertua, dua-dua penting. Kalau kita hendak tengok mana lebih penting itu, saya rasakan sekolah itu lebih penting kerana peruntukan-peruntukan yang lain seperti komputer dan sebagainya, kita ada projek dan dasar lain untuk memenuhi hasrat itu.

Pelaksanaan projek secara pembayaran tertanggung ataupun *deferred payment* diperkenalkan sebagai usaha untuk mengatasi kegawatan ekonomi tahun 1997 .....

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, ada yang berdiri Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Dan juga 1994.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tambun, sekejap ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Untuk membolehkan kerajaan melaksanakan projek-projek baru dalam usaha untuk menjana ekonomi negara. Pada masa yang sama terdapat kecairan yang tinggi dalam pasaran modal yang boleh digunakan oleh kerajaan. Dengan adanya pendekatan

*deferred payment* ini, kerajaan juga dapat mengatasi masalah kontraktor dan kapasiti yang ideal dan dengan izin, ini sudah saya sebutkan tadi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Tambun.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Pendek sahaja Tuan Yang di-Pertua. Tentang *management of finance* ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tengok dari segi masa hadapan, kita belanja untuk tahun hadapan RM112 bilion dan bila kita kaji katakan 1% ketidakcekapan, bermakna kita akan hilang RM11 bilion daripada kos projek. Untuk melaksanakan projek melibatkan banyak perkara; meliputi tender dan macam-macam. Jadi, apa yang ingin saya tanya, dari segi kerajaan, bagaimanakah usaha yang dijalankan oleh kerajaan untuk wujudkan satu sistem *monitoring* yang betul-betul efektif melihat kepada semua ini, kata hendak tukar sistem pemberian projek, siapa yang buat kajian? Selepas itu kontraktor pelaksana projek, isu ini yang ingin saya bangkitkan.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan pergi kepada para 22 jawapan saya kepada permasalahan yang dibangkitkan. Mengenai cadangan supaya kerajaan memantau kontraktor agar projek tidak gagal dan yang tidak berkemampuan tidak ditawarkan projek. Dalam hal ini, Peraturan Perolehan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan menetapkan Lembaga Perolehan Agensi memilih dan memutuskan kontraktor yang menawarkan harga yang paling menguntungkan bagi kerajaan. Di samping itu Lembaga Perolehan Agensi juga akan mengambil kira faktor-faktor lain seperti perbandingan harga yang ditawarkan dengan kos anggaran yang disediakan oleh jabatan, pengalaman kontraktor dan prestasi kerja di masa lepas dan sebagainya.

Salah satu prinsip penting yang didukung oleh Perolehan kerajaan...

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat, Batang Lupar.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Biar saya habiskan ini dahulu, sedikit ya?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalannya dua, iaitu perbalahan di antara yang *direct negotiation* dengan tender ini, apa yang saya lihat dua-dua perkara ini kena dilihat semula, bukan satu sahaja. Tidak ada satu sistem mengatakan yang satu ini lebih baik dari satu lagi. Kalau kita lihat di Sarawak, jambatan di Lundu, semua konsultan kata boleh disiapkan dengan RM22 juta, diberi dengan *tendered* yang bagi RM17 juta, sampai sekarang tergendala. Pakej jalan dari Miri ke Kuching, lapan pakej pada tahun 1988, dibahagikan kepada tujuh kontraktor semua *public tender* terbuka. Semua gagal sebab tidak cukup duit. Lepas itu dia bagi lagi tender sekarang ini, satu *negotiated contract*, tiga pakej diberi tender. Yang tender tidak jadi, yang *negotiated* sudah siap. Jadi, *no system is perfect*.

Jadi saya minta kementerian lihat semula *pricing*, *Tender Board* dan sebagainya, jangan ambil yang murah sahaja, tengok yang boleh dilaksanakan. Soalan mana satu yang penting; isi atau badan? Saya tidak hendak bangunan sekolah diberi penuh dengan komputer tetapi bocor di atasnya. Saya dari Sarawak, *we know what is the problem*. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih atas pandangan Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Selalunya kalau kita tengok dalam segi *Tender Board* ini, kita harapkan bahawa *estimation* telah dibuat oleh JKR misalnya. Jadi katakan *estimation* itu *X price*, selepas itu bila kita buka tender terbuka, terlampau rendah. Jadi kita minta *Tender Board* supaya memerhatikan siapa dia yang kedua, ketiga dan keempat supaya dapat '*meet*' sama ada 10% ke bawah atau 10% di atas garis yang telah dibuat oleh *Technical Committee* atau JKR itu sendiri.

Pada pandangan saya kalau *Tender Board* hanya memilih yang terendah sahaja, inilah masalah yang dibangkitkan oleh Batang Lupar, mengatakan apabila *Tender Board* ghairah untuk memberi tender kepada orang yang terendah, maka masalahnya banyak akan berlaku, banyak permasalahan seperti projek sakit dan sebagainya.

Jadi kita harapkan di masa akan datang pandangan Yang Berhormat itu kita akan ambil perhatian supaya *Tender Board* memerhatikan kalau boleh 10% atau 5% *differences* dari segi *estimated budget* yang ada boleh kita bagi atas alasan-alasan *local*, *localizing*...

**Dr. Tan Seng Giaw:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya Kepong Yang Berhormat, hendak beri jalan?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa daripada Kajian Separuh Penggal ini dalam tempoh lebih dua tahun, RM110 bilion sudah pun dibelanjakan dan kita minta dalam dua tahun lebih ini RM50 bilion sahaja. Apakah faktor-faktor? Saya tidak percaya pelaksanaan itu begitu baik, efisien dan cekap sehingga kita gunakan wang dalam dua tahun lebih ini semua kita habis belanja.

Dan bolehkah dalam *tender board* ataupun dalam apa lembaga pun, kita tafsirkan misalnya apa gunanya kita belanjakan lebih banyak? Bina sekolah yang lebih tinggi, begitu cantik, walhal kita hendak gunakan sekolah tidak bocor sahaja. Kita hendak gunakan apa yang patut sahaja. Bolehkah kita dengan secara langsung dan secara efektif kita kaji semua, dari segi perbelanjaan dan projek-projek yang berbaloi dengan harga ini?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukuplah Yang Berhormat.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Saya tidak nampaklah mengapa kita boleh belanja dengan cepat sekali, mungkin kerana harga yang terlalu tinggi di dalam tender-tender ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah, ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat atas *concern* Yang Berhormat itu. Kalau kita lihat dan petik balik percakapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, kita merancang. Tuhan sahaja yang berkuasa.

Dalam masalah ini kita lihat bahawa perancangan-perancangan kita telah dilanda oleh fenomena-fenomena yang di luar kawasan kita seperti kita katakan SARS, Perang Iraq dan sebagainya.

Jadi, oleh kerana itu, untuk menjana ekonomi, kita terpaksa membuat *expansionary policy*, dasar pengembang dan kita terpaksa menggunakan kekuatan kita dari segi peruntukan yang ada dibuat oleh kerajaan. Kalau kita hendakkan pihak swasta menjana dalam ekonomi yang begitu lembab, saya rasakan kita tidak akan dapat GNP ataupun KDNK yang positif.

Saya juga melihat bahawa dengan adanya cara ini dapat kita mengatasi masalah-masalah yang ada dan kita hendakkan kalau boleh untuk menjana ekonomi seperti bonus yang diberi kepada pegawai-pegawai kerajaan dan sebagainya, boleh mereka belanjakan dengan cara yang lebih berhemah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kata-kata Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa kita merancang, Tuhan yang tentukan. Kalau kita semua tahu apakah yang sebenarnya hendak berlaku saya rasa kita jangan salahkan Tuhan.

Saya sudah dengar dua jenis penjelasan berkenaan mengapa begitu banyak telah dilantik sehingga JKR ada buat tuduhan ataupun rungutan kepada pihak Barisan Nasional bahawa mereka sekarang sudah kekurangan kerja. Saya ada dua jenis. Yang pertama, saya pernah diberitahu dalam Dewan bahawa oleh kerana RMK terlalu banyak projek sehingga JKR tidak ada *capacity* atau masa untuk melaksanakan dan hari ini kita diberitahu bahawa JKR kekurangan *capacity* technical.

Jadi, saya rasa mungkin ini semua bukan yang betul, tetapi yang mustahak ialah perlantikan PMC ataupun secara *direct negotiation*. Masalah ialah bahawa kalau kita beri dengan apa sahaja, kos tidak boleh melambung tinggi. Ini masalahnya. Adakah orang sentiasa menggunakan alasan untuk menolong bumiputera dan melanggar setiap peraturan? Dan saya tahu daripada jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri memang *negotiated tender* atau *direct negotiation* menjadi *the rule rather than the exception of the* Kementerian Kewangan. Mengapa begitu berlaku sehingga semua tengok sekarang kerajaan terpaksa berkata bahawa semua projek hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos?

Bagi secara *direct negotiation is one problem*. Tidak payah merujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos ialah masalah yang kedua. Siapa yang benarkan ini semua berlaku? Jadi kita tahu ada masalah besar di dalam Kementerian Kewangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Tetapi tidak apalah, saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru yang mempunyai *Mr. Clean image* akan kekal menjadi Menteri Kewangan supaya boleh *clean up the whole mess in the Finance Ministry*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya menjawab dalam dua konteks ya. Satu konteks saya kata apabila kita dilanda kegawatan ekonomi, jadi dengan cara itu kita menggunakan PMC untuk menyegerakan projek-projek di bawah dasar pembangunan.

Yang keduanya, kalau *negotiated tender* yang saya nyatakan dahulu, bahawa sekiranya ada peralatan-peralatan yang tertentu, yang kita hendak hanya daripada *producer* yang berkenaan sahaja, maka kita terpaksa membuat *negotiated tender* kepada mereka kerana yang lain tidak boleh membuat peralatan-peralatan seperti yang kita hendak itu. Jadi, tentang pandangan Ahli Yang Berhormat itu kita akan tengoklah nanti.

Salah satu prinsip penting yang didukung dalam perolehan kerajaan adalah saingan terbuka. Sehubungan dengan itu, semua tawaran perolehan diumumkan supaya dapat diketahui oleh semua kontraktor yang layak agar mereka dapat mengambil bahagian dan seterusnya mengemukakan tawaran masing-masing. Prinsip saingan terbuka ini bertujuan untuk menggalakkan kontraktor-kontraktor yang berkenaan meningkatkan kecekapan masing-masing melalui persaingan yang sihat dan lebih kompetitif.

Kerajaan juga telah menetapkan supaya pelaksanaan projek dipantau melalui *project monitoring system* atau sistem pemantauan projek yang kedua. Ini dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tambun tadi. Selaras dengan objektif tersebut, agensi pelaksana dikehendaki mengemukakan maklumat pelaksanaan projek kepada ICU, JPM bagi mengemaskinikan data dan mengambil tindakan selanjutnya kiranya didapati atau terdapat projek yang lewat dari jadual.

Selain daripada itu, kerajaan juga telah mengeluarkan peraturan khusus bagi projek yang lewat disiapkan melalui SBP Bil: 6/2002 Peraturan Penamatan Projek Sakit dan Perlantikan Kontraktor Penyiap dan Penyelamat yang berkuat kuasa pada 3 Mei 2002.

Berhubung dengan saranan Ahli Yang Berhormat bagi Kuala Kedah supaya pemberian kontrak kerajaan dijalankan mengikut kemampuan, kebolehan kontraktor di samping memenuhi peraturan agar tidak merugikan wang negara, dasar perolehan kerajaan adalah bertujuan untuk mencapai Dasar Pembangunan Nasional, pertamanya, dasar keutamaan kepada bumiputera dan kita lihat kalau pengkaji dasar kepada bumiputera, bukan bumiputera semata-mata. Kita boleh mengatakan *company* bumiputera ini mengandungi 51% bumiputera, 49% bukan bumiputera. Itu juga tergulung dalam istilah kontraktor bumiputera. Walaupun dia kontraktor bumiputera, tetapi kalau dia belum lagi menjalankan satu tempoh kerja, ia tidak juga diberikan status bumiputera, walaupun dia bumiputera. Ini juga kena kita lihat dari segi itu.

Keduanya, penggunaan barang bangunan pengeluaran tempatan, dasar pelaburan asing dan pembinaan teknologi dan akhirnya penggunaan perkhidmatan pengangkutan dan insurans tempatan.

Mengenai dasar keutamaan kepada bumiputera seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau, mengikut peraturan perolehan semasa, semua kerja yang bernilai sehingga RM200,000 dikhaskan untuk kontraktor kecil bumiputera, sementara perolehan bekalan dan perkhidmatan yang melebihi RM10,000 hingga RM100,000 hendaklah diperolehi daripada syarikat bumiputera kecil yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan.

Selain dari itu, kerajaan juga menguruskan perolehan mengikut kaedah perolehan yang ditetapkan bagi memastikan setiap perolehan dilaksanakan berasaskan prinsip yang telus, *accountable*, adil dan saksama, nilai faedah yang terbaik, *value for money* dan saingan terbuka. Salah satu prinsip penting perolehan kerajaan adalah saingan terbuka di mana tawaran diumumkan supaya dapat diketahui oleh semua kontraktor yang layak bagi memberi peluang kepada mereka untuk mengambil bahagian dalam mengemukakan tawaran masing-masing. Ini bertujuan untuk menggalakkan kontraktor-kontraktor yang berkenaan meningkatkan kecekapan masing-masing melalui persaingan yang sihat dan kompetitif dan kerajaan mendapatkan nilai faedah yang terbaik dalam perolehannya.

Kerajaan juga telah memutuskan untuk melaksanakan kontrak projek pembangunan sama ada dalam tender terbuka atau tender terhad dan kontraktor terutamanya kontraktor bumiputera perlu bersaing sesama mereka untuk mendapatkan kontrak. Bagi mengawal kos, semua projek hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos, manakala bagi melaksanakan pengurusan perolehan kerajaan,

semua Kementerian dan jabatan kerajaan hendaklah mematuhi segala peraturan perolehan semasa ia dikeluarkan melalui Arahan Perbendaharaan dan surat-surat Pekeliling Perbendaharaan.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat bagi Kota Melaka dan Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos yang dirujuk sebelum ini, saya menjelaskan bahawa Kementerian Kewangan telah liberalisasi peraturan-peraturan khusus bagi perolehan kerajaan ketika ekonomi negara menghadapi cabaran siasatan yang timbul daripada kejadian 11 September 2001, Perang Iraq, SARS dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Tambun berdiri, Yang Berhormat. Ya, tunggu sekejap. Sila.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat menyatakan tentang tender terbuka untuk bumiputera dan sebagainya, keutamaan untuk bumiputera. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat, adakah Kementerian Kewangan sedar di peringkat Jabatan Pembangunan Negeri berlaku di mana untuk kontraktor bumiputera ini ada beberapa kontraktor yang nampak seolah-olah Jabatan Pembangunan Negeri *favor* orang ini.

Apabila Jabatan Pembangunan Negeri keluar surat tawaran dan *indent* untuk projek, syarikat ini akan ambil dan kemudian pergi bertemu dengan kontraktor yang dapat dan ugut, "Kami yang fight untuk projek ini, tandatangan, bagi projek ini kepada kami." Adakah Kementerian Kewangan tahu atau tidak? Itu yang saya kata *monitoring* tadi. *Human factor* dalam pembangunan ini merupakan satu faktor penting. Kita kata ada BPR dan sebagainya. Ini satu penyelewengan. Jadi, penyelewengan inilah yang merosakkan pembangunan ini. Boleh saya dapat penjelasan?

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Setakat ini apa yang dibangkitkan oleh bekas Menteri Kewangan dahulu bahawa projek atas angin dan sebagainya, kita cuba dapat mengawasi perkara-perkara seperti ini. Perkataan *favor* yang diperkatakan itu, saya katakan boleh diinterpretasikan pelbagai, kalau kita katakan kita *favor* lima, enam kontraktor, menunjukkan bahawa kontraktor itu berwibawa, *genuine* dan patut disokong, kerana dapat menjalankan tugasnya dengan baik dan dalam waktu jangka yang bagus dan spesifikasi yang diarahkan.

Tetapi kalau katakan *favor* seperti kata Yang Berhormat tadi, baru diberi kepada lima kontraktor, lepas itu di bawah ramai kontraktor yang lain dan dibahagi-bahagi pula untuk tandatangan dan dia kata, dia jalankan tugas itu, kita akan menyasiat perkara ini.

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, hendak beri jalan lagi?

**Dato' Haji Ahmad Husni bin Mohd. Hanadzlah:** Sedikit sahaja Yang Berhormat. Saya rasa *favor* ini, patut projek ini dapat pada orang lain, tetapi macam mana surat dengan *indent* ini jatuh ke tangan dua orang ini. Saya akan beri surat kepada Yang Berhormat, saya harap ini sulit, dan saya hendak tengok macam mana keberkesanan dari segi Kementerian Kewangan menangani masalah ini. Tetapi soalnya dari segi *monitoring* tadi sebab perkara ini telah jalan lama. Adakah sampai peringkat kita hendak lapor baru Kementerian Kewangan tahu? Pada pandangan saya patutnya Kementerian Kewangan sudah tahu daripada peringkat awal lagi perkara ini berlaku.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, Yang Berhormat. Oleh kerana projek-projek di bawah ICU akan terus pergi kepada pengarah Jabatan Pembangunan Negeri, kita akan ambil tindakan dan beritahu ICU mengenai perkara ini dan kita juga akan monitor tentang perkara ini. Terima kasih atas teguran itu.

Negara-negara di rantau Asia mengalami kemelesetan ekonomi, dengan langkah-langkah tersebut kegiatan ekonomi khususnya sektor pembinaan dan pembuatan telah dapat dipertingkatkan dan dicergaskan semula. Memandangkan ekonomi kini telah kembali pulih, Kementerian Kewangan telah mengeluarkan arahan supaya projek-projek hendaklah dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos ....

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri jalan, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Ya. Ini Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak usah ulang panjang sangat, Yang Berhormat. Pendek sahaja.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ya, okeylah. Ini berkenaan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Kepong, yang saya pun ada bawa iaitu kerajaan telah menambah sebanyak RM50 bilion atas siling pembangunan rancangan. Saya hendak tanya, RM160 bilion itu, adakah mencukupi untuk membiayai semua projek yang telah diluluskan. Dan, adakah benar bahawa kalau kerajaan hendak menunaikan kewajibannya untuk menghabiskan semua projek itu, tambahan kemungkinan RM25 bilion lagi diperlukan. Kalau benar di mana wang akan datang dan kalau benar juga bolehkah ekonomi kita menjadi *sustainable*.

Yang kedua, ada tuduhan bahawa QSC Projects Sdn. Bhd. dan 'Ummiross' adalah dua PMC yang telah diberikan begitu banyak projek yang tidak sejajar dengan kapasiti syarikat kedua-dua ini. Adakah kerajaan sanggup menyemak semula projek-projek yang telah diberikan kepada dua PMC ini? Akhirnya saya harap kerajaan kena awas. Selalu alasan membantu bumiputera. Dahulu ini menjadi satu misi politik, orang-orang UMNO atau pegawai-pegawai kerajaan, sekarang ia sudah menjadi satu alat korupsi. Saya bukan kata semua, tetapi daripada apa yang saya boleh tahu, apa yang saya dengar dalam ucapan kita memang membantu bumiputera. Kadang-kadang tidak lagi jadi misi politik tetapi menjadi alat korupsi. Awas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih, tentang RM50 bilion itu, kita harapkan nanti saya minta EPU, pegawai-pegawai dari EPU kerana kita membuat jangka panjang itu ialah siling, dari segi peruntukan dibuat oleh EPU sendiri. Itu fasalnya kita ada *mid term review* untuk melihat semula bagaimana projek-projek itu dapat di *privatize* semula, diberi keutamaan kembali berdasarkan kepada persekitaran yang berlaku.

Mengenai PMC, kita akan lihat semula dan perbincangan di antara Menteri Kerja Raya dan juga Menteri Kewangan sedang menuju ke arah ini. Yang ketiga itu saya tidak hendak jawablah. [Ketawa]

Yang Berhormat bagi Parit Buntar menyarankan supaya projek penswastan dikaji semula memandangkan bahawa kerajaan terpaksa menyelamatkan syarikat tertentu sekiranya projek berkenaan gagal. Sebenarnya pemilikan syarikat-syarikat untuk melaksanakan projek penswastan dibuat berdasarkan kepada keupayaan kewangan dan teknikal syarikat konsesi berkenaan.

Pada masa konsesi diberikan kepada pihak yang berkenaan, kerajaan percaya mereka akan dapat melaksanakan tanpa sebarang masalah. Walau bagaimanapun, perubahan kepada keadaan pasaran menyebabkan projek penswastan itu gagal. Kerajaan hanya membantu dan bukannya menyelamatkan syarikat-syarikat yang bermasalah bagi memastikan khidmat kepada masyarakat tidak terjejas seperti sistem pembetungan, perkhidmatan rel dan juga bas.

Sebagai panduan untuk projek-projek penswastan pada masa hadapan kerajaan sentiasa mengkaji masalah yang timbul dari masa ke semasa bagi memastikan ia tidak berulang dan kelemahan yang ada dapat diatasi dan teguran-teguran Yang Berhormat di sini akan kita catatkan untuk kita baik. Oleh itu, beberapa terma baru telah diperkenalkan untuk projek-projek baru bagi menjamin kepentingan kerajaan terpelihara.

Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Sekarang saya menjemput Kementerian Dalam Negeri.

11.47 pagi.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri [Dato' Chor Chee Heung]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin mengucapkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan bidang tugas dan tanggungjawab Kementerian Dalam Negeri. Bagi isu-isu yang telah disentuh saya akan cuba memberikan penjelasan sewajarnya.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Dalam Negeri sentiasa prihatin dan mengambil kira kepentingan rakyat dan memberikan perkhidmatan kepada orang ramai. Perkhidmatan-perkhidmatan yang diberikan sentiasa dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa demi memastikan kepuasan di kalangan rakyat yang berurusan dengannya



Tuan Yang di-Pertua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat bagi Petaling Jaya yang meminta penjelasan mengenai kekurangan anggota polis dan kelengkapan yang ketinggalan masa, saya ingin memberitahu bahawa Kementerian Dalam Negeri sentiasa memberi perhatian kepada keperluan alat-alat kelengkapan pasukan Polis Diraja Malaysia. Kementerian sedar selain daripada mempunyai satu pasukan yang berdisiplin tinggi yang berkhidmat dengan penuh dedikasi, mereka juga perlu dibekalkan dengan peralatan-peralatan yang mencukupi dan terbaik.

Selama ini Polis Diraja Malaysia memang telah dibekalkan dengan pelbagai peralatan yang terbaik dan berkesan. Ada di antara peralatan ini seperti alat-alat perhubungan, senjata dan lain-lain adalah alat-alat yang terbaru di pasaran dan canggih. Peralatan yang dibekalkan ini telah pun membantu anggota-anggota Polis Diraja Malaysia mencapai banyak kejayaan di dalam tugas-tugas yang dijalankan.

Kementerian tidak menafikan bahawa peralatan-peralatan yang dibekalkan ini kemungkinan tidak dapat memenuhi semua keperluan pasukan Polis Diraja Malaysia. ini adalah disebabkan:

- (i) penambahan ibu pejabat polis daerah, balai, pondok yang begitu pesat di seluruh negara;
- (ii) kekangan ataupun kekurangan peruntukan kewangan.

Walau bagaimanapun, untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, pada tahun 2003, kerajaan telah pun meluluskan peruntukan sebanyak RM20 juta bagi pembelian harta modal termasuk mesin faks, mesin salinan dan pelbagai peralatan pejabat yang lain untuk diedarkan kepada semua balai polis di seluruh negara.

Di samping itu juga untuk meningkatkan lagi keupayaan komunikasi sebanyak RM48.4 juta telah pun diluluskan bagi pembelian peralatan seperti alat perhubungan radio untuk dibekalkan kepada pasukan Polis Diraja Malaysia. Dari jumlah tersebut 99.9% telah pun dibelanjakan bagi tujuan pembelian peralatan komunikasi tersebut.

Berhubung dengan keperluan anggota pula, permohonan untuk menambah seramai 23,470 anggota telah pun dikemukakan kepada agensi pusat untuk pertimbangan.

Untuk permulaannya, Jabatan Perkhidmatan Awam telah pun meluluskan sejumlah 511 jawatan untuk Unit Udara Polis dan 2,456 jawatan untuk Pasukan Simpanan Persekutuan Polis. Keutamaan penambahan jawatan anggota akan ditumpukan kepada Jabatan Siasatan Jenayah dan Jabatan Trafik yang terlibat terus di dalam pembanterasannya jenayah dan kawalan trafik.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga dalam peruntukan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat, kelulusan membeli dua buah helikopter M1-171 buatan Rusia sebanyak RM117 juta telah pun diberi kelulusan dan pembelian ini sedang dalam proses.

Yang kedua Tuan Yang di-Pertua, empat buah Cessna. Maksud kapal terbang Cessna 172 buatan United States atau Amerika Syarikat telah pun diluluskan untuk dibeli bagi maksud latihan Polis Diraja Malaysia dan pembelian ini melibatkan sebanyak RM7 juta dan akan dapat dikeluarkan pada hujung tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Keningau telah pun membangkitkan mengenai isu sektor keselamatan telah pun menjalankan Operasi Ops Nyah untuk membersihkan negeri Sabah dari pendatang asing yang selama ini telah tinggal di Sabah dan mewujudkan masalah ketenteraman, keselamatan dan merebut peluang pekerjaan rakyat tempatan. Yang Berhormat bagi Keningau juga mengharapkan agar operasi sebegini dapat diteruskan pada masa-masa yang akan datang sehingga dapat mencapai pendatang asing sifar di Sabah.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak polis telah pun menjalankan operasi demi operasi bersepadu dengan pihak RELA, imigresen, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan PBT juga. Ini semua telah pun mencapai satu prestasi yang baik di mana kerjasama dalam membanteras PTI ini telah pun berjaya dijalankan. Sebab buat masa ini, kita juga harap supaya badan-badan yang bukan kerajaan juga dapat menjadi mata dan telinga kerajaan dan melalui bantuan mereka kita dapat mengurangkan masalah ini pada masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Serian telah pun menimbulkan masalah mengenai orang-orang yang dianggap *stateless* dengan izin, MyKad dan juga badan bergerak untuk mendaftarkan rakyat di negeri Sarawak.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan memahami masalah yang dihadapi oleh penduduk pedalaman yang tidak mempunyai dokumen seperti sijil kelahiran dan juga kad pengenalan. Di samping itu mereka juga menghadapi masalah untuk menukar KPT kepada MyKad. Bagi mengatasi masalah tersebut, kerajaan telah pun bersetuju menubuhkan Unit Khas Bergerak khusus bagi menjalankan tugas-tugas pendaftaran di kawasan-kawasan pedalaman. Unit tersebut mempunyai 61 orang pegawai dan kakitangan di samping itu juga unit ini dibekalkan dengan kenderaan dan peralatan yang mencukupi. Unit ini akan bergerak secara intensif dan terancang setelah pengambilan kakitangan selesai, yang dijangkakan akan dijalankan pada tahun hadapan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini juga, pihak kerajaan telah pun menambahkan Unit Khas Bergerak di negeri Sarawak yang pada ketika ini bergerak aktif di seluruh pedalaman negeri Sarawak. Perancangan tugas yang dibahagikan mengikut zon juga telah dirancang dan adalah dijangkakan pada awal tahun hadapan dan unit ini akan bergerak sepenuhnya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan supaya sekiranya ada mana-mana Ahli Yang Berhormat di Sarawak yang berhasrat untuk mendapatkan perkhidmatan Unit Khas Bergerak di Sarawak membuat permohonan terus kepada Pengarah Jabatan Pendaftaran Negeri, bagi negeri Sarawak.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri Yang Berhormat. Batang Lupar.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Tuan Yang di-Pertua. Pengalaman yang saya tahu, jabatan kerajaan apabila berhubung dengan negeri Sarawak, PNT analisis ataupun pengagihan untuk *transport and travelling expenses* di Sarawak dan Sabah sama dengan *transport and travelling expenses* di Semenanjung Malaysia. Ini pandangan *as general*.

Jadi, kebiasaannya bertahun-tahun, biasanya kos ini di Sarawak walaupun ada untuk membuat MayKad, untuk hendak membuat apa benda pun kad, ada duit tetapi *the cost of transport and travelling* sudah habis, tidak cukup lagi. Jadi pegawai tidak boleh masuk pedalaman, tidak boleh buat *mobilization*, tidak boleh mobiliti, semua tak boleh.

Jadi, saya punya satu pertanyaan sahaja. Sudahkan perkara ini dibincangkan di dalam kementerian dengan *Treasury* supaya kos pengangkutan ini dipertingkatkan, kalau di Sarawak sepuluh kali ganda dan di Sabah. Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Batang Lupar. Memang benar. Ini adalah salah satu masalah yang sentiasa dihadapi oleh pegawai-pegawai kita di Sarawak dan Sabah seterusnya bila mereka ini hendak masuk ke kawasan-kawasan pedalaman tetapi untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Dalam Negeri baru-baru ini telah pun membuat sedikit sebanyak permintaan supaya Kerajaan Pusat dapat mempertingkatkan lagi, menambahkan lagi *expenses* untuk *transport* dengan izin, dan apabila Kementerian Dalam Negeri mempunyai rancangan katalah badan-badan bergerak memasuki kawasan-kawasan pedalaman maka untuk operasi tersebut ini spesifik ini, kos atau *transport cost* dengan izin, ini akan ditambahkan dari semasa ke semasa.

Kita tahu ini adalah merupakan satu masalah yang rumit dan tidak lama lagi saya percaya masalah ini tidak akan menjadi begitu rumit sebab ada peruntukan tambahan untuk kos *expenses* ini...

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin memberi penjelasan mengenai permintaan Yang Berhormat bagi Gaya supaya bayaran levi yang dikenakan kepada pekerja-pekerja asing .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri lagi Yang Berhormat. Selangau.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Masalahnya Yang Berhormat Timbalan Menteri, kebanyakan tentang Sijil Kelahiran di Sarawak iaitu beberapa perkara yang sangat ketat. Katakan sudah disahkan oleh Ketua Masyarakat seperti Penghulu atau Penaja dan sebagainya lagi dan juga pengesahan daripada Yang Berhormat tetapi bagi keluarga-keluarga yang sudah pergi jauh katakanlah pergi ke Brunei atau ke tempat lain, dia minta datang untuk bergambar bersama-sama dengan keluarganya.

Itulah masalahnya. Kalau tidak dia tidak meluluskan. Jadi saya mintalah, bukan kita tidak mahu mengetatkan perkara ini supaya orang asing tidak menjadi rakyat Malaysia tetapi kalau sudah disahkan Ketua Masyarakat atau Yang Berhormat, saya fikir perkara ini sudah cukup. Jadi, saya mintalah bahawa perkara ini dapat memadai. Sekian, terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Baiklah Yang Berhormat bagi Selangau, memang benar tetapi apakah tujuan kementerian dan Jabatan Pendaftaran Negeri begitu ketat dari segi peraturan, sebab kita hendak mengelak supaya orang-orang yang bukan dan hanya benar-benar rakyat ini tidak silap-silap didaftarkan menjadi rakyat. Ini akan menimbulkan masalah.

Pada masa yang sama, saya juga faham begitu susahnya bagi seseorang sebelum mendapat pendaftaran haruslah mendapat tanda tangan dan disahkan oleh Ketua Masyarakat dan lepas itu Yang Berhormat yang berkenaan juga. Saya tahu, tak apalah, macam mana pun saya akan bawa balik dan bincang. Tengok sama ada jalan yang lebih senang, yang lebih mudah bagi pendaftaran ini dibuat. Pada masa yang sama juga kita hendak memastikan supaya orang yang didaftarkan adalah benar-benar yang lahir dan merupakan rakyat di negara ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Mengenai bayaran levi yang dibangkit oleh Yang Berhormat Gaya. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan merasakan buat masa ini bayaran levi yang dikenakan adalah berpatutan. Bayaran ini dikenakan sebagai cukai kepada mereka yang bekerja di negara ini, tambahan pula pekerja asing di negara ini tidak dikenakan cukai pendapatan. Oleh sebab itulah bayaran levi ini dikenakan sebagai menggantikan cukai pendapatan kepada mereka.

Untuk makluman tambahan kepada Dewan yang mulia ini, kadar levi bagi cukai perkilangan dan pembinaan adalah seperti berikut:-

Semenanjung Malaysia - RM1,200 setahun bagi seorang; dan

Sabah dan Sarawak - RM960 setahun bagi setiap orang

Kadar levi bagi sektor pertanian dan pembantu rumah bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak semua sama – RM360 setahun.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) *mempengerusikan Mesyuarat*].

Yang Berhormat bagi Gaya juga membangkitkan mengenai masalah anak-anak pendatang tanpa izin yang mana ibu bapa mereka ini telah ditangkap semasa Ops Nyah dan telah pun dihantar pulang. Masalah-masalah berkaitan dengan PTI ini, pihak kerajaan mengambil maklum bahawa ada ibu bapa yang telah pun meninggalkan anak-anak mereka selepas Ops Nyah yang telah dijalankan sebelum ini. Malahan tindakan akan diambil bagi memastikan anak-anak pelarian ini dapat diketemukan dengan ibu bapa mereka sekiranya ibu bapa mereka dapat dijumpai di mana-mana pusat tahanan sementara.

Namun begitu, sekiranya anak-anak ini tidak dapat diketemukan dengan ibu bapa mereka, Kementerian Dalam Negeri tidak membiarkan masalah ini begitu sahaja. Anak-anak yang terbiar ini akan diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat yang berdekatan, malahan pihak kerajaan amat berbesar hati sekiranya Ahli-ahli Yang Berhormat dapat memaklumkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat di kawasan Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk mengambil tindakan sewajarnya.

Yang Berhormat bagi Gaya juga mencadangkan agar KDN dapat mengambil perhatian dan membina perpustakaan di semua balai polis di seluruh negara. Memang saranan ini disambut baik di mana Kementerian Dalam Negeri diminta untuk menyediakan kemudahan seumpama ini bagi kanak-kanak yang dimaksudkan. Saranan Yang Berhormat akan diberi perhatian oleh pihak kerajaan di masa akan datang. Namun demikian, pihak kerajaan amat mengalu-alukan sekiranya pihak Yang Berhormat juga ingin membantu dengan mengadakan kerjasama dengan penduduk setempat atau badan-badan swasta yang berminat untuk membina perpustakaan ini. Dalam perkataan lain, jika ada pihak-pihak yang ingin memberi sumbangan kepada pihak kerajaan bagi maksud mengadakan perpustakaan di balai-balai, semua bantuan dialu-alukan.

**Datuk Yong Teck Lee:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan telah pun meminta agar pihak keselamatan memberi perlindungan kepada pulau-pulau dan *resort-resort*...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri, Gaya.

**Datuk Yong Teck Lee:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin mohon penjelasan. Bagi levi pekerja asing itu, saya ada bangkitkan, saya ingin tahu adakah kementerian mengambil kira untuk mengkaji. Bolehkah dibayar dengan cara ansuran (*instalment*), dengan izin, kerana sekarang ini dibayar sekali gus setiap tahun.

Keduanya, penjelasan mengenai kanak-kanak PTI, mengikut Yang Berhormat, kanak-kanak ini apabila ditangkap, diserahkan kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat. Adakah ini kemudiannya dihantar balik ke negara asal? Sekian.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Gaya. Dua soalan di sini. Satu mengenai levi - sama ada majikan boleh bayar levi ini secara beransuran. Bagi menjawab soalan ini, saya ingin beritahu bahawa jika terdapat permohonan, pihak kerajaan akan memberi pertimbangan. Saya ingin memberitahu juga bahawa baru-baru ini ada satu pengumuman dibuat di mana semua levi boleh dibuat dua kali setahun. Maksudnya enam bulan sekaligus? So, jika hendak bayar lebih banyak ansuran lagi, buatlah permohonan dan kita akan memberi pertimbangan sewajarnya.

Mengenai soalan yang kedua iaitu kanak-kanak pendatang tanpa izin yang ditangkap, apakah tindakan akan dijalankan oleh pihak kerajaan. Kita kena tengok pada keseluruhan keadaan ini. Saya difahamkan, walaupun terdapat kanak-kanak yang masih terbiar di Sabah dan Sarawak berikutan daripada Ops Nyah ini tetapi setakat ini tidak begitu ramai. Walau bagaimanapun, kalau kita boleh dapat mengesan ibu bapa, memang kita akan pulangkan anak ini kepada mereka. Kalau tidak boleh, kita kena tengok apakah tindakan yang patut dijalankan oleh pihak kerajaan juga. Bila kita sampai kepada masalah itu, kita hendak tengok berapa ramai kanak-kanak berkenaan. Saya harap Yang Berhormat dapat memberikan maklumat yang lebih lanjut kepada kita dari masa ke semasa supaya kita dapat mengkaji macam mana kita hendak mengambil tindakan.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada pertanyaan Yang Berhormat bagi Sandakan, buat masa ini pihak polis sememangnya mengadakan pemantauan secara berterusan dengan kerjasama dengan beberapa agensi tertentu seperti Angkatan Tentera Malaysia (ATM), RELA, Jabatan Pertahanan Awam (JPA3) dan sebagainya. Bilangan anggota polis yang ditempatkan di perairan sekitar Sabah telah pun diagihkan berdasarkan kepada keperluan semasa. Di samping itu juga, penyelarasan telah pun dibuat dengan Angkatan Tentera Malaysia bagi memastikan keselamatan sesebuah tempat dapat dipelihara dengan sewajarnya.

Namun begitu, dalam usaha mengatasi masalah ini, pihak *resort* perlulah memaklumkan kepada pihak polis dengan lebih terperinci dan jelas akan kedudukan atau lokasi sebenarnya tempat kejadian tersebut. Ini bagi membolehkan pihak polis dapat mengenal pasti laluan serta alternatif untuk sampai ke tempat tersebut dengan cepat. Selain dari itu, pihak *resort* juga perlulah memperkemaskinikan lagi sistem telekomunikasi mereka bagi memudahkan perhubungan dengan pihak polis.

Usaha memasang *panic button*, dengan izin, juga amat digalakkan supaya pihak polis dapat mengambil tindakan dengan seberapa segera yang mungkin kerana kemudahan ini dapat menghubungkan terus pihak *resort* dengan pihak polis jika berlaku sebarang kejadian yang tidak diingini. Pihak pengurusan *resort* juga perlulah melantik ataupun memilih pengawal keselamatan bersenjata dan terlatih supaya mereka dapat bertindak dengan cepat jika berlaku kejadian yang tidak diduga. Melatih seseorang yang tidak mahir terutama dalam menghadapi situasi genting akan memburukkan lagi keadaan. Pihak polis juga akan sentiasa melakukan rondaan dan juga pemantauan yang lebih kerap terutama di pulau-pulau yang terletak berasingan serta jauh dari laluan awam.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan juga menimbulkan isu berkenaan dengan rentetan selepas Ops Nyah II di mana banyak rumah yang diduduki oleh PTI dirobuhkan dan mereka telah pun dihantar balik ke negara asal mereka. Walau bagaimanapun, masih ada lagi terdapat PTI yang tinggal secara bersembunyi di Sandakan dan ada yang menyewa rumah-rumah murah di sekitarnya. Oleh sebab sumber pendapatan mereka terganggu, mereka telah pun terjebak dalam kejadian jenayah seperti rompak, ragut dan sebagainya. Oleh itulah Yang Berhormat bagi Sandakan mohon pihak kerajaan supaya dapat memberi sejumlah peruntukan kepada PDRM untuk mengatasi masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, masalah jenayah seperti rompak, ragut dan sebagainya adalah berpunca daripada penduduk tempatan itu sendiri. Sikap mereka yang membenarkan PTI ini duduk dan menyewa rumah mereka ini ataupun atas tanah mereka ini, turut menyumbang kepada masalah ini. Sekiranya mereka tidak membenarkan PTI ini menghuni kawasan mereka, sudah pasti kejadian ini tidak akan terjadi. Walau bagaimanapun, pihak polis akan sentiasa membuat rondaan serta pantauan terhadap rumah-rumah yang didiami oleh PTI bagi membuatkan mereka rasa takut dengan *show of force*, dengan izin, pihak polis di

samping menyedarkan diri mereka bahawa pihak polis tidak memandang remeh terhadap perkara ini. Peruntukan yang dipohon itu akan dipertimbangkan di peringkat atasan.

**Puan Chong Eng:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya bukan hendak bertanya berkenaan dengan kes ragut beg, tetapi baru-baru ini telah berlaku beberapa kes yang menculik gadis, pelajar wanita seperti berlaku di Johor. Satu lagi baru-baru ini berlaku di Ipoh dan ada satu kes yang berlaku di Kuala Lumpur. Apakah pendapat pihak kementerian sama ada tiga kes ini adakah mereka *deleted* ataupun *isolated* kes. Adakah sekarang telah timbul satu jenis jenayah yang baru untuk menangkap atau menculik wanita yang muda dengan kereta mereka. Apakah pandangan dari Yang Berhormat? Terima kasih.

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Tadi saya memberi penjelasan mengenai jenayah ragut, jenayah rompak yang terlibat dengan pendatang tanpa izin (PTI). Yang Berhormat pula bertanya saya mengenai kes ragut yang terlibat dengan orang-orang tempatan di Semenanjung Malaysia. Walau bagaimanapun untuk makluman Yang Berhormat memang baru-baru ini terdapat dua hingga tiga kes di mana wanita bukan sahaja diragut, tetapi dicolek oleh penjenayah-penjenayah. Pada pendapat saya ketiga-tiga kes ini tidak mempunyai sangkutan, dalam perkataan lain bukan satu geng yang menjalankan jenayah-jenayah ini.

Saya juga bukan hendak mengatakan ketiga-tiga kes ini adalah *isolated*, ketiga-tiga kes ini merupakan penjenayah sekian berani terlibat dengan jenayah-jenayah pada siang hari. Oleh yang demikian, saya berharap pihak-pihak orang awam dapat bekerjasama dengan pihak polis, gadis-gadis ataupun wanita-wanita apabila mereka berada di luar halaman rumah, berhati-hati. Macam kes ragut juga kalau kita terlalu banyak menonjolkan *handbag* kita ini kadangkala akan juga menjadi mangsa. Jadi kita hendaklah sentiasa menasihati kaum wanita supaya berhati-hati jika ada *handbag* yang cantik, kita pegang dengan baik jangan *invite* penjenayah-penjenayah mempunyai peluang untuk melakukan jenayah.

Satu contoh yang cukup baik macam kes di Johor Bahru ini. Jenayah itu berlaku pada siang hari, petang dan gadis yang diculik ini, diculik di hadapan rumah sendiri dan penculik juga berani untuk melawan dengan ibu bapa gadis berkenaan. Mengikut siasatan polis kemungkinan 'ada udang di sebalik batu'. Sebab mana ada penculik yang berani datang depan rumah, walaupun ibu bapa berada di situ, mereka ini bertumbuk lagi. So, pihak polis masih menjalankan siasatan adakah lebih daripada itu, bukan hanya satu kes culik biasa, mungkin ada lain-lain juga. *That is the explanation*. Saya tidak tahu lagi sebab masih dijalankan siasatan.

*Anyway* terima kasih Yang Berhormat, saya tahu Yang Berhormat ialah seorang mangsa kes ragut di kawasan Yang Berhormat. Tetapi saya ingin memberitahu bahawa walaupun Kementerian Dalam Negeri, pihak atasan Polis Diraja Malaysia sentiasa memberi tekanan supaya....

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Saya tidak habis menjawab lagi Yang Berhormat. ....sentiasa prihatin dan menjalankan tugas dengan lebih keras supaya kita dapat mengurangkan kadar jenayah di negara ini. Tetapi oleh kerana begitu banyak faktor yang juga terlibat dengan kejadian jenayah-jenayah di negara ini, kita tidak dapat menyalahkan hanya polis tidak membuat kerja, sebab ada faktor yang lain masyarakat begitu maju, harta benda yang kadangkala tidak dijaga dengan baik. Begitu banyak kenderaan, sekarang orang sudah kaya boleh membeli kereta-kereta mewah tidak ada tempat hendak *park*, ini semua adalah faktor-faktor sampingan. *All these will contribute towards the crime scenario*. Walaupun *we like to tell the police, please always be on your toes*. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Abdul Fatah bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin mengetahui sama ada pihak kementerian ini berhasrat untuk memberi kemudahan kepada semua Ahli Parlimen ini mendapatkan pistol, hatta kepada wanita sekalipun, kerana pengalaman yang berlaku kepada Ahli Parlimen wanita yang diragut ini, saya yakin, saya percaya beliau tidak mempunyai pistol yang menyebabkan beliau tidak dapat mempertahankan diri. So, adakah kerajaan berhasrat untuk memberikan kemudahan kepada semua?

**Dato' Chor Chee Heung:** Pada lazimnya semua Ahli Yang Berhormat sama ada di peringkat negeri ataupun di peringkat Pusat Ahli Parlimen ataupun ADUN diberikan peluang untuk membuat permohonan untuk diluluskan sepucuk pistol. Tetapi semua ini adalah berasaskan penilaian oleh pihak

Polis Diraja Malaysia. Di sini saya tidak berani untuk memberi jawapan mengatakan boleh atau tidak, sebab pihak polis mempunyai hak untuk membuat penilaian. Selepas mereka membuat penilaian dan jika ada pihak-pihak yang terkilan, mana-mana Ahli Yang Berhormat yang terkilan, maka mereka ini akan membuat rayuan kepada Kementerian Dalam Negeri. Tetapi kalau Yang Berhormat berminat buatlah permohonan.

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Dato' Chor Chee Heung:** Tuan Yang di-Pertua, *I think, ..... very short of time, okay last.*

**Tuan Kerk Kim Hock:** Ini berkenaan dengan kes Chua Sin Pei yang diculik di Johor Bahru. Saya membaca akhbar dan tahu satu pertengkaran telah berlaku di antara CPO dan pihak MCA. CPO mengatakan bahawa ahli politik jangan menghebohkan dalam akhbar. Pada saya persoalan utama bukan sama ada ahli politik harus atau tidak harus menghebohkan isu itu, tetapi bagaimana pihak polis meyakinkan mangsa atau keluarga mangsa supaya mereka boleh dapat menyelamatkan mangsa tidak melalui akhbar. Tetapi sekarang nampaknya ada satu kepercayaan di kalangan orang ramai macam kes Kenny Ong kalau akhbar memainkan peranannya beliau mungkin akan selamat. Jadi, ini apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Chor Chee Heung:** Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai masalah yang berlaku di Johor Bahru ini. Saya berpendapat bahawa ini akibat dari satu salah faham di antara pihak polis dan wakil-wakil rakyat dari MCA. Saya difahamkan masalah silap faham itu telah pun diselesaikan. Kedua-dua pihak telah pun menyambut baik sebab kedua-dua pihak pun mempunyai tujuan murni hendak melihat supaya kes ini dapat diselesaikan di mana gadis berkenaan diselamatkan.

Pada pendapat saya bila sesebuah kes telah pun dilaporkan kepada pihak polis kita biarkan pihak polis menjalankan siasatan, walaupun sebagai keluarga mangsa, ini kita merasa cukup *anxious*, dengan izin. Sebab kita hendak melihat anak-anak dapat dibawa balik dengan selamat, *that* kita faham, tetapi pada masa yang sama juga kita harus juga memahami bidang tugas pihak polis. Mereka ini juga hendak melihat supaya mangsa dibawa balik dengan selamat. Tetapi dalam proses itu kadangkala akan membawa masa yang panjang.

Ini adalah satu perkara yang harus difahami oleh semua pihak dan walaupun kita melepaskan kes itu untuk polis untuk menjalankan siasatan untuk mengendalikan kes itu tetapi Kita berhak untuk mendapat makluman dari semasa ke semasa. Tetapi Janganlah oleh sebab kita begitu *excited*, tiap-tiap hari kita pergi kacau polis, "*what are you doing, how come tidak ada result?*" Saya faham, sebagai ibu bapa memang kita mempunyai perasaan itu. "*Why are you taking such a long time?*" Apa ini semua, tetapi janganlah kita lupa juga pihak polis ingin menjalankan tugas mereka dan kalau mereka ini masih tidak mempunyai apa-apa *lead* dengan izin mereka tidak dapat beritahu kita juga.

Baiklah Tuan Yang di-Pertua, saya telah pun menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh semua Ahli-ahli Yang Berhormat dan saya ....

**Puan Chong Eng:** *[Bangun dan minta penjelasan]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Dato' Chor Chee Heung:** *Next time please, thank you very much.*

*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

## 12.21 tgh.

**Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Peter Chin Fah Kui]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bagi pihak Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dari Tebrau dan Selangau yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang menyentuh bidang tugas Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Ahli Yang Berhormat dari Tebrau meminta Jabatan Perancangan Bandar dan Desa melihat semula kesesuaian tanah-tanah yang dirizabkan bagi maksud keagamaan atau tempat ibadah dengan mengambil kira majoriti penduduk di sesuatu penempatan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah menyediakan garis panduan perancangan tempat ibadah Islam dan

juga piawai perancangan yang mana telah mengambil kira rancangan bagi menetapkan tapak-tapak ibadah agama Islam dan bukan beragama Islam di dalam sesuatu rancangan pembangunan penempatan manusia. Ianya telah diterima pakai di semua negeri Semenanjung Malaysia. Rancangan tempatan bagi kawasan pihak berkuasa rancangan tempatan juga di antaranya menyediakan garis panduan penyediaan kawasan perumahan masyarakat termasuk tapak ibadah mengikut blok-blok perancangan yang dikenal pasti.

Yang Berhormat dari Selangau pula telah meminta supaya pihak kerajaan memasukkan cadangan pembinaan balai bomba di kawasan Selangau dan Tatau dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan balai bomba adalah berasaskan kepada pelbagai kriteria seperti jumlah penduduk *indicator* risiko kebakaran. Keluasan kawasan jagaan, keperluan sosiopolitik, faktor keadaan geografi dan keperluan strategik. Semasa kajian di peringkat awal Rancangan Malaysia Kelapan dan juga Kajian Separuh Penggal, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah mengambil kira cadangan pembinaan ini. Walau bagaimanapun, memandangkan siling peruntukan yang terhad, perkara ini tidak dapat dipertimbangkan dalam Kajian Separuh Penggal. Walau bagaimanapun berdasarkan kepada keperluan semasa Jabatan Bomba dan Penyelamat akan mempertimbangkan cadangan pembinaan ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Pada masa ini kawasan ini...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Minta penjelasan.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Nanti ya! Pada masa ini kawasan ini mendapat perlindungan kebakaran dari Balai Bomba Bintulu dan Balai Bomba di Sibul. Pada masa yang sama sebagai langkah awal, Jabatan Bomba dan Penyelamat telah membantu untuk menubuh pasukan bomba sukarela di pekan Selangau. Pasukan ini dibantu oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dari segi latihan dan juga dibekalkan peralatan asas pemadaman dan penyelamatan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat, ini berhubung dengan balai bomba, saya rasa kementerian menyedari keperluan balai-balai bomba ini menyeluruh sebab ada ura-ura dan saya juga ingin bertanya dalam Kajian Separuh Penggal ini berapa agaknya balai bomba akan didirikan oleh kerajaan dan kementerian di seluruh negara? Dan adakah Kinabatangan telah disenaraikan sebab saya sendiri telah banyak kali menulis surat kepada Kementerian. Sebab berlaku insiden kebakaran mengharap bomba dari bandar Sandakan mengambil masa dua jam kalau tidak ada trafik jem, kalau ada trafik jem susah hendak cakaplah.

Saya harap kerajaan memberi *priority* dalam soal membina balai-balai bomba ini sebab ini bukan main-main. Kalau terbakar baru hendak rancang hendak bikin saya rasa ini perancangan yang salah. Jadi mintalah kalau boleh kementerian merancang terlebih awal memastikan setiap kawasan Parlimen ada bomba sebab dia mesti ada penghuni kalau dia mengharap satu kawasan daerah sahaja. Kalau berlaku kebakaran macam di New York baru tahulah, baru kerajaan memikir macam mana? Jadi saya minta macam mana pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Terima kasih Yang Berhormat memang Jabatan Bomba dan Penyelamat berhasrat untuk mewujudkan atau membina lebih lagi balai bomba di merata tempat terutamanya yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadilah di kawasan-kawasan pedalaman dan juga di mana agak penduduknya ramai. Walau bagaimanapun, kita terpaksa bertumpu kepada pekan-pekan yang lebih besar dahulu kerana dengan peruntukan yang tidak mencukupi ini. Setiap tahun kita kenal membuat satu *priority list* dengan izin supaya kita dapat mengagihkan peruntukan itu kepada tempat-tempat yang diberi *priority* itu dan kita mengikut data atau kriteria-kriteria yang saya sebut tadi ialah iaitu di mana kalau *indicator* risiko kebakaran itu adalah tinggi kita berikan kawasan itu keutamaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat bagi Kinabatangan juga, saya hendak sebut di sinilah seperti Rancangan Malaysia Kelapan ini kementerian saya diperuntukkan RM5.867 bilion dan setakat tahun ini sahaja kita sudah membelanjakan RM5.4 bilion iaitu apa yang tinggal lagi, tidak banyak lagi, nasib dalam Kajian Separuh Penggal ini kita diberikan RM2.631 bilion lagi tambah dalam tabung kita. Sebab itulah kita ada lebih sedikit untuk dibelanjakan dengan maksud yang saya sebut tadilah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Iaitu termasuk juga pembinaan balai bomba. Kerana kita sekarang sudah dapat banyak tempat projek balai bomba tetapi tidak mencukupi duit, wang atau peruntukan

membayar projek ini dan kita perlulah minta pihak *Treasury* meluluskan lebih lagi supaya kita dapat membayar kepada kontraktor-kontraktor yang sedang membina balai bomba tersebut.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Selangau dan Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Seperti dalam kawasan saya dan dalam ucapan saya, saya kata ada projek yang tertangguh yang kemungkinan akan menjejaskan nama dan imej baik Kerajaan Barisan Nasional iaitu dalam kawasan saya di kawasan Taman Universiti yang ada lebih 60,000 penduduk di sana. Projek balai bomba dan penyelamat dijanjikan pada tahun 2000 secara bertulis kepada saya. Sebagai wakil rakyat, saya pun maklumkan kepada penduduk di sana. Hingga sekarang masih belum dilaksanakan.

Tadi Yang Berhormat kata ini kawasan yang perlu dibuat balai bomba dahulu, tetapi apa sebab projek ini tertangguh dan kemungkinan ia akan ditangguhkan kepada Rancangan Malaysia Kesembilan. Saya harap dapat penjelasan. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yalah Yang Berhormat, kalau saya tidak silap saya pernah jawab soalan ini daripada Yang Berhormat. Masalah balai bomba yang dicadangkan bagi Taman Universiti ialah kerana taman ini berdekatan dengan satu balai yang sudah atau sedang dibina. Oleh kerana ia terlalu dekat, kalau kita hendak beri *priority* kepada Taman Universiti ini, maka ia tidak secocok dengan gambaran kita yang lebih besar bagi negeri Johor kerana ada juga tempat lain yang perlu diberi keutamaan. Sebab itulah maka pihak jabatan sudah menangguhkan pembinaan ini kepada Rancangan Malaysia Kesembilan nanti. Saya rasa dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini, kita akan buatlah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, bagaimana balai bomba yang di Pekan Nanas boleh dikatakan dekat dengan kawasan Taman Universiti kerana yang terdekat sekali ialah balai bomba dan penyelamat yang sedia ada atau wujud di Kampung Baru, Pekan Nanas? Itu jauh. Sekarang Jalan Pontian ada banyak kenderaan dan sangat sibuk. Kalau ada kes-kes kebakaran, akan mendatangkan kerugian yang besar kepada mangsa kebakaran.

Saya harap pihak kementerian ambil tindakan yang secepat mungkin. Kalau boleh, tinjau semula dan bina balai bomba dan penyelamat di Taman Universiti secepat mungkin. Sekian, terima kasih.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Baiklah, Yang Berhormat. Kita cubalah dengan sedaya-upaya macam mana kita boleh memenuhi hasrat semua permohonan daripada Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat...

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Akhir sekali...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Selangau.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Selangau? Okay.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya telah mengemukakan bahawa dua buah daerah iaitu daerah Tatau dan daerah Selangau, kedua-dua kedai di tempat itu telah terbakar dua tahun yang lepas dan telah memusnahkan harta benda yang banyak. *[Disampuk]* Ha, deretan kedai. Di daerah Tatau, ada lebih kurang 30 buah pintu kedai dan juga di Selangau. Jadi, dalam kajian separuh penggal rancangan ini, saya mintalah sekurang-kurangnya sebuah daerah itu dipertimbangkan, sama ada daerah Selangau atau daerah Tatau.

**Tuan Billy Abit Joo:** Saya setuju.

**Tuan Joseph Mauh anak Ikeh:** Jangan sampai Rancangan Malaysia Kesembilan, janganlah. Mintalah. Sekian.

**Datuk Peter Chin Fah Kui:** Yang Berhormat, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, daerah Tatau ini memang ada dalam perancangan kita. Mengenai Selangau yang saya sudah jawab tadi, tetapi Tatau memang ada.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja jawapan saya untuk perbahasan yang kita dapat catat dalam satu dua hari ini. Sekali lagi saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang



memberi perhatian dan keprihatinan dalam perbahasan ini di bawah bidang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya.

**12.35 tgh.**

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh Kementerian Kerja Raya ketika perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan mengenai pembinaan persimpangan bertingkat di Jalan Skudai dan Jalan Pontian di mana pengguna kenderaan di kawasan itu telah dijanjikan pembinaannya sebanyak tiga kali dari tahun 1996 hingga sekarang, akan tetapi projek ini masih belum dapat dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek persimpangan bertingkat Skudai tersebut pada asalnya adalah di bawah skop projek penswastaaan Senai-Desaru. Walau bagaimanapun, projek Senai-Desaru masih belum lagi dilaksanakan. Berikutan daripada itu, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri pada pertengahan tahun ini telah membuat keputusan supaya projek persimpangan bertingkat ini dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan dengan menggunakan peruntukan pembangunan Kementerian Kerja Raya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat seterusnya, untuk melaksanakan projek ini, perunding telah pun dikenal pasti untuk kerja-kerja reka bentuk terperinci bagi projek berkenaan dan kerja-kerja reka bentuk ini dijangka akan memakan masa selama satu tahun. Kerja-kerja pembinaan bagi projek ini dijangka akan dapat dimulakan pada akhir tahun 2004.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sipitang ada menyentuh mengenai isu bekalan air di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Sabah merupakan antara negeri yang menerima peruntukan tertinggi bagi sektor air di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan iaitu dengan peruntukan keseluruhan dicadangkan sebanyak RM470 juta. Ini merupakan peningkatan sebanyak 52.6%, berbanding dengan peruntukan asal sebanyak RM308 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, setakat ini terdapat tiga projek bekalan air di negeri Sabah yang telah dapat disiapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan iaitu projek bekalan utama air di negeri Sabah yang melibatkan kos sebanyak RM132 juta, bekalan air Membakut, RM17 juta dan projek bekalan air ke lapangan terbang baru Tawau, RM15 juta.

Pada masa kini terdapat empat projek bekalan air negeri Sabah yang sedang dilaksanakan iaitu bekalan air Ranau, bekalan air ke Maktab Perguruan Tawau, bekalan air Kudat dan projek bekalan air ke Kuala Penyu dan Menumbuk yang berjumlah keseluruhan sebanyak RM113.5 juta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek-projek utama bekalan air yang akan dilaksanakan di bawah Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan bagi negeri Sabah ialah projek bekalan air Sandakan, Fasa 2, yang dijangka akan menelan kos sebanyak RM482 juta, pembinaan loji rawatan air Telibong dan Telipok, RM175 juta kosnya dan projek bekalan air Kudat, RM98 juta.

Di samping itu, tumpuan juga akan terus diberikan bagi mengurangkan kadar kehilangan air dengan peruntukan sebanyak RM55 juta untuk melaksanakan program mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil di negeri Sabah, termasuk penggantian paip-paip air lama.

Yang Berhormat bagi Kinabatangan telah menyentuh mengenai isu bekalan air luar bandar di Sabah. Ingin saya maklumkan bahawa bagi memenuhi permintaan air di kawasan luar bandar yang semakin meningkat, termasuk di kawasan Kinabatangan sendiri, kerajaan telah, sedang dan akan meneruskan usaha untuk melaksanakan sistem alternatif program bekalan air luar bandar

Program ini melibatkan pembinaan telaga tiub, aliran graviti dan penuaian air hujan di kawasan luar bandar di seluruh negara khususnya di Sabah dan Sarawak dan program ini...

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Kinabatangan.

**Dato' Mohamed Khaled bin Haji Nordin:** ...akan dibayar melalui peruntukan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sila.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya memang percaya bahawa di Kawasan Parlimen Kinabatangan ini memang terdapat sumber-sumber air lain selain daripada sungai itu sendiri. Yang menjadi persoalan, Sungai Kinabatangan ini membekal air kepada seluruh kawasan Sandakan tetapi malangnya masyarakat di Kota Kinabatangan itu sendiri cuma 25% yang mendapat air bersih daripada bekalan ke Sandakan ini. Ini yang anehnya. Jadi persoalan yang dihadapi iaitu peruntukan untuk memasang paip-paip *main-line* tidak ada. Kita sudah tunggu tiga tahun, belum juga ada peruntukan.

Saya hendak tanya kementerian, bila agaknya peruntukan untuk paip *main-line* ini ada supaya kalau masyarakat di bandar boleh dibekalkan air daripada Sungai Kinabatangan, kenalah pula bekal untuk masyarakat dia sendiri. Ini maksud saya, kampung-kampung yang berhampiran. Bukan seluruh Kinabatangan sebab yang lain ini memang berjauhan tapi yang di sekitar kawasan pembekalan air bersih ini, yang ada *dam* membekal tidak juga boleh dapat air. Ini yang menjadi persoalan.

Jadi saya harap pihak kementerian boleh turun ke bawah bersama-sama dengan saya meninjau apa kemungkinan-kemungkinan yang boleh diurus untuk menyelesaikan masalah ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Mohamed Khaled bin Nordin:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua seperti yang kita sedia maklum, soal air ini merupakan di bawah bidang kuasa negeri. Maka atas sebab itu soal keutamaan itu juga ditentukan oleh pihak kerajaan negeri dan insya-Allahlah pihak kementerian akan berunding dengan pihak kerajaan negeri untuk menentukan supaya perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu boleh dijadikan sebagai satu keutamaan apabila negeri mengemukakan kepada pihak kementerian dalam soal-soal pembiayaan bagi projek-projek air pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat dari Lipis dan juga Keningau telah membangkitkan mengenai masalah paip air yang sering kali pecah sehingga mengakibatkan terputusnya bekalan air di kawasan masing-masing. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah paip pecah lazimnya disebabkan oleh paip agihan air yang telah usang dan sudah bocor. Paip-paip tersebut terdiri daripada jenis simen asbestos yang telah melebihi usia 20 tahun dan ia perlu digantikan kepada paip air jenis lain yang lebih tahan. Di negara kita pada masa kini terdapat 52.3% ataupun 46,426 kilometer dari jumlah keseluruhan 88,786 kilometer paip agihan air yang terdiri daripada jenis simen asbestos.

Program penggantian paip-paip usang ini akan melibatkan kos yang tinggi. Hakikatnya kemampuan kewangan kerajaan negeri untuk melaksanakan program tersebut adalah amat terhad dan memerlukan bantuan kewangan daripada Kerajaan Persekutuan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Persekutuan sejak dari tempoh Rancangan Malaysia Kelima lagi telah menyediakan peruntukan kepada hampir setiap negeri bagi melaksanakan program menggantikan paip-paip air lama di negeri masing-masing. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh yang lalu, peruntukan keseluruhan sebanyak hampir RM500 juta telah dibelanjakan oleh kerajaan negeri bagi melaksanakan program mengurangkan kadar kehilangan air tidak terhasil termasuk menggantikan paip-paip air lama. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelapan, setakat ini Kerajaan Persekutuan telah memperuntukkan sebanyak RM465 juta bagi meneruskan pelaksanaan program mengurangkan kadar air tidak terhasil di seluruh negara.

Pada masa kini, program penggantian paip-paip air lama sedang dilaksanakan secara berperingkat-peringkat di seluruh negara. Adalah diharapkan masalah-masalah paip-paip pecah akan dapat diatasi apabila projek ini disempurnakan kelak.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Seputeh telah membangkitkan mengenai beberapa industri kecil dan sederhana di kawasan Jalan Chan Sow Lin yang terjejas dengan jajaran lebuh raya *Dedicated Highway*.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, perpindahan IKS ini memang tidak dapat dielakkan. Walau bagaimana pun, kerajaan bersedia untuk menimbang langkah-langkah yang perlu diambil bagi mengurangkan kesulitan perusahaan IKS akibat daripada perpindahan tersebut. Dalam hal ini bolehlah Yang Berhormat mengemukakan cadangan untuk pertimbangan pihak kementerian. Mengenai perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Penampang, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek untuk menaik taraf Jalan Bundusan-Penampang yang melibatkan skop kerja untuk melebarkan jalan sedia ada sepanjang empat kilometer di Jalan Bundusan telah dicadangkan oleh kerajaan negeri dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan. Walau bagaimanapun projek ini telah tidak diluluskan kerana kekurangan peruntukan dan keutamaan diberi kepada projek yang lain. Kementerian ini

akan mengkaji semula pelaksanaan projek ini semasa penyediaan program pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan tersebut merupakan jalan negeri dan Yang Berhormat juga boleh memohon supaya kerajaan negeri melaksanakan pembinaan jalan tersebut.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dan jika ada isu-isu yang tidak sempat dijawab, ianya tetap akan diberi perhatian oleh Kementerian Kerja Raya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama.

**12.47 tgh.**

**Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Mambong yang telah membangkitkan perkara-perkara yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Perusahaan Utama.

Berhubung dengan pertanyaan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat daripada Mambong mengenai kesan terhadap eksport produk berasaskan kayu-kayan ke Amerika Syarikat selepas kenyataan bekas Yang Amat Berbahagia bekas Perdana Menteri yang dianggap anti Yahudi semasa persidangan OIC baru-baru ini adalah terlalu awal untuk menilai kesan kenyataan anti Yahudi tersebut. Oleh itu setakat ini tidak terdapat kesan-kesan yang negatif ke atas eksport kayu-kayan negara ke Amerika Syarikat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh juga penerangan Yang Berhormat bagi Mambong berhubung dengan perkara tersebut di atas supaya Kementerian Perusahaan Utama memindahkan pasaran eksport kayu kayan di Amerika Syarikat kepada negeri China.

Untuk makluman Yang Berhormat, Amerika Syarikat adalah di antara pasaran utama produk kayu kayan Malaysia khususnya perabot. Sungguhpun setakat ini tidak terdapat sebarang kesan daripada perkara di atas, kementerian ini sentiasa menggalakkan pengeluaran-pengeluaran produk kayu kayan termasuk perabot untuk mempelbagaikan pasaran mereka. Ini termasuklah ke pasaran China.

Pada masa ini negara China memang merupakan pasaran penting produk kayu kayan Malaysia seperti kayu gergaji, papan lapis dan *moulding*. Selain itu usaha sedang diambil untuk menjadikan China sebagai pusat sumber bekalan *parts of component* dengan izin, bagi industri kayu kayan Malaysia terutama bagi industri perabot. Bagi tujuan ini, satu misi yang akan diketuai oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama akan diadakan pada bulan November yang akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh pertanyaan Yang Berhormat bagi Mambong mengenai kesan terhadap pengharaman import kayu balak dari Indonesia.

Dalam perkara ini, Malaysia telah mengharamkan import balak bulat daripada Indonesia berkuat kuasa mulai 25 Jun 2002 dan disusuli dengan tindakan mengharamkan import kayu balak empat segi mulai 1 Jun 2003. Sungguhpun pengharaman import balak dari Indonesia mendatangkan sedikit masalah kepada industri kayu kayan negara disebabkan kekurangan bahan mentah dalam negeri, namun begitu pihak pengilang-pengilang telah dapat membuat pengubahsuaian atau *adjustment* dalam operasi pemprosesan serta mengubah sumber import kayu balak daripada Indonesia ke negara-negara lain seperti Papua New Guinea, Myanmar, New Zealand dan juga Amerika Syarikat.

Tindakan ini diambil sebagai langkah tindak balas ke atas tindakan Kerajaan Indonesia yang telah pun mengharamkan eksport balak berkuat kuasa pada bulan Oktober 2001 bagi mengatasi isu berhubung pembalakan haram di negara tersebut. Pengharaman import ini juga dibuat ekoran daripada tuduhan dan tekanan daripada pihak pertubuhan bukan kerajaan atau NGO yang menuduh Malaysia menerima balak haram daripada Indonesia. Tindakan ini adalah penting untuk membersihkan nama Malaysia sebagai pusat kemasukan balak haram dari Indonesia. Sebagai negara pengeluar dan pengimport utama kayu tropika terbesar di dunia, imej industri kayu-kayan dan negara amnya di kaca mata dunia adalah lebih penting ekoran daripada tindakan mengharamkan import dari Indonesia.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertanyaan dari Yang Berhormat bagi Mambong terhadap sebab-sebab.....

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Batang Lupar.

**Datuk Anifah Aman:**.....kemosrotan eksport kayu gergaji dan papan lapis ke pasaran, ya.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk. Soalan tambahan sedikit sahaja. Salah satu daripada tohmahan, *allegation* oleh pihak Indonesia ialah pembalakan pembalakan dari Malaysia, khususnya di Sarawak yang mempunyai konsesi berkaitan dengan sempadan, mencuri masuk ke dalam kawasan Indonesia dan membawa balik balak ini ke dalam kawasan Malaysia, supaya *dilegitimizekan* dia punya pengeluaran. Adakah penyelidikan yang dibuat dan apakah pemantauan supaya perkara ini tidak berlaku? Terima kasih.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita telah pun beberapa kali menjelaskan kepada pihak Indonesia dan sekiranya ada pembalakan haram yang berlaku di negara Indonesia itu sendiri, maka tindakan perlulah diambil oleh negara tersebut oleh kerana kita menghormati kedaulatan negara Indonesia, maka oleh itu kita tidaklah dapat berbuat apa-apa dan terpulanglah kepada Indonesia supaya ianya mengambil langkah-langkah yang wajar sekiranya ada berlaku pembalakan haram di negara itu.

Walau bagaimanapun, apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat, sama ada kayu itu dibawa masuk melalui Sarawak, pada ketika ini kita belum mendapat apa-apa bukti bahawa ianya berlaku. Walau bagaimanapun, kita akan menjalankan siasatan sekiranya ianya perlu supaya kita tidak membenarkan kayu-kayu yang telah pun dibalok secara haram masuk ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertanyaan Yang Berhormat bagi Mambong terhadap sebab-sebab kemosrotan eksport kayu gergaji dan papan lapis ke pasaran Eropah dan Jepun, adalah disebabkan oleh kelembapan ekonomi di negara-negara tersebut. Selain itu, adalah disebabkan kempen-kempen anti kayu tropika yang dijalankan oleh beberapa pertubuhan NGO terhadap produk kayu-kayan daripada Malaysia. Kempen NGO yang mendakwa bahawa kayu-kayan tropika diperolehi daripada sumber yang tidak mapan atau *sustainable*, sah atau *legal* sedikit sebanyak akan menjejaskan eksport produk kayu-kayan Malaysia ke negara-negara tersebut.

Di Jepun, eksport kayu-kayan terbesar adalah dalam bentuk papan lapis yang mana kini pihak Kerajaan Jepun telah melaksanakan satu piawaian baru iaitu Japanese Agricultural Standard (JAS), dengan izin, yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2003. Mengikut piawaian tersebut, semua bahan binaan khususnya papan lapis perlu mematuhi garis panduan berhubung dengan *Formaldehyde Emission*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Mambong mengenai sama ada persijilan kayu-kayan yang dikeluarkan *Malaysian Timbers Certification Council (MTTC)* menerima pakai kriteria daripada *Forest Stewardship Certification (FSC)* untuk pasaran Eropah. Dalam usaha untuk memperbaiki skim persijilan yang ada, satu kumpulan nasional ataupun, dengan izin, *National Working Group* telah ditubuhkan dengan tujuan antara lain untuk mengadakan *regional consultation*, dengan izin, yang akan melibatkan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Sarawak dan Jabatan Perhutanan Sabah. *Regional consultation* ini bertujuan untuk menubuhkan satu skim persijilan bagi Malaysia, yang mengambil kira kriteria dan petunjuk, *Forest Stewardship Certification (FSC)*.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pertanyaan oleh Yang Berhormat bagi Mambong juga terhadap sebab-sebab penurunan pengeluaran kayu balak daripada RM23 juta meter padu dalam tahun 2000 kepada RM18.2 juta meter padu pada tahun 2005 adalah disebabkan negara kita mengurus sumber hutan selaras dengan objektif tahun 2000 *International Tropical Timber Organization (ITTO)* yang mengehendaki negara-negara pengeluar mengamalkan pengurusan hutan secara berkekalan.

Di samping itu, Majlis Perhutanan Negara ke-16 telah menetapkan catuan tebanan tahunan bagi tempoh Rancangan Malaysia Kelapan 2001–2005 bagi setiap negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Ini bertujuan untuk memastikan bahawa pengeluaran balak daripada hutan pengeluaran, di dalam hutan simpan kekal adalah terkawal dan jumlah pokok tinggal adalah mencukupi untuk pusingan tebanan yang akan datang, yang lazimnya ditetapkan untuk tempoh pusingan 30 tahun di bawah sistem tebanan memilih atau lebih dikenali sebagai *Selective Management System (SMS)*.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Mambong juga, mengenai bagaimana Malaysia dapat memenuhi permintaan antarabangsa bagi produk-produk berasaskan kayu. Kajian ini dijangka meningkat pada masa hadapan, terutama dengan penurunan pengeluaran kayu balak. Dalam perkara ini, eksport kayu-kayan akan berkembang untuk memenuhi peningkatan permintaan di masa yang akan datang. Memandangkan bekalan bahan

mentah yang berkurangan, khususnya kayu balak, industri kayu-kayan digalakkan menghasilkan produk-produk hiliran yang mempunyai nilai tambah yang tinggi. Oleh itu, eksport kayu-kayan negara dalam bentuk produk-produk bernilai tinggi seperti perabot dan *moulding* dijangka akan berkembang di masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya juga ingin menyentuh perkara yang dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat bagi Mambong mengenai faktor-faktor yang digunakan untuk merumuskan kadar catuan tebanan tahunan (CTT) yang telah dikurangkan daripada 276,040 hektar setahun kepada 2,870 hektar setahun oleh kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat, faktor-faktor untuk merumuskan kadar CTT, adalah berasaskan konsep pengurusan hutan secara berkekalan yang mengambil kira sumbangan hutan kepada kestabilan sosioekonomi negara, termasuk pengekalan, keseimbangan cuaca dan alam sekitar serta sumber bekalan air bersih. Di samping itu, penentuan CTT ini adalah berdasarkan keluasan hutan simpan kekal bagi setiap negeri di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga menyentuh pertanyaan Yang Berhormat bagi Mambong mengenai keluasan tanaman kayu balak yang cepat membesar di setiap negeri. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, spesis cepat tumbuh yang ditanam di Malaysia ialah *acacia mangium* dan getah. Kawasan tanaman mengikut negeri-negeri adalah seperti berikut. Negeri Johor – *acacia mangium* 19,521 hektar: Kedah – 25 hektar getah....

**Dr. James Dawos Mamit:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Mambong.

**Dr. James Dawos Mamit:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Utama. Kenapakah kerajaan memilih hanya dua spesis *acacia mangium* dan getah bagi penanaman kayu balak cepat tumbuh, bahkan banyak lagi spesis, spesis di dalam jenis *phoria* ataupun di dalam family '*Dipterocarpaceae*' yang saya boleh menganggapkan bahawa tumbuh-tumbuhan ataupun tumbes spesis-spesis ini sama dengan pokok getah dan juga sama dengan *acacia mangium* kerana *acacia mangium* kualiti kayunya, kerana dahan-dahannya terlalu banyak. Ini akan menyebabkan banyak *defect* di dalam kayu gergaji. Kenapa memilih *acacia mangium*? Bahkan *acacia mangium* mungkin boleh digunakan hanya untuk membuat pulpa dan kertas? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Anifah Aman:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Mambong. Kita telah pun memberi maklumat seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat kepada pihak-pihak swasta yang telah pun melibatkan dalam penanaman semula ataupun dalam *forest plantation* yang telah pun sedang dijalankan oleh beberapa syarikat. Walau bagaimanapun, terpujanglah kepada syarikat-syarikat tertentu, sama ada spesis yang mana hendak mereka tanamkan dan kerajaan melalui Kementerian Perusahaan Utama sedia menggalakkan dan untuk mempelbagaikan penanaman kayu-kayu yang cepat tumbuh, yang di antaranya yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat dan juga *acacia mangium*, itu ada beberapa syarikat pada masa kini, termasuk satu syarikat yang telah pun menjalankan di negeri Sabah baru-baru ini, yang telah pun saya lawati, bahawa mereka akan mempelbagaikan spesis mereka supaya ianya akan memberi pulangan yang lebih baik ataupun cepat.

Jadi, oleh itu terpujanglah kepada syarikat-syarikat swasta tersebut untuk menentukannya. Negeri-negeri tersebut Yang Berhormat ialah Negeri Sembilan, Kelantan yang menanam *acacia mangium* 3,009 hektar dan getah 54 hektar, Negeri Sembilan - 4,793 hektar menanam *acacia mangium* dan 49 hektar getah. Pahang - 19,120 hektar *acacia mangium* dan 795 getah, Perak - 3,976 *acacia mangium* dan 100 hektar getah, Selangor - 9,022 hektar menanam *acacia mangium* dan 590 hektar getah, Terengganu – 3,591 hektar *acacia mangium* dan 211 getah, Sarawak – 20,970.7 hektar *acacia mangium* dan 430.4 hektar getah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat....

**Datuk Anifah Aman:** .....dan Sabah – 27,628.9 hektar *acacia mangium* dan 2,030 hektar getah, jumlah.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, boleh sambung pada petang ini?

**Datuk Anifah Aman:** Habis, sudah habis ya Tuan Yang di-Pertua. Jumlah 92,80.6 hektar *acacia mangium* dan 4,074.4 hektar getah.

Tuan Yang di-Pertua, bagi mengakhiri penggulungan ini, sukalah saya memberi jaminan bahawa Kementerian saya telah mengambil maklum dan akan memberi perhatian sepenuhnya ke atas penerangan, ulasan dan saranan yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan yang mulia ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.00 tgh.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Lim Si Cheng) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dewan bersidang semula. Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia.

**2.32 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia [Datuk Tan Chai Ho]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang membangkitkan isu berkaitan dengan bidang tugas Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia semasa perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, antaranya Ahli Yang Berhormat bagi Permatang Pauh, Beluran, Selangau dan Keningau.

Seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, industri ICT tatkala ini telah mengalami pembangunan yang amat pesat. Pada puratanya industri ICT tatkala ini telah mencatatkan pertumbuhan pada kadar melebihi 10% setahun semenjak tahun 2000. Sebagai contoh pasaran perkhidmatan telefon *cellular* telah meningkat secara mendadak semenjak tahun 2000 dengan mencatatkan pertumbuhan purata tahunan melebihi 25%. Hasil daripada itu bilangan pelanggan telah bertambah daripada 5.1 juta pada tahun 2000 kepada sekitar 9.9 juta pada Jun 2003.

Dalam jangka masa yang sama, peningkatan yang amat memberangsangkan juga telah dicatatkan dari segi pelanggan internet yang telah meningkat daripada 1.6 juta kepada 2.6 juta atau kenaikan sebanyak 61%. Dari segi bilangan pengguna internet, jumlahnya dianggarkan sebanyak tiga kali ganda berpandukan anggaran sekurang-kurangnya tiga orang pengguna untuk setiap pelanggan. Begitu juga dari segi pemilik komputer. Peratusan penduduk yang mempunyai komputer peribadi telah mencapai 14.5% pada akhir tahun 2002 berbanding hanya 9.4% pada tahun 2000.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa ini Projek Hidroelektrik Bakun sedang di peringkat pembinaan empangan utama dan dijangka siap sepenuhnya menjelang akhir tahun 2007 dan akan mula beroperasi secara komersial pada tahun 2008. Mengikut perancangan yang dibuat, projek ini akan membekalkan tenaga elektrik ke negeri Sabah sebanyak 225 megawatt pada tahun 2008 dan sebanyak 225 megawatt lagi pada tahun 2009. Berhubung dengan ini Projek Hidroelektrik Liwagu di Ranau, Sabah, kerajaan belum bercadang untuk melaksanakannya memandangkan keperluan bekalan elektrik untuk negeri Sabah dapat dipenuhi daripada Projek Hidroelektrik Bakun.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, polisi berkenaan, deposit yang bersamaan dengan dua penggunaan telah wujud dari masa Lembaga Elektrik Sabah lagi dan termaktub dalam peraturan dan syarat-syarat perbekalan sehingga sekarang. Permintaan deposit tambahan adalah selaras dengan Peraturan 5.1 Akta Bekalan Elektrik 1990. Peraturan-peraturan Bekalan Pembaikan Lesen (Pindaan) 2002 yang menuntut pengguna mendepositkan satu jumlah wang yang mencukupi untuk meliputi anggaran caj bekalan tenaga untuk dua bulan dan sewa kelengkapan untuk dua bulan. Jika ada, menurut polisi syarikat, deposit pengguna yang didapati tidak mencukupi untuk meliputi anggaran caj bagi dua bulan adalah dikaji semula berdasarkan sejarah penggunaan bagi enam bulan yang terkini sekurang-kurangnya 180 hari. Ini adalah untuk memastikan anggaran yang dibuat adalah mencerminkan penggunaan yang sebenar. Amaun deposit tambahan yang kelihatan tinggi pada orang ramai adalah sebenarnya disebabkan deposit penggunaan yang dibayar lebih sepuluh tahun yang lalu tidak lagi mencerminkan penggunaan tenaga elektrik sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bekalan elektrik kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 21 dan Sekolah Menengah Ranau, Sabah Electricity Berhad....

**Tuan Wilfred Madius Tangau: [Bangun]**

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tuan.

**Tuan Wilfred Madius Tangau:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Sebelum pergi ke Selangau saya ingin berbalik kepada soal Bakun tadi. Liwagu tidak boleh dibuat sebab saya difahamkan Liwagu ini telah dibuat kajian dari segi air dan sebagainya. Telah dibuat sudah lama. Jadi sekarang Liwagu tidak mahu dibuat sebab Bakun ini. Apa yang kita mahu tahu ialah sebenarnya apakah keputusan kerajaan? Adakah benar-benar Bakun ini hendak dibuat di Sabah? Kalau mahu dibuat di Sabah, sampai bila? Berapa tahun lagikah Sabah menunggu sehingga kita mempunyai bekalan elektrik yang stabil, yang mencukupi? Terima kasih.

**Datuk Tan Chai Ho:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya sebutkan Projek Hidroelektrik Bakun ini walaupun telah dimulakan, di mana projek ini akan disiapkan pada akhir tahun 2007, dan akan mula beroperasi secara komersial pada 2008.

Jadi berhubung dengan Projek Hidroelektrik Liwagu di Ranau, Sabah, kerajaan tidak bercadang untuk melaksanakan buat sementara, kerana keperluan ' bekalan elektrik untuk negeri Sabah adalah mencukupi. Kalau kita lihat kapasiti penjanaan yang sedia ada di Sabah adalah 990 megawatt, dan kalau kita ambil kira anggaran pembekalan elektrik sebanyak 450 megawatt dari Projek Hidroelektrik Bakun, jadi jumlah kapasiti penjanaan di negeri Sabah pada tahun 2010 dianggarkan sebanyak 1,240 megawatt.

Ini bermakna kalau kita lihat pada tahun 2010 jumlah *electricity* yang diperlukan untuk negeri Sabah adalah lebih kurang 833 megawatt, ini bermakna, Tuan Yang di-Pertua, simpanan elektrik di negeri Sabah pada tahun 2010, *the reserve energy*, adalah lebih kurang 48.8%. Jadi, buat sementara Projek Hidroelektrik Liwagu, tidak ada rancangan yang rasmi untuk melaksanakannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan bekalan elektrik kepada Sekolah Menengah Kebangsaan Batu 21 dan Sekolah Menengah Selangau, Sabah Electricity Sendirian Berhad akan membuat siasatan tentang kedudukan bekalan elektrik, dan akan mengambil tindakan yang sewajarnya berdasarkan hasil siasatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, inilah penjelasan yang dapat saya berikan ke atas perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, sepanjang sesi perbahasan Kajian Separuh Penggal RMK-8 di Dewan Rakyat ini, sekiranya terdapat perkara-perkara yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, yang tidak sempat saya menjawabnya, saya mohon maaf kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berkenaan, namun Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia akan mengambil perhatian terhadap sebarang teguran dan pandangan dan seterusnya mengambil tindakan yang sewajarnya. Sekianlah, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**2.43 ptg.**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Ir. Ho Cheong Sing]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, khususnya mengenai perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Izinkan saya memberi jawapan dan maklum balas ke atas perkara-perkara yang telah dibangkitkan di sepanjang tempoh perbahasan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Kepong mencadangkan supaya Malaysia mencari bidang atau dengan izin, *niche* dalam pasaran antarabangsa memandangkan terdapat persaingan daripada negara-negara besar seperti China dan India.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Malaysia memang menyertai persaingan dari China dan India, dari segi pengeluaran barangan yang berintensifkan buruh tinggi. Malaysia telah mengamalkan pengeluaran berasaskan teknologi untuk mengeluarkan barangan yang mempunyai nilai tambah *money value added*, dengan izin, untuk keperluan pasaran antarabangsa khususnya kepada, dengan izin, *niche market* China dan India.

Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri sentiasa mempromosikan barangan Malaysia melalui misi perdagangan dan pelaburan serta pelaburan antarabangsa dalam semua bidang

berkaitan tersebut, pemantauan perdagangan sentiasa diadakan untuk mewujudkan perniagaan antara syarikat Malaysia dengan syarikat asing termasuk syarikat-syarikat di China.

Ahli Yang Berhormat bagi Tambun menyarankan supaya bantuan pinjaman diberikan kepada rakyat Malaysia yang beroperasi di pasaran eksport di luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan untuk bantuan pinjaman diberikan kepada rakyat Malaysia yang beroperasi di pasaran eksport di luar negara perlu dikaji secara lebih teliti, khususnya peraturan-peraturan pengaliran wang ke luar negara yang terletak di bawah bidang kuasa Bank Negara Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja penjelasan yang ingin saya berikan kepada isu-isu penting yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, yang menyentuh bidang kuasa MITI dan saya juga .....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tumpat bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi masa untuk Dato' Setiausaha Parlimen ruang yang banyak untuk bercakap dalam Dewan ini. Keadaan perdagangan antarabangsa kita akhir-akhir ini agak membimbangkan, laporan mengatakan bahawa untuk bulan yang ketiganya eksport kita menurun iaitu daripada bulan September, Ogos sebelumnya dan Julai sebelumnya, jadi keadaan ini membimbangkan banyak pemerhati ekonomi negara dan dari segi perbandingan tahun *year on year*, untuk bulan September, kita berkurangan eksport 4.2%, sudahlah menurun setiap bulan, tetapi penurunannya adalah teruk dan yang turun itu adalah disebabkan oleh eksport-eksport, dengan izin, *electronics and electrical* (E&E) adalah paling nyata daripada kalangan eksport-eksport yang menurun dengan kadar yang membimbangkan.

Jadi, apalah ulasan Yang Berhormat Setiausaha Parlimen dan apakah cadangan daripada Kementerian MITI ini untuk mempebaiki keadaan perdagangan, sebab kita ini negara perdagangan dan matlamat kita hendak menjadikan negara ini negara perdagangan yang tulen, yang terulung dan sebagainya, tetapi kadar eksport kita bulan, demi bulan, tiga bulan berturut-turut menurun, maka apakah pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Ir. Ho Cheong Sing:** Tuan Yang di-Pertua, ingin dimaklumkan juga bahawa secara keseluruhannya Malaysia mencatatkan lebih dagangan sebanyak RM50.92 bilion bagi tahun 2002. Bagi tempoh Januari hingga Ogos 2003 lebih dagangan adalah sebanyak RM47.1 bilion, lebih dagangan bagi bulan Ogos 2003 adalah RM6.13 bilion dan lebih dagangan ini merupakan yang ke-70 bulan berturut-turut dicatatkan sejak bulan November 1997.

Saya juga ingin menyampaikan ucapan terima kasih di atas teguran dan pandangan yang tidak sempat dijawab buat kali ini dan perkara tersebut akan diambil perhatian sewajarnya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat dari Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar.

**Seorang Ahli:** Tidak ada.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tidak ada. Tidak ada isu, okey. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri.

**2.50 ptg.**

**Menteri Luar Negeri [Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian di dalam Perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan pada 30 Oktober hingga 4 November 2003. Mereka terdiri daripada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah, Yang Berhormat bagi Tambun, Yang Berhormat bagi Kemaman dan Yang Berhormat bagi Tebrau.

Tuan Yang di-Pertua, di sepanjang perbahasan tersebut, mereka telah membangkitkan yang saya rangkumkan kepada tiga isu utama:

- (i) berkenaan dengan hubungan dua hala Malaysia dengan Singapura;
- (ii) peranan Malaysia selaku Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan Pertubuhan Persidangan Islam; dan
- (iii) berkenaan cabaran globalisasi.



Berkenaan hubungan dua hala Malaysia-Singapura, soalan ini tertumpu kepada soal Tambak Johor. Ingin saya memberitahu yang Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau, projek pembinaan jambatan menggantikan Tambak Johor untuk menyambungkan Selat Tebrau ke Singapura adalah bertujuan untuk menentukan bahawa kita dapat membawa manfaat kepada kedua-dua negara dari segi laluan dan juga dari segi perairan air di Selat Tebrau yang akan memudahkan kedua-dua belah pihak, kedua-dua rakyat untuk berurusan di antara satu sama lain dengan baik dan sempurna.

Sebenarnya pembinaan jambatan ini akan membawa keuntungan bukan sahaja kepada Malaysia tetapi juga kepada Singapura. Pada peringkat awal pembinaan jambatan ini, kita harapkan akan dapat kita bina secara bersama. Justeru itulah Malaysia telah cuba mencari pendekatan untuk berunding dengan pihak Singapura bagi bersama-sama membina jambatan tersebut bagi kepentingan bersama. Malangnya Singapura gagal bersetuju dengan cadangan Malaysia dan kita terpaksa meneruskan projek tersebut secara berasingan.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan sentiasa memantau dan memberi perhatian terhadap semua projek pembangunan yang dilakukan di sekitar Selat Tebrau supaya kepentingan negara tidak terjejas.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Tumpat bangun.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik dengan cadangan Malaysia untuk membina jambatan secara *unilateral* tanpa kerjasama dengan pihak kerajaan Singapura. Saya agak kurang mampu untuk memikirkan bagaimana mungkin kita membina suatu jambatan yang sudah tentu kalau pun bermula daripada pihak Malaysia di Johor Baru, mesti berakhir di pihak Singapura dalam wilayah Singapura. Jadi, saya kurang mampu untuk memahami kebijaksanaan baru Kerajaan Malaysia yang baru ini boleh membina jambatan yang melibatkan dua negara yang sama-sama merdeka, tanpa kerjasama dengan pihak satu lagi, iaitu kerajaan Singapura. Pohon penjelasan lebih lanjut daripada Yang Berhormat.

**Datuk Seri Panglima Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat. Kerajaannya masih sama lagi, tidak ada kerajaan baru, hanya pemimpin sahaja bertukar.

Saya ingin memberitahu Yang Berhormat, kita membina jambatan ini sebagaimana kita tahu *coast way*, tambah yang ada sekarang, pertemuannya adalah di sempadan antarabangsa. Kita akan membina jambatan di pihak kita sehingga di perairan tempat sempadan antarabangsa di mana akhirnya ia akan bersambung dengan Singapura dan jambatan itu akan melengkung sedikit oleh kerana tidak ada persetujuan oleh pihak Singapura. Cara yang terbaik, pendekatan Malaysia ialah untuk kepentingan bersama bersetuju secara bersama tetapi oleh kerana Singapura tidak bersetuju, maka tidak mungkin untuk kepentingan ekonomi dan faedah alam sekitar dan kebaikan kita, kita tidak meneruskan projek itu, sebab itu kita meneruskan projek tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Kota Melaka.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Saya cuma hendak tanya satu soalan ringkas sahaja. Kerajaan Singapura langsung tidak setuju dengan jambatan baru atau dia minta pada suatu tempoh. Apakah kebenarannya.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita telah mengadakan beberapa perundingan dan perundingan itu dibuat secara berasingan tetapi Singapura telah mengatakan ia adalah sebahagian daripada pakej satu di antara Malaysia dan Singapura yang perlu dirunding secara berpakej.

Keduanya ialah Singapura mahu meruntuhkan Tambak Johor pada tahun 2007, ini akan mengendalakan perancangan kita untuk memulakan. Oleh kerana kita melihatkan kesesakan lalu lintas dan keadaan perairan di Johor tidak memuaskan maka kita mengambil keputusan untuk memulakannya cepat. Kalau Singapura bersetuju, kita tidak mempunyai masalah untuk melaksanakan projek tersebut secara bersama.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Dato' Haji Amihamzah bin Ahmad:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini spesifik sangat tetapi jambatan itu ia bersambung betul-betul pada *border* kita. Macam mana? *Is it really at the boarder*, sebab kalau ia bersambung di situ, *maybe* Singapura boleh *on technical side*, kata apa-apa. Kalau ia sebelah kita, *then* kita sambung, *I think is* tidak ada berkaitan dengan dia. So, macam mana dia *spec* jambatan itu. Saya tengok *design* ia *exactly at the border*.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan, perkara ini telah pun kita siarkan di dalam akhbar, bagaimana ia menyambung tetapi kita tidak punya sambungannya adalah di peringkat *the maritime international border*, dia pergi situ lepas itu kita masuk ke bahagian Singapura. Jadi, dengan itu ia adalah di sebelah Malaysia tanpa menjejaskan kedudukan di Singapura... [Tepuk] Sebab itu kita lakukannya.

Maka dengan itu, saya harap kalau Yang Berhormat hendak, saya akan hantar gambar, macam mana kita buat. Terima kasih Yang Berhormat bagi Kuala Lipis.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan berkenaan dengan .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bagan.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya fikir oleh kerana masa, saya ingin teruskan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Cukuplah, Yang Berhormat bagi Bagan.

**Tuan Lim Hock Seng:** Banyak masa.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Masa hendak beri atau tidak bergantung kepada saya... [Ketawa] Okey. Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Kedah dan Yang Berhormat bagi Kemaman terhadap soal Malaysia sebagai Pengerusi Pertubuhan Negara-negara Berkecuali dan juga berkenaan semasa persidangan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC). Ingin saya jelaskan Malaysia sebagai pengerusi baru Pertubuhan Negara-negara Berkecuali, sememangnya amat menitik beratkan kemajuan bidang teknologi di kalangan negara anggotanya kerana ini yang disarankan oleh Yang Berhormat bagi Kuala kedah supaya kita memberikan tumpuan kepada bidang teknologi.

Sebenarnya pada sidang kemuncak NAM ke XIII pada bulan Februari lalu, satu deklarasi yang dinamakan Deklarasi Kuala Lumpur mengenai penyuburan semula NAM telah dibuat. Di antara isu utama adalah berhubung dengan kesedaran anggota-anggota NAM akan kepentingan kemajuan dalam bidang teknologi bagi merapatkan jurang digital antara negara membangun dengan negara-negara maju. Anggota-anggota Pertubuhan NAM turut bersetuju bahawa bagi mengatasi masalah jurang digital dan ancaman globalisasi, teknologi terkini haruslah senang diperolehi dan digunakan sepenuhnya bagi mempertingkatkan dan membangunkan semula ekonomi negara-negara membangun.

Satu lagi usaha yang telah dikenal pasti untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan memperkukuh kerjasama di antara Negara Selatan-Selatan terutamanya dari segi bidang ekonomi, saintifik dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, sokongan semua pihak terutama dalam usaha menyemarakkan bidang teknologi amat dihargai dan Malaysia selaku Pengerusi NAM dan memimpin negara-negara membangun, akan bersama-sama untuk bekerja keras bagi mencapai matlamat kemajuan seperti yang dikehendaki.

Tuan Yang di-Pertua, Malaysia memang menyedari bidang teknologi amat penting dan perlu kita terokai bersama-sama di antara negara-negara Islam juga. Oleh itu semasa Persidangan Negara-negara Islam telah diadakan satu persidangan di antara menteri-menteri sains dan teknologi dan pakar-pakar dalam bidang sains dan teknologi dan Malaysia sendiri bergerak aktif di dalam Jawatankuasa OIC di bidang sains dan teknologi yang dipanggil COMSTECH, bagi menyemarakkan bidang ini di kalangan anggota ahli OIC.

Usaha Malaysia menganjurkan sidang pertama mengenai Sains dan Teknologi pada 7 hingga 10 Oktober telah membolehkan kita untuk membincangkan peranan Sains dan Teknologi di sesi pencambahan minda Mesyuarat Persediaan Menteri-Menteri Luar pada 13 dan 14 Oktober 2003 bagi menunjukkan kesungguhan kita untuk menjalin rangkaian dan kerjasama yang kukuh dalam bidang Sains dan Teknologi.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** [Bangun]

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Yang Berhormat bagi Kuala Kedah kerana menyokong dasar dan usaha kerajaan ke arah kerjasama bagi memajukan bidang sains dan teknologi di kalangan negara-negara Islam.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri Luar. Kita telah pun menjadi Pengerusi dalam sidang OIC – Persidangan Negara-negara Islam Yang Kesepuluh pada Oktober yang lalu. Sebagai pertanyaan, saya difahamkan ada beberapa negara melobi untuk menjadi Setiausaha OIC ini sedangkan kita Pengerusinya dan di antara negara-negara yang ingin menjawat jawatan Setiausaha OIC ini ialah negara kita.

Negara kita dikatakan ada empat tokoh untuk dicalonkan sebagai Setiausaha OIC. Di antara calon itu ialah Yang Berhormat Menteri sendiri. Bagaimana keadaan? *[Ketawa]* Bagaimana dia punya keputusan dan bagaimana? Kalau dapat pandangan sedikit. Saya memang menyokong kalau Yang Berhormat Menteri sendiri menjadi Setiausaha OIC.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Terima kasih Yang Berhormat kerana hendak menghantar saya luar. Di atas ingatan Yang Berhormat, saya fikir baik juga saya jelaskan berkenaan dengan perkara ini. Selalunya di dalam prosedur mana-mana pertubuhan multilateral antarabangsa, tidak boleh kita letak tiga atau empat calon, sesebuah negara hanya mengemukakan satu sahaja calon kalau kita ada.

Malaysia telah membuat keputusan supaya kita calonkan Tan Sri Hashmi Agam bekas Wakil Tetap kita di New York yang mempunyai pengalaman yang amat dalam sekali dalam bidang multilateral dan untuk memberikan nafas baru kepada Pertubuhan Persidangan Islam. Oleh kerana kita melihat di dalam mesyuarat pada kali ini ada banyak minat dan keyakinan kepercayaan terhadap kemampuan dan kebolehan Malaysia untuk menghidup dan menyuburkan semula Pertubuhan Negara-Negara Islam.

Jadi, dengan itu kalau kita hendak berbuat demikian maka penting bagi kita mempunyai seorang Setiausaha Agung daripada Malaysia yang dapat bekerjasama rapat dengan Malaysia. Tetapi ada negara-negara lain yang berminat iaitu Bangladesh dan juga Turki. Biasanya apa yang akan kita lakukan kerana pemilihannya akan dilakukan pada tahun 2004, tahun depan, buat peringkat ini kita akan melobi sahaja dahulu dan kita melihat peluang dan minat orang terhadap calon kita dan kalau peluang kita elok maka kita akan teruskannya dari segi sokongan.

Dari percakapan awal saya dengan beberapa buah negara, nampak sokongannya baik tetapi akhirnya ada kepentingan-kepentingan lain yang perlu kita rumuskan sebelum kita boleh membuat keputusan muktamad, tetapi untuk Malaysia ia adalah Tan Sri Hashmi Agam sebagai calon kita. Insha-Allah, saya tak akan pergi sebagai Setiausaha Agung OIC.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin balik kepada persoalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman yang bertanyakan berkenaan ucapan Yang Berhormat bagi Kubang Pasu mengenai kutukan yang sepatutnya ditujukan ke atas rejim Zionis dan bukan bangsa Yahudi. Pendirian kita adalah kita bermaksudkan apa perspektif yang telah diambil oleh bekas Perdana Menteri kita adalah perspektif sejarah dan kebenarannya adalah jelas sekali bahawa sebenarnya kaum Yahudi, sama ada Zionis atau pun negara Israel, sebenarnya menguasai dunia.

Oleh kerana mereka menguasai dunialah maka di banyak persidangan-persidangan Majlis Keselamatan ataupun usul-usul yang menentang kedudukan Israel atau keganasan dan kezaliman yang dilakukan oleh Israel tidak perlu diambil tindakan oleh Israel dan di dalam soal Palestin dan dalam soal-soal lain dan oleh kerana *holocaust* itu terjadi, memang kita berasa itu adalah satu kezaliman yang amat dahsyat dan ia telah dilakukan oleh orang Eropah dan akhirnya rakyat Palestin terpaksa membayar dengan tanahnya sendiri dan negaranya sendiri diambil.

Jadi, apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat bekas Perdana Menteri kita bukanlah sesuatu yang palsu atau jauh dari kebenaran tetapi tidak disenangi dan tidak disukai oleh kumpulan-kumpulan tertentu oleh kerana kuasa lobi kumpulan daripada Israel adalah amat kuat. Oleh itu mereka telah menyalahafsirkan ucapan beliau yang sebenarnya mengkritik dan melihat secara terperinci berkenaan kedudukan negara-negara Islam dan kedudukan himpitan yang berlaku terhadap umat Islam dan kehinaan yang kita rasai.

Seharusnya ucapan itu menjadi pemangkin untuk umat Islam bangkit dan dia hanya memperkatakan Israel daripada suatu keadaan di mana mereka dizalimi dan mereka tidak diberikan tempat

dalam dunia. Akhirnya pada hari ini mereka mempunyai tempat yang utama dan menguasai dunia dengan pelbagai kedudukan yang membolehkan mereka menjadi golongan yang berpengaruh sekali. Itulah maksud ucapan yang diberikan oleh Yang Berhormat bekas Perdana Menteri kita.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya tertarik juga dengan ucapan Yang Amat Berbahagia bekas Perdana Menteri kita itu. Setahun yang lalu lebih kurang Yang Amat Berbahagia bekas Perdana Menteri mengutuk bangsa Eropah dan ekoran daripada itu dipersetujui supaya suatu institusi untuk mengkaji tentang dunia Eropah ataupun dengan izin *Occidental Studies* diwujudkan dan saya fikir di UKM hari ini sudah terwujud Institusi Kajian *Occident*. Adakah ekoran daripada ucapan Yang Amat Berbahagia bekas Perdana Menteri bercadang untuk mewujudkan satu lagi institusi kajian tentang bangsa Yahudi atau pun memasukkan sahaja kajian itu dalam Institusi *Occident* yang sudah ada di UKM ini.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, kita tidak bercadang untuk mewujudkan satu institusi khas berkenaan perkara itu oleh kerana perkara ini sentiasa menjadi bahan kajian dan banyak makalahnya dan kita boleh membaca dari segi sudutnya, peranan dan kedudukan utama yang dimainkan oleh kaum pihak Zionis dan negara Israel sendiri di dalam menguasai dan menentukan kepentingan mereka sentiasa diletakkan di peringkat yang teratas sekali di dalam perhubungan antarabangsa yang dilaksanakan oleh negara-negara Barat.

Ini adalah satu teguran bagi kita mengimbas kedudukan umat Islam dan untuk umat Islam bergerak dalam keadaan yang lebih memuaskan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya harap ia tidak diambil di luar daripada konteks sebenarnya yang diperkatakan dan diharapkan ianya difaham dengan jelas sekali.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selain daripada ucapan yang dianggap berani, saya tidak nampak bahawa sidang OIC baru-baru mengeluarkan satu tindakan yang konkrit bagi penyelesaian masalah umat Islam di Palestin dan juga di Iraq. Bahkan Deklarasi 14 Perkara sidang OIC lebih banyak menekankan perkara-perkara kajian seakan-akan OIC sudah bertukar menjadi badan akademik semata-mata.

Saya fikir Deklarasi ini lebih sesuai diputuskan hanya di peringkat Menteri, tidak perlu dibawa kepada Sidang Kemuncak untuk memutuskan perkara-perkara akademik. Yang saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan ialah arah tuju politik bagi OIC selama mana kita menjadi Pengerusi untuk tiga tahun yang akan datang.

**Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar:** Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya mengikut laporan yang kita dapat dan mengikut komen-komen daripada negara-negara yang mengambil bahagian, ini satu-satunya sidang OIC yang amat berjaya dan berkesan oleh kerana kita dapat berbincang dengan cara terbuka berkenaan kelemahan kita. Kalau kita kaji deklarasi yang dibuat, Deklarasi Putrajaya, ia bukan satu perkara yang akademik. Ia mengandungi beberapa perkara unsur yang melibatkan kelemahan ataupun perkara-perkara tindakan yang perlu kita ambil.

Di peringkat utama, kita menyatakan kedudukan OIC dan di peringkat kedua, kita mengatakan pelan tindakan yang perlu diambil bagi kita mengatasi kelemahan itu. Untuk meningkatkan kerjasama dalam bidang sains dan teknologi bukan satu perkara yang akademik. Ianya adalah keperluan negara-negara membangun. Begitu juga kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan kewangan adalah satu kenyataan yang perlu dilakukan. Soal-soal yang mempunyai bukan sahaja dari segi teori tetapi perkara yang boleh diambil tindakannya. Jadi pada saya memang keputusan deklarasi itu dibuat di peringkat Menteri dan selepas itu untuk mendapatkan kedudukan yang kuat dan kukuh, sokongan politik yang kukuh, ia dibawa untuk dipersetujui di peringkat sidang kemuncak.

Alhamdulillah sidang kemuncak bersetuju dan tujuan kita adalah untuk mengadakan perhubungan yang lebih erat dan rapat dan melihat kepada perkara-perkara yang telah kita catatkan supaya hasrat dan niat OIC untuk menjadi satu badan yang tidak terpinggir dan diambil kira akan menjadi realiti. Berkenaan dengan Palestin dan isu-isu seperti Syria, kita ada usul-usul yang berasingan dan usul-usul ini telah mengambil kira kedudukan yang sedang berlaku di Palestin dan kerana ada pandangan daripada masyarakat Islam dan pertubuhan dunia Islam, maka *sponsor* Israel yang terkuat iaitu Amerika Syarikat mengambil kira pandangan kita.

Sebenarnya saya sendiri pun ada bercakap dengan Setiausaha Kerajaan Amerika Syarikat untuk memperkatakan berkenaan kedudukan kita sebagai Pengerusi OIC dan kita akan menjalin kerjasama dan rangkaian dengan negara-negara di luar OIC bagi mencapai tujuan, hasrat dan matlamat negara-negara OIC. Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang boleh kita perkatkan tetapi biarlah kita melihat secara positif terhadap apa yang telah dilakukan dan diiktiraf oleh negara-negara lain sebagai satu kejayaan.

Yang Berhormat bagi Kemaman juga mendakwa bahawa neo-colonialism adalah rekaan semata-mata. Itu saya fikir bukan perkara yang luar biasa yang sering diperkatakan oleh Yang Berhormat bagi Kemaman. Dia selalu membangkitkan perkara-perkara yang dia sendiri tidak mempunyai bukti yang jelas ataupun kenyataan untuk menyokong hujah-hujahnya. Apa-apa yang penting ialah Malaysia bukan sebuah negara yang menentang globalisasi. Kita menyokong globalisasi tetapi kita hendak ia mempunyai wajah kemanusiaan dan juga memberi faedah kepada negara-negara membangun.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuba menyentuh perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan mungkin ada perkara-perkara yang telah saya gagal atau saya tidak dapat sentuh di dalam penggugungan ini tetapi kita telah mengambil catatan. Jadi saya mengucapkan sekali lagi terima kasih. *[Tepuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kementerian Kesihatan. Timbalan Menteri, sila.

**3.13 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dato' Seri Dr. Suleiman bin Mohamed]:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan beberapa perkara dalam perbahasan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang berkaitan dengan Kementerian Kesihatan. Ahli Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara telah mengemukakan agar diadakan skim khusus bagi warga tua atau "warga emas" dan kos perubatan yang meningkat dan syarikat insurans telah mengenakan syarat-syarat ketat serta premium tambahan kerana memberikan perlindungan insurans dan khidmat kesihatan yang lebih baik khasnya kepada warga emas.

Cadangan skim kesihatan dan insentif seperti yang dikemukakan itu diambil maklum dan diteliti terutama yang melibatkan insurans kesihatan dan kos rawatan warga emas seperti yang dicadangkan. Pada masa ini skim insurans kesihatan atau *health care financing* sedang diteliti secara mendalam oleh kerajaan bagi memberikan perkhidmatan yang sempurna dan lengkap kepada semua peringkat penduduk dan rakyat negara ini.

Yang Berhormat bagi Selangau mencadangkan supaya segera diadakan universiti perubatan khusus dan juga bertanya mengenai berapa banyakkah projek-projek klinik desa, klinik kesihatan di luar bandar dan di kawasan pedalaman. Berkaitan dengan universiti perubatan khusus ini, keperluan membina universiti tersebut tidak mendesak kerana Fakulti Perubatan telah ada di universiti-universiti tempatan seperti Universiti Malaya, UNIMAS, UKM dan lain-lain dan bilangan pelajar perubatan ditambah dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan negara.

Projek-projek klinik di luar bandar memang menjadi keutamaan Kementerian Kesihatan dalam Rancangan Malaysia Kelapan dengan meluluskan 876 projek klinik di luar bandar melibatkan peruntukan awal sebanyak RM661 juta. Peruntukan ini akan ditambah lagi dalam tahun 2004 dan 2005 berdasarkan keperluan pada tahun-tahun tersebut. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih sekali lagi dan sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi [ Dr. Robia binti Dato' Kosai]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Setiausaha Parlimen, sila.

**3.16 ptg.**

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Setiausaha Parlimen yang jawab *[Ketawa]*. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan yang telah menyentuh beberapa perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi.

Ahli Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah menimbulkan isu mengenai penyenaian FELDA di BSKL. Untuk maklumat Yang Berhormat, penyenaian FELDA di Bursa Saham Kuala Lumpur akan dilaksanakan dengan teliti dan mengambil kira semua kepentingan pihak-pihak yang terlibat. Penyenaian ini juga tidak melibatkan kepentingan individu tetapi adalah untuk kepentingan negara. Peneroka FELDA tidak akan kehilangan apa-apa hak ke atas tanah milik mereka kerana mereka tidak terlibat dalam *exercise* ini tetapi mereka tetap diberi peluang untuk turut mendapat faedah daripada tindakan penyenaian melalui peluang memiliki saham yang akan diapungkan.

Secara langsung, mereka akan menjadi sebagai pemilik entiti melalui pegangan saham individu yang akan ditawarkan kepada seramai 111,895 orang peneroka di 303 Rancangan FELDA di seluruh negara. Secara tidak langsung pula....

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebagaimana yang kita dengar, Yang Berhormat bagi Pokok Sena merasakan kebimbangan tentang takut-takut penyenaian FELDA ini akan menyerupai penyenaian BERNAS dahulu yang mana akhirnya yang untung ialah pihak-pihak tertentu yang terlibat dalam parti politik tertentu dan yang masih menanggung kerugiannya ialah rakyat termasuklah petani padi itu sendiri.

Dalam kes FELDA, kebimbangannya tidak dapat kita nafikan akan berulangnya perkara yang sama tetapi sebentar tadi Yang Berhormat menyatakan bahawa, saya fikir 111,895 anggota ataupun peneroka FELDA itu akan mendapat saham mereka, bermakna mereka akan kekal menjadi tuan punya syarikat ini melalui saham-saham mereka. Adakah Kementerian bercadang untuk mengenakan syarat moratorium dari segi kemampuan peneroka ini untuk menjual saham-saham mereka supaya akhirnya apabila disenaraikan dan andai kata dalam kes suasana harga minyak kelapa sawit sedang tinggi sekarang ini, nilai saham naik dan kalau tidak dikenakan syarat moratorium mereka ini mungkin terus menjualnya untuk mendapat keuntungan segera. Adakah Kementerian bercadang untuk memikirkan perkara-perkara ini dan tidak membenarkan hasil kerja mereka itu terbang begitu sahaja untuk mencari keuntungan yang segera? Terima kasih.

**Dr. Robia binti Dato' Kosai:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya belum habis lagi *[Ketawa]*. Saya hendak menjawab dahulu. Oleh sebab itu nanti, akan disentuh.

Jadi secara tidak langsung peneroka juga akan mendapat faedah daripada penyenaian ini melalui saham mereka di Koperasi Permodalan FELDA (KFAF) yang akan memegang sebahagian besar saham FELDA Holdings Sdn Bhd yang akan disenaraikan di BSKL.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan masih mengawal FELDA walaupun selepas diapungkan ke BSKL bagi mengelak ekuiti bumiputera terjejas berikutan tindakan peneroka yang ingin meraih keuntungan cepat, dengan menjual saham yang diperuntukkan tanpa mematuhi syarat-syarat yang dikenakan apabila FELDA Holdings Sdn. Bhd. disenaraikan di BSKL. Penyenaian FELDA di BSKL hanyalah melibatkan bahagian perladangan, perusahaan dan juga perniagaan FELDA yang berada di bawah FELDA Holdings Sdn. Bhd sahaja.

FELDA masih lagi sebagai badan berkanun, iaitu agensi kerajaan di bawah Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi yang akan terus memainkan peranannya menguruskan peneroka, dan tanah-tanah peneroka yang telah dan akan menerima hak milik termasuk segala program pembangunan serta aktiviti pembangunan masyarakat yang akan sentiasa diberi keutamaan. Untuk maklumat Yang Berhormat lagi ladang atau kebun milik peneroka akan tetap dimiliki oleh peneroka dan hak milik akan diberikan kepada peneroka setelah mereka menjelaskan hutang dan bayaran kembali masing-masing.

Untuk maklumat Yang Berhormat bagi Tumpat, kami masih lagi dalam menyediakan penyenaian ini. Jadi, belum lagi muktamad bagaimana syer-syer itu akan diagihkan. Jadi, yang penting dengan penyenaian FELDA di BSKL ini kepentingan peneroka dan hak milik mereka tidak akan terjejas.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Tebrau pula telah membangkitkan mengenai isu penggunaan tanah supaya tidak menjejaskan penggunaan untuk sektor pertanian. Untuk maklumat Yang Berhormat berkenaan, penentuan penggunaan tanah dalam sesebuah negeri adalah tertakluk kepada perancangan dan kelulusan pihak berkuasa negeri masing-masing. Dalam hal pembangunan pula pihak berkuasa negeri sentiasa membuat perancangan dan memberi pertimbangan yang dapat mendatangkan faedah sebanyak mungkin kepada negeri yang berkenaan, serta seadil mungkin kepada semua golongan rakyat sama ada pihak swasta ataupun rakyat biasa.

Oleh yang demikian terdapat pihak berkuasa negeri yang memberi milik tanah untuk kegunaan pertanian, di samping itu meluluskan juga tanah-tanah untuk bangunan perumahan dan industri mengikut kesesuaian tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya di sini sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dengan memberi pandangan-pandangan yang menyentuh bidang kuasa kementerian ini. Segala pandangan dan teguran akan diperhalusi dan diambil tindakan sewajarnya. Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

### 3.23 ptg.

**Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman]:** Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh mengenai fungsi dan tanggungjawab Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat semasa membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah menyentuh kurangnya koordinasi di antara kementerian, jabatan-jabatan kerajaan dalam membina kemudahan sosial dan melaksanakan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan. Akibatnya berlaku pembaziran di mana kemudahan-kemudahan sosial yang dibina itu terbiar dan tidak digunakan secara optimum. Yang Berhormat menerangkan supaya dicontohi model pembangunan sosial bersepadu melalui pewujudan pusat-pusat komuniti seperti mana yang diamalkan oleh setengah-setengah negara luar.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat aktiviti-aktiviti kemasyarakatan yang dilaksanakan oleh kementerian saya melalui rukun tetangga diadakan bukan sahaja di pusat-pusat rukun tetangga, tetapi juga dengan menggunakan kemudahan-kemudahan sosial yang lain seperti balai raya dan dewan orang ramai. Malah kelas-kelas tabika perpaduan juga ada yang beroperasi di dewan orang ramai dan juga surau seperti mana yang kita lihat daripada 1,296 buah kelas tabika perpaduan, 656 kelas atau 51% ditempatkan di balai raya, dewan orang ramai, pusat khidmat masyarakat dan *quarters* kerajaan.

Cadangan Yang Berhormat supaya diwujudkan model pembangunan sosial bersepadu sememangnya dialu-alukan. Sebenarnya perkara ini telah pun diberi perhatian oleh kerajaan di bawah pelaksanaan Dasar Sosial Negara yang memberi penekanan kepada pelaksanaan program-program pembangunan sosial yang bersepadu di antara agensi dan di antara sektor...

**Datuk Kamaruddin bin Jaffar:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Menteri, Tumpat.

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Saya habiskan dahulu. ... di semua peringkat iaitu dari peringkat Persekutuan, negeri, daerah dan akar umbi. Ha! ini boleh.

**Datuk Kamaruddin bin Jaffar:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tentang Dasar Sosial Negara. Kita tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru dalam syair atau sajaknya mengatakan beliau mencari Ibnu Khaldun, beliau mencari As-Shafie dan sebagainya.

**Seorang Ahli:** Al-Ghazali.

**Datuk Kamaruddin bin Jaffar:** Al-Ghazali, dan ini adalah suatu pencarian dan matlamat-matlamat yang saya fikir mulia dan penting. Adakah kementerian bercadang untuk merancang program-program tertentu untuk benar-benar mewujudkan suasana masyarakat yang benar-benar mencari tokoh-tokoh model-model tinggi kita ini dengan izin, *role model* kita ini yang disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Yang Berhormat sebenarnya dengan pelancaran Dasar Sosial Negara yang dilakukan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, itu menandakan bahawa kita telah sampai ke tahap di mana kita sedar bahawa kemajuan fizikal semata-mata tidak membawa makna, kalau kita tidak setarakan dengan pencapaian rohaniah. Jadi, Dasar Sosial Negara merupakan *landmark* pencapaian, agenda sosial di mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kerap mengatakan bahawa cabaran kita pada masa ini ialah untuk menyaingi *world-class infrastructure*

*development*, dengan izin dengan *world-class mental development*. Jadi, saya harap ini yang boleh kita lakukan. [Tepuk]

Saya teruskan. Pelaksanaan Dasar Sosial Negara juga memberi penekanan kepada penggunaan kepada kemudahan-kemudahan sosial secara bersama. Bagi maksud ini pusat-pusat rujukan sosial akan diwujudkan di peringkat akar umbi. Pusat-pusat ini akan menggunakan premis pusat-pusat kemudahan sosial yang sedia ada di bawah pelbagai agensi kerajaan. Buat permulaan sebanyak 50 buah pusat rujukan sosial akan dimulakan perkhidmatannya menggunakan kemudahan yang sedia ada khususnya di kawasan-kawasan berisiko tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam telah membangkitkan dua perkara yang menyentuh Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Pertama beliau meminta penjelasan berhubung dengan Kementerian yang bertanggungjawab terhadap pusat jagaan kanak-kanak. Perkara kedua ialah mengenai tindakan-tindakan yang diambil ke atas cadangan NGO supaya Akta Keganasan Rumah Tangga 1994 dipinda.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Kementerian saya bertanggungjawab memantau dan mengawas pengendalian pusat jagaan kanak-kanak yang berumur empat tahun ke bawah, yang juga dikenali sebagai Taman Asuhan kanak-kanak atau ringkasnya TASKA. TASKA menyediakan khidmat asuhan kanak-kanak semasa ibu bapa mereka keluar bekerja. Pemantauan dan pengawasan ke atas TASKA dibuat berpandukan peruntukan-peruntukan dan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta Taman Asuhan Kanak-kanak 1984.

Akta tersebut telah digubal bagi menjamin mutu asuhan kanak-kanak di TASKA memenuhi syarat-syarat minimum yang ditetapkan. Secara amnya khidmat asuhan kanak-kanak disediakan oleh pengusaha-pengusaha TASKA persendirian. Jiran tetangga serta suri rumah yang tidak bekerja, majikan sektor swasta, majikan sektor ladang dan NGO seperti jiran wanita di bawah rukun tetangga dan badan-badan keagamaan. Selain itu jabatan-jabatan kerajaan juga menyediakan khidmat asuhan ini untuk kakitangannya yang dikendalikan oleh kelab-kelab kebajikan dan sukan serta Pusanita.

Kerajaan juga turut menyediakan khidmat asuhan kanak-kanak yang dikendalikan oleh KEMAS. Tuan Yang di-Pertua, selain TASKA Kementerian saya juga bertanggungjawab mengawas dan memantau pengendalian pusat-pusat jagaan kanak-kanak yang memberi khidmat jagaan, perlindungan, pengawasan dan pemuliharaan kepada kanak-kanak. Pusat ini boleh berbentuk pusat jagaan harian dan pusat jagaan berkediaman. Contoh pusat jagaan bagi kanak-kanak ialah rumah anak-anak yatim dan rumah kanak-kanak terdampar. Pemantauan dan pengawasan ke atas pusat-pusat jagaan kanak-kanak ini dibuat berpandukan kepada peruntukan-peruntukan dan kuasa-kuasa yang diberi di bawah Akta Pusat Jagaan 1993.

Setakat ini terdapat 64 buah pusat jagaan kanak-kanak yang ditadbirkan oleh pihak swasta dan 21 yang ditadbirkan oleh NGO yang berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan cadangan pindaan Akta Keganasan Rumah Tangga 1994, Kementerian saya telah meneliti....

**Puan Chong Eng:** [Bangun].

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, ada satu yang dilaporkan dalam *The Star*, 8 Februari 2000, ini yang dilaporkan, saya baca supaya Yang Berhormat, nanti boleh jelaskan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Muhamad bin Abdullah) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Dengan izin, *day care nursery for young children will be a compulsory features at the workplace for the private and public sectors. National Unity and Social Development Ministry, Dr. Siti Zaharah Sulaiman said, "The decision to make crèche mandatory following the death of two brothers, Mohamad Nasrul Mohd Nizam 4, Mohamad Yassir 2, who were burnt in their locked home in Kuala Perlis on Thursday when their parents were away at work. She said, her ministry was now studying the necessary amendment to the Crèche Act 1984 to make it mandatory for crèche in workplace." She said "A study on that amendment was being conducted by her ministry, the women association and non-government organization"*

Jadi ini apakah penjelasannya, *what happen to the studies, what happen to what you said?*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya.



**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Perkara itu masih lagi dan sedang kita belum *finalize* lagi, kita sedang membuat carian-carian tersebut tetapi saya rasa laporan itu ada sedikit tidak begitu tepat, belum lagi kita membuat mandatori kerana berasaskan kepada satu jawatankuasa yang telah diwujudkan antara kementerian dengan pihak-pihak majikan belum membolehkan. *This was done*, ini telah dibuat tidak berapa lama dahulu, tidak membolehkan kita menjadikan ia mandatori memandangkan bahawa ada beberapa masalah yang dihadapi oleh majikan-majikan kerana tidak mempunyai keupayaan untuk menjadikan pengendalian taska itu satu perkara yang boleh diteruskan disebabkan oleh pekerja yang mungkin tidak selalunya mempunyai anak-anak kecil dan sebagainya. Dan juga disebabkan oleh masalah *locality* tempat kerja, jadi kementerian sedang *finalize* kajian ini untuk membolehkan kita membuat satu keputusan. Jadi buat masa ini belum lagi kita membuat sebarang keputusan lagi kalau Yang Berhormat boleh tunggu tidak berapa lama lagi kita akan membuat *announcement* dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, boleh saya teruskan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sila.

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Didapati sebahagian besar cadangan-cadangan yang diutarakan itu bukanlah semata-mata kerana kelemahan akta tetapi disebabkan ketidakseragaman amalan antara agensi-agensi penguat kuasa yang berkaitan. Ketidakseragaman amalan ini meliputi antara lainnya mengenai tempoh pengeluaran perintah perlindungan sementara, *interim protection order* dengan izin, oleh pihak polis pengeluaran waran tangkap oleh majistret dan keperluan untuk mendapatkan laporan daripada Pegawai Kebajikan Masyarakat sebelum majistret mengeluarkan perintah perlindungan dengan izin, *protection order*. Hanya terdapat dua cadangan yang dikemukakan oleh NGO itu yang melibatkan pindaan akta:

- (a) cadangan supaya diperluaskan takrif keganasan rumah tangga agar meliputi aspek penderaan mental, psikologi dan emosi; dan
- (b) memperluaskan skop perlindungan di bawah Akta Keganasan Rumah Tangga kepada kesalahan-kesalahan selain daripada kesalahan-kesalahan yang diperuntukkan di bawah Kanun Keseksaan.

Bagi maksud ini, cadangan-cadangan tersebut sedang dikaji dari semua sudut termasuk aspek penguatkuasaan sebelum pindaan kepada akta dibuat.

Tuan Yang di-Pertua bagi menangani isu penyelarasan, kementerian saya melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat telah pun mewujudkan mekanisme penyelarasan melalui mesyuarat penyelarasan antara agensi mengenai pelaksanaan Akta Keganasan Rumah Tangga semenjak tahun 1997 lagi. Mesyuarat ini dianggotai oleh pelbagai pihak seperti pihak polis, mahkamah, Jabatan Peguam Negara, JAKIM, Kementerian Kesihatan dan juga pihak NGO. Bagi memperbaiki aspek pentadbiran dan penyelarasan ini, kementerian saya telah mengenal pasti tindakan-tindakan berikut untuk dilaksanakan iaitu:

- (a) memperkukuh tatacara pentadbiran dalaman antara agensi-agensi kerajaan di pelbagai peringkat melalui pengeluaran garis panduan, carta aliran kerja yang lebih jelas; dan
- (b) mengadakan latihan secara berterusan kepada pegawai kaunseling, pegawai polis, pegawai mahkamah, pegawai pendakwa, pegawai hospital dan sebagainya .

Tuan Yang di-Pertua, akhir kata saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Puan Chong Eng:** [Bangun dan ingin menyoal]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya ada sekali lagi hendak bagi?

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Masa sudah tidak mengizinkan,

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** ..lain-lain kementerian pun hendak menjawab

**Puan Chong Eng:** Dia jarang-jarang datang sini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Yang Berhormat ya.

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Jarang-jarang datang...okey!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Oh! Jarang-jarang bagi pula ya?

**Puan Chong Eng:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya rasa kepada ramai wanita di luar sana Kementerian Yang Berhormat adalah sangat penting, ada beberapa akta adalah di bawah Kementerian Yang Berhormat. Akta Keganasan adalah satu di antaranya, jadi memorandum yang dihantar oleh NGO pun sudah beberapa tahun, kalau saya tidak silap lebih kurang 5 tahun sudah lepas. Tidak akan dia ambil masa yang begitu panjang untuk mengkaji dan sementara waktu itu ramai mangsa yang menghadapi kesusahan.

Jadi saya ingin tanya, adakah Kementerian Yang Berhormat juga mencadangkan bahawa pihak polis menyediakan satu unit khas untuk mengendalikan semua kes keganasan rumah tangga ini kerana saya rasa pihak polis mereka kurang kaki tangan yang memahami dinamik kes-kes seperti ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Dan juga ada satu lagi untuk mengambil kesempatan ini kerana Yang Berhormat jarang datang ya, adakah Kementerian Yang Berhormat ...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak kira itu Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** ...sedia untuk memperjuangkan isu pusat jagaan kanak-kanak ini kerana dalam Rancangan Malaysia Keenam dan juga dalam MAPEN II, cadangannya ialah untuk membebaskan wanita dari kerja-kerja seperti menjaga anak barulah wanita dapat bekerja di luar dan untuk meningkatkan status wanita dalam masyarakat dan ekonomi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Cukuplah Yang Berhormat, panjang sudah itu.

**Puan Chong Eng:** Jadi adakah ini satu hasrat...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Bukit Mertajam!

**Puan Chong Eng:** kerja Yang Berhormat sudi lakukan? Sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, cukup.

**Dato' Seri Dr. Siti Zaharah binti Sulaiman:** Saya jarang datang sebab saya sibuk membuat kajian dan cuba mempercepatkan semua tindakan-tindakan Yang Berhormat katakan. Jadi saya ingin memberi jaminan bahawa Kementerian saya akan segera menyelesaikan banyak perkara-perkara yang menyentuh tindakan-tindakan kita. Tentang cadangan yang telah dibawa, 5 tahun itu saya tidak pastilah tetapi yang saya tahu dalam *last* 1, 2 tahun. Itu pun kita akan mengadakan satu dialog dan sedikit masa lagi Yang Berhormat akan dengar apa tindakan Kementerian.

Akhir kata, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan ini, Segala kritikan serta cadangan yang membina akan sentiasa dipertimbangkan oleh Kementerian saya dan di mana yang sesuai tindakan sewajarnya diambil.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Kementerian Sumber Manusia.

**3.28 ptg.**

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat yang ....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak ada isu ya, maknanya yang tidak ada panggilan itu dia ada beritahu rasmi sebab itu dia tidak dapat hendak menjawab.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Ada tiga..

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, sila.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Ada tiga Ahli-ahli Yang Berhormat yang sempat membincangkan isu-isu mengenai Kementerian Sumber Manusia dalam perbahasan Kajian Semula Rancangan Malaysia Kelapan.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Masalahnya tidak boleh dengar Tuan Yang di-Pertua ya, tidak boleh dengar.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia baru *start* Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Ya baru masuk gear satu, Batang Lupar. Yang Berhormat bagi Gelang Patah, Yang Berhormat bagi Parit Sulung dan Yang Berhormat bagi Kemaman.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah telah membangkitkan isu bahawa Kementerian Sumber Manusia yang bertanggungjawab untuk mengendalikan latihan perindustrian melalui rangkaian institut latihan perindustrian tenaga manusia perlu ada koordinasi dengan Kementerian Belia dan Sukan yang mengadakan latihan kemahiran di Pusat Latihan Belia Negara dan juga Kementerian Pendidikan untuk membina Kolej Komuniti supaya tidak ada pertindihan yang ketara antara kumpulan sasaran dalam pembangunan sumber manusia dan menjadi lebih *cost effective*, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Sumber Manusia menerusi agensinya iaitu Majlis Latihan Vokasional Kebangsaan menubuhkan jawatankuasa tetap penyelarasan antara agensi-agensi latihan awam. Jawatankuasa ini dianggotai oleh Jabatan Pendidikan Vokasional dan Teknikal di bawah Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan juga Jabatan Tenaga Manusia di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Isu-isu yang berkaitan dibincangkan bersama agensi-agensi ini. Pada masa yang sama, Institut Latihan Perindustrian yang ditubuhkan di bawah Kementerian Sumber Manusia mengadakan latihan kemahiran yang khusus dalam bidang-bidang tertentu. Sebagai contoh, Institut Latihan Perindustrian di Jabatan Tenaga Manusia mempunyai penumpuan dalam bidang ICT dan juga pembuatan.

Seperti ini juga, agensi-agensi latihan awam yang lain mengadakan latihan perindustrian mengikut pengkhususan dalam bidang-bidang tertentu bagi memastikan tidak ada pertindihan yang ketara antara kumpulan sasaran dalam pembangunan sumber manusia.

Di samping itu, Institut Latihan Perindustrian di bawah kementerian ini, Institut Kemahiran Bina Negara di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan *community colleges* di bawah Kementerian Pendidikan dikoordinasikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Koordinasi ini dibuat melalui semakan perbelanjaan tahunan, manakala untuk jangka panjang melalui Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP) yang dibuat dalam masa lima tahun sekali. Koordinasi ini dibuat untuk mengelakkan pertindihan yang ketara antara kumpulan-kumpulan sasaran.

Di samping itu juga, Majlis Latihan Vokasional di bawah kementerian ini merupakan satu badan yang menyelaras latihan kemahiran berpandukan kepada National Occupational Skill Standards (NOSS), dengan izin, merupakan satu panduan yang diguna pakai untuk kursus-kursus berasaskan kemahiran. Melalui penggunaan NOSS, institusi-institusi ini dapat menyelaras pelaksanaan dan pelbagai kursus-kursus yang dijalankan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Parit Sulung mencadangkan supaya...

**Tuan Chang See Ten:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ada yang berdiri, Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Gelang Patah.

**Tuan Chang See Ten:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan daripada Yang Berhormat Datuk Timbalan Menteri. Bagaimanakah koordinasi dengan pihak kerajaan negeri seperti di negeri Johor melalui YPJ pun ada wujud kolej komuniti supaya melalui koordinasi antara kementerian-kementerian dan kerajaan negeri yang terlibat dalam latihan dan pendidikan pada mereka yang tamat sekolah di sekolah menengah dan ingin melanjutkan pelajaran? Memang ia satu usaha yang baik bahawa pihak kerajaan bagi peluang kepada mereka, tetapi apa yang saya cadangkan, kita mesti memastikan tiada pertindihan supaya kita tidak membazirkan wang rakyat. Sekian terima kasih..

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana saranan daripada Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Kalau ada mana-mana negeri yang berhasrat untuk menyediakan latihan, ini adalah *compliment* sebenarnya kepada latihan sedia ada yang telah dibuat oleh mana-mana agensi atau kementerian di peringkat Pusat. Kalau kita lihat dengan *cohort* mereka yang keluar sekolah lepasan SPM, institusi yang dikendalikan oleh Kerajaan Pusat melalui MARA, melalui IKM dan melalui Belia masih tidak boleh menampung.

Cadangan Yang Berhormat supaya kita mengkoordinasikan ini, jawatankuasa khusus koordinasi tidak ada. Tetapi kalau mereka hendak beroperasi, mereka perlu dapat kriteria-kriteria tertentu untuk menjadi penyelia latihan di bawah Skim MLVK, ia perlu ada standardnya. Begitu juga kalau kerajaan negeri hendak buat IPTS, ia perlu ada standard yang perlu dipatuhi di bawah Akta Pendidikan.

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri lagi, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan?

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Tidak bagi dah! Saya hendak habiskan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia hendak habiskan, Yang Berhormat. Sila, sila, sila.

**Puan Chong Eng:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Dia tidak bagi Yang Berhormat. Sila duduk!

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Semasa kementerian saya, dia tidak cakap pun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya, silakan. Kita pun ada banyak lagi ini, ada tujuh kementerian lagi ini. Hendak habiskan pukul 5.30 petang.

**Puan Chong Eng:** [*Menyampuk*]

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Saya tidak bagi! Duduklah! Ini floor saya!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terus, teruskan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** [*Bercakap tanpa pembesar suara*]

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Janganlah kurangkan pahala saya. [*Ketawa*] Yang Berhormat .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ya! Terus, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** ...bagi Parit Sulong mencadangkan supaya...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Sabar, Yang Berhormat.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** ...sektor swasta perlu mengambil lebih ramai kakitangan bumiputera, sementara masyarakat bukan bumiputera diseru lebih ramai berkhidmat dalam sektor awam. Cadangan ini memang amat baik dan kementerian memang mengalu-alukan cadangan tersebut.

Walau bagaimanapun, pengambilan pekerja di sektor awam adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi sektor swasta pula, Kementerian Sumber Manusia hanya boleh menggalakkan mereka mengambil lebih ramai kakitangan bumiputera dan majikan memainkan peranan yang lebih penting untuk menentukan pengambilan kakitangan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali Yang Berhormat bagi Kemaman telah mencadangkan supaya kementerian ini memperkenalkan gaji minimum. Buat masa ini, kementerian dan kerajaan tidak berhasrat untuk memperkenalkan gaji minimum. Walau bagaimanapun, kementerian telah pun memperkenalkan gaji minimum bagi jenis-jenis dan kategori jawatan yang telah dipersetujui di bawah *Wages Council* yang ditubuhkan mengikut *Wages Council Act 1947* yang melibatkan beberapa pekerjaan.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, terima kasih. Sekarang saya jemput ... Sebelum kementerian-kementerian menjawab, kita hendak habis pada pukul 5.30 petang, kita ada tujuh lagi kementerian.

**Beberapa Ahli:** [*Menyampuk*]

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, kalau boleh jawablah ya. Jadi, sekarang saya jemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Beberapa Ahli:** *[Menyampuk]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Apa Yang Berhormat? Jangan macam itu! Ngok ngek ngok ngek di bawah buat apa? *[Ketawa]* Saya jemput Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, 25 kementerian, jawab satu hari, itu menunjukkan berapa seriusnya Dewan ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak, ini sudah diperuntukkan, Yang Berhormat.

**Puan Chong Eng:** Perdana Menteri yang baru katakan, dia akan mementingkan...

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Duduk, Yang Berhormat!

**Puan Chong Eng:** ...Dewan ini!

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Tidak apalah. Ini sudah diputuskan, Yang Berhormat. Kita hanya ada satu hari untuk menteri menjawab.

**Puan Chong Eng:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Yang kedua, kebanyakannya kita ada sebut semasa membincangkan perbincangan bajet. Perkara itu banyak persamaan. Ya, sila Menteri Pembangunan Luar Bandar.

**3.48 ptg.**

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah memberi perhatian dan turut membincangkan perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pembangunan Luar Bandar di dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan.

Beberapa Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan isu penyampaian atau delivery system, dengan izin, untuk bekalan air, api dan jalan, khususnya di Sabah dan Sarawak. Semua rungutan Yang Berhormat telah saya ambil maklum, akan dikaji dan diambil tindakan sewajarnya. Sekarang pun kita sedang dalam tindakan kajian bagaimana hendak disampaikan segala program ini dengan lebih cepat.

Bagi bekalan air di Sabah, telah pun dibuat keputusan bahawa semua bekalan air keseluruhannya akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan, khususnya dari segi pembekalan air. Maka, apabila isu ini diselesaikan, maka penyampaian bekalan air di seluruh Sabah akan dapat dipertingkatkan. Bagi bekalan elektrik di Sabah dan Sarawak, akan dilaksanakan tetapi ianya mengikut kemampuan kewangan yang ada dan peruntukan yang dihulurkan kepada kementerian.

Yang Berhormat bagi Jeli telah membangkitkan isu bahawa GDW telah gagal. Saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat bahawa satu kajian keberkesanan Gerakan Desa Wawasan dalam konteks falsafah baru dan strategi pembangunan luar bandar oleh Universiti Putra Malaysia pada tahun 2001 telah menunjukkan Gerakan Desa Wawasan diterima oleh semua lapisan masyarakat dan telah berjaya meningkatkan pembangunan fizikal, tetapi belum dapat mencapai matlamat mendaya-upayakan komuniti.

Inilah sebabnya kerajaan telah mengubah pengertian Gerak Desa Wawasan kepada Gerak Daya Wawasan. Dijadikan Gerakan Daya Wawasan iaitu bertujuan untuk mendayakan masyarakat supaya mereka lebih berdaya saing, lebih berdaya dari segi kemanusiaan itu sendiri, berdaya dari segi ekonominya, berdaya dalam pasaran dan mampu menjadi warga yang menyertai arus ekonomi perdana.

Yang Berhormat dari Pokok Sena telah membangkitkan isu kemiskinan dan menyentuh mengenai jurang perbezaan antara kaum Cina, India dan Melayu. Sememangnya kita mengakui bahawa ada jurang perbezaannya antara kaum tetapi jurang perbezaan adalah sebenarnya perbezaan antara pendapatan bandar dan luar bandar. Walaupun dalam tahun 1970-an, di luar bandar dan keseluruhan negara, peratusan kemiskinan berada di tahap 50% dan pada hari ini, tahun 2002 tahap kemiskinan di seluruh negara adalah 5.1%, menurun begitu ketara, tetapi di luar bandar masih berada dalam lingkungan 11.4%. Bermakna kemiskinan di luar bandar lebih sedikit daripada dalam bandar. Walau bagaimanapun, usaha-usaha sedang dijalankan supaya jurang perbezaan ini tidak begitu melebar bahkan menguncup.

Ini sebenarnya merupakan satu cabaran yang besar bukan sahaja kepada rakyat bahkan kepada kerajaan untuk membolehkan komuniti luar bandar menyertai arus ekonomi perdana supaya ladang-ladang kecil dijadikan ladang-ladang berskala komersial dan menggunakan teknologi terkini dan barangan mereka dapat memasuki pasaran moden.

Itulah sahaja yang dapat saya rumuskan dari segi apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat sekalian. Apa sahaja yang lain, yang tidak dapat saya huraikan dan jawab pada petang ini, saya akan beri jawapan secara bertulis. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Sekarang saya jemput Kementerian Belia dan Sukan.

### 3.53 petang.

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Datuk Ong Tee Keat]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh Kementerian Belia dan Sukan.

Berhubung dengan kenyataan Yang Berhormat Gelang bagi Patah yang mengatakan bahawa terdapat beberapa projek atau program yang dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan dan juga kementerian-kementerian lain mempunyai kumpulan sasaran yang saling bertindih dan tidak *cost effective*, dengan izin, suka saya nyatakan di sini bahawa adalah kurang tepat kenyataan yang berkenaan. Untuk makluman Yang Berhormat, program-program Kementerian Belia dan Sukan menumpukan kepada kumpulan sasar yang terdiri daripada golongan belia dari pertubuhan-pertubuhan belia manakala kementerian yang lain mempunyai sasaran yang mencakupi masyarakat umum tanpa mengira umur dan jantina. Walau bagaimanapun, tidak dapat dinafikan bahawa mungkin terdapat aktiviti-aktiviti yang tertentu mempunyai ciri-ciri persamaan tetapi apa yang penting adalah kelompok sasaran yang ditunjukkan itu adalah berlainan.

Tuan Yang di-Pertua, di samping itu berhubung latihan kemahiran yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Gelang Patah. Penyelarasan di antara semua institusi atau Pusat Latihan Kemahiran Awam di bawah pelbagai kementerian sememangnya telah wujud pada masa ini. Penyelarasan ini dilakukan oleh pihak Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri yang merupakan agensi penyelaras dasar yang menentukan hala tuju program latihan kemahiran yang dilaksanakan oleh semua institusi atau Pusat Latihan Kemahiran Awam. Pelaksanaan semua program ini kemudiannya akan diselaras serta dikawal selia oleh Majlis Latihan Vokasional (MLVK) di bawah Kementerian Sumber Manusia.

Yang Berhormat bagi Gelang Patah juga turut membangkitkan isu yang berkaitan dengan gelanggang, kemudahan sukan, balai serba guna dan pusat komuniti yang dibina tetapi kononnya tidak digunakan sepenuhnya. Sekiranya kita meneliti masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, kemungkinan besar ia berkaitan dengan kemudahan dengan pengurusan sesuatu kemudahan itu. Kadangkala didapati sesuatu kemudahan itu disediakan. Setelah disediakan, ia kekurangan tenaga pengajar yang hendak memimpin sesuatu program. Walau bagaimanapun, kemudahan-kemudahan di kampung, bandar ataupun daerah kebanyakannya terletak di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan.

Untuk makluman Yang Berhormat bagi Gelang Patah, sebelum sesuatu projek itu dilaksanakan oleh Kementerian Belia dan Sukan, terlebih dahulu ianya akan dibuat kajian mengenai keperluan sesuatu kemudahan dengan mengambil kira kepadatan penduduk dan bilangan kemudahan yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya akhiri ucapan saya, sekali lagi saya ingin ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah memberi cadangan, pandangan dan teguran kepada Kementerian Belia dan Sukan. Segala cadangan, pandangan dan teguran yang diberikan itu akan tetap kementerian saya berikan perhatian yang sewajarnya bagi memantapkan lagi program-program pembangunan belia dan sukan secara keseluruhannya. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih, saya jemput Menteri yang membawa Usul.

### USUL

#### WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

### 3.57 ptg.

**Menteri Pembangunan Luar Bandar [Dato' Haji Azmi bin Khalid]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), mesyuarat Dewan pada hari ini ditangguhkan selepas sahaja Kementerian Pengangkutan selesai memberi jawapan mereka dan setelah itu mesyuarat hendaklah ditangguhkan ke esok hari.

**Datuk Ong Tee Keat:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang saya jemput Kementerian Pertanian.

**3.58 ptg.**

**Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bagi pihak Kementerian Pertanian ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang turut mengambil bahagian membahaskan isu-isu mengenai Kementerian Pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Pokok Sena telah menyentuh tentang latihan generasi muda dan isu mengenai industri padi dan beras. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Pertanian telah melaksanakan pelbagai kursus dan latihan di semua 970 projek-projek berkelompok padi.

Contoh-contoh kursus yang dilaksanakan adalah kursus peningkatan penghasilan padi mengikut manual padi 10 tan, kursus kawalan perosak dan penyakit padi.

Tanah-tanah petani kebanyakannya adalah bersaiz kecil. Bagi meningkatkan pengeluaran serta pengurusan projek yang efisien, kementerian melaksanakan dua kaedah iaitu melalui pendekatan mini estet dan projek kelompok. Pelaksanaan projek-projek mini estet dilaksanakan di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang manakala projek-projek kelompok dilaksanakan di bawah Jabatan Pertanian. Sehingga kini terdapat 970 projek-projek berkelompok dengan keluasan 96,900 hektar yang melibatkan 64,000 petani di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya, pengeluaran beras negara perlu memenuhi sekurang-kurangnya 65% daripada jumlah keperluan beras negara. Tahap pengeluaran beras masa kini adalah memenuhi 72% daripada keperluan beras negara, dan melalui Projek Padi 10 Tan adalah diharapkan tahap pengeluaran beras ini akan dapat ditingkatkan kepada 80% dan ia sekali gus akan mengurangkan import beras negara.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi kawasan Jeli telah menyentuh tentang projek-projek pertanian iaitu Projek Ladang Satelit dan Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan. Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Jabatan Pertanian telah melaksanakan 23 Projek Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan di seluruh negara dengan keluasan 1,338 hektar yang melibatkan 281 peserta. Sehingga kini, pengeluaran hasil dari projek-projek ini berjumlah 7,500 metrik tan bernilai RM9 juta. Dari segi pencapaian peserta-peserta di KPM pula, seramai 114 orang iaitu 40% telah mencapai pendapatan bersih antara RM1,000 ke RM3,000 sebulan. Manakala, 167 peserta lagi mendapat pendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan. Ini adalah oleh kerana mereka yang terlibat mengusahakan tanaman buah-buahan yang belum mencapai hasil yang optimum.

Bagi melaksanakan Projek Ladang Satelit pula, sehingga kini jabatan telah melaksanakan enam Projek Ladang Satelit seluas 535 hektar yang melibatkan 253 peserta ladang. Ladang-ladang ini ditanam dengan pelbagai jenis ulam-ulaman, sayur-sayuran, buah-buahan, ternakan serta ternakan air bagi menarik lebih ramai penduduk di pinggir bandar dan pelawat-pelawat mengunjunginya.

Pada tahun 2002, sejumlah 3.52 metrik tan hasil bernilai RM5.1 juta telah dikeluarkan oleh ladang-ladang satelit. Kementerian ini mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyentuh secara langsung atau tidak langsung mengenai Kementerian Pertanian dalam perbahasan. Isu-isu yang tidak dapat dijawab, akan diberi perhatian dan tindakan yang sewajarnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Terima kasih. Dijemput Kementerian Pendidikan.

#### 4.03 ptg.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan [Dato' Mahadzir bin Mohd Khir]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan, khususnya yang menyentuh perkara-perkara di bawah bidang kuasa Kementerian Pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu-isu pendidikan tinggi. Menjawab Yang Berhormat bagi Sipitang mengenai program keusahawanan di IPTA, sememangnya IPTA-IPTA telah melaksanakan program tersebut dengan menerapkan unsur-unsur keusahawanan dalam kurikulum teras dan kokurikulum.

Bagi menjawab Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga mengenai cadangan *education brokers*, kementerian telah mula merancang untuk menarik ramai pelajar antarabangsa belajar di Malaysia, yang telah dilakukan sejak tahun 1998.

Rancangan pemasaran ini dilaksanakan melalui Program Promosi Malaysia di luar negara yang dikendalikan secara dengan izin, *single country* ataupun dengan menyertai pameran pendidikan antarabangsa yang dianjurkan oleh agensi luar negara. Begitu juga dengan Pakej Rangsangan Ekonomi, juga kita lakukan di mana empat buah pejabat promosi pendidikan Malaysia akan ditubuhkan di Dubai, 'Ho Chih Minh City', Beijing dan Jakarta. Malah, usaha membawa masuk pelajar antarabangsa melalui aktiviti promosi pendidikan ini telah meliputi negara-negara lain seperti Brunei, Thailand, Kanada, Oman, UAE, Arab Saudi, Lubnan, Afrika Selatan, Kenya, Somalia dan Pakistan.

Sememangnya Kementerian Pendidikan menggalakkan semua IPTA mendapat sumber-sumber kewangan sendiri supaya kurang pergantungan kepada kerajaan. Yang Berhormat bagi Parit Sulong juga telah membangkitkan perkara ini. IPTA-IPTA berkenaan telah menubuhkan syarikat-syarikat *holding* dan terlibat dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang berkaitan dengan pendidikan, seperti pendidikan dan pembangunan pengkomersialan hasil-hasil penyelidikan, khidmat konsultasi dan lain-lain.

Mengenai cadangan Yang Berhormat mengenai dengan *edu-tourism*, mengenai dengan bangunan kondominium dan sebagainya, ini kita ucap ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat atas cadangan ini dan kita akan terus meneliti cadangan ini.

Menjawab soalan Yang Berhormat bagi Parit Buntar mengenai aktiviti kerohanian di IPTA, sebenarnya pihak IPTA telah menjalankan segala macam aktiviti yang berbentuk kerohanian, malah di semua IPTA secara teratur dan terancang, bukan kita kata ikut suka sahaja.

Menjawab soalan Yang Berhormat bagi Shah Alam, agar program-program Pengajian Islam yang ditawarkan di universiti-universiti, menawarkan bersama kursus-kursus profesional atau *dwimajor* yang ada nilai pasaran, saya ingin menjelaskan beberapa IPTA termasuk UIA sudah pun menawarkan program yang bercorak tersebut. Penjelasan ini juga relevan untuk menjawab isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Jeli, yang mendakwa bahawa graduan IPTA yang tidak dengan izin, *match* dengan keperluan industri.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan kurikulum pendidikan. Yang Berhormat bagi Kuala Kedah membangkitkan mengenai dengan kesedaran sivik di sekolah-sekolah. Saya ingin menjelaskan bahawa unsur-unsur sivik telah pun diajar melalui mata pelajaran Kajian Tempatan dan Pendidikan Moral iaitu secara tidak langsung. KPM juga sedang membuat pertimbangan untuk memperkenalkan mata pelajaran Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan di peringkat sekolah rendah dan menengah. Mata pelajaran ini dirancang akan diwajibkan kepada semua murid mulai tahun empat sekolah rendah. Ini dalam perancangan.

Yang Berhormat bagi Parit Buntar juga telah membangkitkan mengenai semakan semula kurikulum Pendidikan Islam. Ingin saya jelaskan di sini, bahawa kandungan kurikulum Pendidikan Islam di sekolah rendah dan menengah telah pun, telah pun saya ulangi, disemak semula, dengan menekankan keseimbangan antara fardu ain dan fardu kifayah. Semakan kurikulum terbaru ini diguna pakai melalui tahun 2003.

Menjawab soalan Yang Berhormat bagi Batang Lupar mengenai pengesahan LAN berkaitan kurikulum di IPTS. Kita di kementerian telah mengambil langkah untuk memaklumkan dan sentiasa berusaha untuk memperbaiki. Kita mempercepatkan lagi proses ini.



**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit sahaja. Saya hendak tanya, berapa lamakah cepat ini? Relatif cepat ini kadang-kadang tidak tahu terminologi cepat ini. Berapa cepat yang cepat ini?

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Yang cepat dianggap cepat. Ini agak relatif Yang Berhormat sebab sehari pun cepat, kalau hendak sehari. Kalau hendak setahun pun, ada yang cepat. 10 tahun pun ada yang cepat. *[Ketawa]* Walau bagaimanapun, saya akan bawa perkara ini dan saya akan beritahu kepada Yang Berhormat kemudian, secara bertulis.

Tetapi dalam hal ini, saya telah bangkitkan perkara ini iaitu untuk kita dinilai oleh LAN, untuk diiktiraf, terlebih dahulu kita hantar permohonan kita, kursus kita lebih awal. Setengah orang dia hantar, tahun ini dia hendak kemukakan kursus itu, dia buat sebulan atau dua bulan baru dihantar, kemudian berharap akan diluluskan serta-merta. Jadi saya berharap cadangan Yang Berhormat itu kita tetap akan mengambil kira supaya prosesnya dipercepat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, Batang Lular.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soal *competitive edge* ini. Saya diberitahu bahawa walaupun bukan negara maju, negara yang berdekatan kita di sini termasuk Cambodia, proses kelulusan ini sebulan, ini dianggap cepat.

Jadi kalau kita hendak lawan, hendak tubuhkan Malaysia ini sebagai *center of education excellent hub*, kita kena boleh bertanding dengan negara-negara berdekatan sekurang-kurangnya dengan kita. Semua proses ini bukan sahaja berkenaan lesen, kurangkan birokrasi, kurangkan *red tape*, kurangkan apa sahaja yang tidak disetujui, buang sedikit umpamanya tiap-tiap kelas mesti ada satu *address* berasingan, kurangkan polisi yang tidak berpatutan ini.

Kalau hendak buat sekolah sekarang, saya sebut lagi, International School Tengku Putera itu ada *international* dan *national*. Kita ada *kindergarten*, *primary* dan *secondary*. Ini tiga alamat. Yang sebelah ini kalau *national stream* pun tiga alamat; *kindergarten*, *primary* dan *secondary*, tiga alamat juga. Kalau tiga alamat, kalau sekolah itu mempunyai hanya 1,000 pelajar maknanya kena bina enam biji rumah dan buat alamat berasingan. Ini *illogical* kalau orang hendak buat satu *tower* untuk bangunan. Jadi kita hendak atasi masalah-masalah yang remeh dan mungkin kah tak logik ini? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya saya baru hendak menjawab soalan Yang Berhormat tanyakan itu. Mengenai dengan LAN, sebenarnya Yang Berhormat, saya faham LAN buat mengikut peraturannya. Kalau boleh saya katakan, saya minta secepat mungkin. Saya tidak faham lagi ada dikatakan bahawa masalahnya berpunca dari permohonan yang lewat dibuat dan hendak diluluskan dengan serta-merta, ini saya bercakap fasal LAN dahulu, bukan *address* lagi. Jadi satu lagi ialah mereka mesti pastikan juga pensyarah atau profesor yang hendak mengajar itu betul-betul profesor yang ada kelayakan dalam bidang itu.

Walaupun bagaimanapun, saya beri jaminan kepada Yang Berhormat supaya saya bawa cadangan Yang Berhormat dipercepat proses, jangan dilewat-lewatkan. Kalau ada apa-apa *tape*, dengan izin *red tape*, *green tape*, *yellow tape* atau apa-apa *tape*, kita akan cuba singkatkan.

Mengenai dengan alamat sekolah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat, alamat sekolah swasta bagi tiga institusi iaitu tadika, rendah dan menengah dalam satu kawasan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya ingin jelaskan di sini bahawa tiga buah institusi pendidikan iaitu tadika, sekolah rendah dan menengah boleh beroperasi dalam satu kawasan. Oleh kerana pendaftaran bagi setiap institusi dibuat secara berasingan, maka ia perlu mempunyai alamat tersendiri walaupun di kawasan yang sama. Yang ini maksud saya. Setiap institusi hendaklah mempunyai nombor pendaftaran yang berasingan. Ini adalah selaras dengan peruntukan Seksyen 7(10)(9) Akta Pendidikan 1956 (Akta 550) dan Peraturan-peraturan Pendaftaran Institusi Pendidikan 1997, PU(A544). Memang, saya setuju dengan Yang Berhormat tadi, macam beli kereta, semua kereta yang sama tetapi plat nombor kereta yang berbeza. Jadi sebab itu kita perlukan ini semua menurut nasihat yang kita beri mengenai dengan undang-undang.

Mengenai dengan soalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat bagi Pokok Sena, beliau mendakwa di kebanyakan sekolah kebangsaan tidak ada aktiviti untuk mengisi masa terutamanya di awal

tahun dan selepas peperiksaan akhir tahun dan ini menyebabkan kaum Cina tidak berminat menghantar anak mereka ke sekolah kebangsaan. Dakwaan tersebut adalah tidak benar sama sekali Yang Berhormat. Yang Berhormat bagi Pokok Sena sudah balik?

Kementerian Pendidikan telah mengeluarkan surat pekeliling dan surat siaran kepada semua sekolah yang berkaitan pengisian aktiviti di awal tahun dan selepas peperiksaan akhir tahun. Semua sekolah telah diarah untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran pada hari pertama sekolah dibuka. Begitu juga pada hari selepas peperiksaan, semua sekolah telah diminta untuk merancang dan melaksanakan program yang sesuai untuk semua murid. Arahan tersebut adalah untuk semua jenis sekolah rendah sama ada SK, SJK(C) mahupun SJK(T).

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan pembangunan pendidikan. Yang Berhormat bagi Gelang Patah mencadangkan agar kementerian mengkaji semula penggunaan kaedah PMC kerana kos menggunakan kaedah tersebut terlalu tinggi berbanding dengan cara tender JKR.

Untuk makluman, kaedah penggunaan PMC digunakan oleh kementerian untuk membantu mempercepatkan pelaksanaan projek pendidikan yang diadakan di seluruh negara. Secara umumnya, kos pembinaan projek pendidikan antara JKR dan PMC tidak banyak perbezaannya. Di bawah pelaksanaan PMC, terdapatnya elemen dengan izin, *turnkey* dalam pelaksanaan projek *design and build* dan tempoh pembinaan dengan izin, *fast track* antara 15 hingga 18 bulan berbanding dengan tempoh biasa 20 hingga 24 bulan.

Yang Berhormat bagi Selangau telah membangkitkan juga terdapat dua buah sekolah iaitu SMK Batu 21 dan SMK Balingian yang tiada kemudahan elektrik dan air. Berdasarkan siasatan Jabatan Pendidikan Negeri Sarawak, di SMK luar bandar, Nombor 1, Batu 21 terdapat bekalan elektrik oleh SESCO dan di Sekolah Menengah Kebangsaan Hulu Balingian pula dibekalkan set generator.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan isu sekolah bantuan modal. Isu-isu sekolah bantuan modal telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kota Melaka, Yang Berhormat bagi Petaling Jaya Utara, Yang Berhormat bagi Sibul dan Yang Berhormat bagi Seputeh yang sebenarnya telah diberikan penjelasan berkali-kali dalam Dewan yang mulia ini. Dalam hal ini, saya ingin memperbetulkan tanggapan bahawa seolah-olah semua sekolah kebangsaan adalah sekolah kerajaan bantuan penuh dan SJK(C) dan SJK(T) adalah sekolah bantuan modal, sekolah bantuan kerajaan.

Berdasarkan perangkaan sehingga 30 Jun 2003, terdapat 5,284 sekolah kebangsaan adalah sekolah kerajaan dan 304 adalah sekolah bantuan kerajaan. Bagi SJK(C) pula terdapat 400 sekolah kerajaan dan 887 sekolah bantuan kerajaan manakala bagi SJK(T) sebanyak 144 buah sekolah kerajaan dan 382 sekolah bantuan kerajaan. Oleh yang demikian, saya berpandangan tidak timbul isu bahawa terdapat masalah ketidakadilan dari segi pemberian bantuan.

Sekolah bantuan kerajaan seperti dalam Akta Pendidikan 1996 sebenarnya menerima dua jenis sumbangan iaitu sumbangan bantuan penuh dan sumbangan modal. Sumbangan bantuan penuh yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah bantuan kerajaan termasuk juga sekolah-sekolah, dengan izin, *mission school*, ataupun sekolah mubaligh, merangkumi penyediaan guru terlatih dan membayar gaji mereka dan memperuntukkan geran per kapita berdasarkan *enrolment* pelajar iaitu sama seperti yang diterima oleh sekolah-sekolah kerajaan.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Mohon penjelasan dari sahabat saya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pendidikan, terima kasihlah memberi penjelasan beberapa jenis sekolah di negara kita.

Saya faham ini adalah di bawah peraturan Akta Pendidikan. Saya mahu bertanya kepada Yang Berhormat Dato', bilakah masa akan tiba untuk kerajaan hapuskan kelas-kelas atau jenis-jenis sekolah, ini hanya satu jenis sekolah iaitu sekolah kerajaan, memberikan bantuan penuh kepada semua jenis sekolah. Betul atau tidak? Bersetujukah?

Ya, kerana saya fikir ini adalah warisan bersejarah, *heritage*, dahulu ada sekolah bantuan SJK(C) dan SJK(T) dan lain-lainnya, tetapi pelajar-pelajar di dalam sekolah bantuan adalah sama, anak-anak Malaysia, betulkah?

Ya, apa sebabnya sekarang masih ada ini aliran - ini jenis apa, ini jenis apa, ini jenis apa. [Ketawa] Ini geran modal untuk sekolah bantuan, sekolah mubaligh, saya sendiri ada pengalaman. Saya kurang fahamlah, geran modal berapa, RM1 dari RM1 atau *one cent to no*. Orang Cina kata *one cent to no* [Bercakap bahasa Cina]. Ini saya mahu tanyalah, saya harap pegawai-pegawai ini termasuk Setiausaha

Parlimen tolong, memberi ini cadangan kepada atasan supaya masa akan tiba lebih cepat, Malaysia negara yang kita semua sayangi boleh mengumumkan, sekarang semua sekolah satu jenis sahaja. Terima bantuan dengan penuhnya dari kerajaan kerana semua sekolah tidak kira jenis apa mereka sama memberikan pendidikan yang cemerlang kepada generasi muda kita. Sekian.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat bagi SibU, jiran saya, dia bercakap berapi-api mengenai dengan Sekolah Jenis Kebangsaan dan Sekolah Kebangsaan.

Sebenarnya kita bercakap mengenai dengan sekolah ini, sebenarnya bukanlah ada perbezaan dari segi apa-apa, cuma yang ini bangun sahur terlalu awal, iaitu saya katakan tadi, ini kita mesti asaskan kepada Dasar Pendidikan Kebangsaan. Dasar Pendidikan Kebangsaan adalah berasaskan kepada Akta Pendidikan yang kita sama-sama lulus dalam Dewan ini, yang kita sama-sama persetujui. Jadi, dengan yang demikian, untuk kita kata klasifikasikan jenis-jenis sekolah ini adalah berasaskan kepada Akta Pendidikan Kebangsaan. Itu dia, kita mesti berpandukan kepada Akta Pendidikan Kebangsaan. Harus kita faham, apakah Pendidikan Kebangsaan, itu yang saya hendak tegas, satu. Yang keduanya, apa ....

**Tuan Kerk Kim Hock:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Biar dia habis dahulu, Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya beri peluang, *don't worry*. Saya katakan tadi, yang kita klasifikasikan ini sekolah kebangsaan, ini Sekolah Jenis Kebangsaan sama ada Cina mahupun Tamil. Dan kita harus ingat juga dalam soal ini kita tidak ada Sekolah Jenis Kebangsaan Melayu, tidak ada, ataupun Sekolah Jenis Kebangsaan Iban, atau Bidayuh ataupun apa, kita tidak ada.

Ini cumanya kita gunakan istilah 'Sekolah Kebangsaan'. 'Sekolah Kebangsaan' maknanya ialah terbuka kepada semua warga negara Malaysia. Itu sahaja dengan menggunakan bahasa pengantar Bahasa Malaysia, ini yang harus kita pegang terlebih dahulu.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap, Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, nanti dahulu ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, dalam klasifikasi kita, Sekolah Jenis Kebangsaan tadi ialah kerana ini sudah dipersetujui awal lagi iaitu sekolah Cina yang mahu kekalkan dengan bahasa pengantar Cina, itu kita bersetuju.

Begitu juga dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil, bahasa pengantarnya bahasa Tamil, tetapi sekolah ini masih dianggap sebagai sekolah kerajaan. Dengan yang demikian, bantuannya juga tidak dikesampingkan.

Macam saya berkali-kali bercakap dalam Dewan yang mulia ini, Yang Berhormat bagi SibU, saya berkali-kali saya tegaskan, saya kata segala macam bantuan kita beri dan menurut sejarah, Sekolah- Jenis Kebangsaan Cina dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil ini dibina di atas tanah bersendirian ataupun sekolah yang ditaja oleh pihak gereja, jadi segala tanah itu dipunyai oleh *Board* ataupun jawatankuasa yang memiliki tanah itu, itu sahaja beza dia.

Jadi, saya minta di sini mengenai dengan bantuan, kemudiannya ada juga Sekolah Jenis Kebangsaan yang sepenuhnya ialah sekolah kerajaan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya, ada yang berdiri.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Jadi, dari soal diskriminasi saya rasa tidak timbul lagi.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Hendak beri kepada siapa, Yang Berhormat?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Beri Kota Melaka dahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Kota Melaka ya.

**Tuan Kerk Kim Hock:** Terima kasihlah atas penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, tetapi itu bukan soalan yang dipertikaikan oleh SibU atau sesiapa di sini. Yang dipertikaikan ialah di mana wujudnya peruntukan di dalam Akta tahun 1996 yang memberikan kuasa kepada

kerajaan untuk memisahkan atau mengklasifikasikan sekolah dalam dua jenis, sekolah bantuan penuh dan sekolah bantuan modal, itulah soalan, bukan Sekolah Kebangsaan, SKJ(C) dan SJK(T), itu tidak jadi masalah. Di mana wujudnya, peruntukan berapa, saya rasa tidak ada kuasa ini, itu yang utama kita mahu tahu, tetapi kerana telah menggunakan garis panduan dan menyekat begitu banyak sekolah daripada menerima bantuan penuh, itulah jadi masalah.

Jadi, saya kata jangan kita ucap panjang tetapi bukan *point* yang kita bawa di sini, yang mana ada peruntukan akta tahun 1996. Saya kata memang tidak ada, kalau Yang Berhormat kata ada, kita tidak ada masa, saya sanggup cabar, kita bincang di luar, di mana wujudnya peruntukan itu.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Haji Muhamad bin Abdullah]:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Yang Berhormat bagi Kota Melaka, kita selalu bercakap mengenai dengan Akta Pendidikan. Akta Pendidikan 1996 itu satu hal, perkara kedua ialah mengenai dengan bajet yang kita hendak salurkan ini, ini mesti kita terima hakikatnya, huraian mengenai dengan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil dan Sekolah Kebangsaan dihurai di dalam Akta Pendidikan 1996.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Jadi, macam yang Yang Berhormat menyebutkan, yang ini saluran bantuan tadi, ia dinamakan bantuan modal. Macam saya katakan tadi, sekolah-sekolah jenis kebangsaan, walaupun ia sekolah jenis kebangsaan, bila dia membuat permohonan untuk diwujudkan bangunan tambahan, bangunan gantian, kita lakukan, kita lakukan. Saya boleh bagi banyak contoh, tetapi saya tidak boleh dapat senarai di sini. Kita berikan. Kalau tidak, kita tidak ada .....

**Tuan Kerk Kim Hock:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Nanti, bagi saya habis dahulu, Yang Berhormat. Jangan *intervene* saya lagi dalam soal ini. Saya tahu Yang Berhormat memang tidak setuju. Apa saya jawab semua tidak setuju. [Ketawa] Saya hendak bagi setuju. Saya cuba jelaskan sejelas-jelasnya. Memang saya tahu kita masih ada perbezaan, perbezaan pendapat, dari segi pendekatan juga perbezaan, tetapi sekurang-kurangnya saya hendak kurangkan perbezaan kita berdua.

Jadi, saya katakan tadi semula kepada soal sekolah jenis kebangsaan. Dari segi bantuan guru, latihan guru, gaji guru, elaun guru, elaun perjalanan guru, kalau ada mesyuarat, latihan, tidak pernah didiskriminasi, jadi mereka juga adalah pegawai guru kerajaan. Bukan kita kata guru jenis kebangsaan. Tidak ada. Guru tetap guru, sama ada dia mengajar sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan Cina mahupun Tamil, mereka adalah satu *skill*, satu skim dan semua kemudahan diperolehi oleh semua guru-guru. Jadi, ini dia.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, Yang Berhormat bagi Larut.

**Raja Dato' Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak sentuh sedikit sahaja. Masalah ini sudah berbangkit sejak dahulu. Apa tidak sekarang ini kita melihat supaya kita ada satu sesi. Kalau setuju saya cadangkan, atau mungkin Yang Berhormat setuju, di mana sekolah kebangsaan dibuat sebelah pagi, yang jenis kebangsaan, Cina, Tamil ataupun sekolah Arab, dibuat sebelah petang. Itu pun kalau ini tidak membebankan. Di sebelah pagi semua sekolah kebangsaan. [Disampuk]

Ya. Sebelah petang mungkin sekolah jenis kebangsaan Cina atau Tamil atau sekolah Arab. Sekolah pagi semua sekolah kebangsaan. Jadi, mungkin boleh menyelesaikan masalah yang sering kali kita hadapi. Itu pun kalau mendapat persetujuan semua pihak. Kalau kita melihat ke arah untuk menjamin pendekatan pendidikan kita, lebih-lebih lagi ke arah memperkukuhkan perpaduan berbilang bangsa yang ada di dalam negara kita ini.

Adakah Yang Berhormat setuju? Sebelah pagi biar sekolah kebangsaan, jadi semua boleh hadir, sebelah petang mungkin jenis kebangsaan Tamil, siapa yang hendak ataupun Cina ataupun sekolah Arab, misal kata. Itu siapa yang hendak. Ya. Ini kalau mendapat persetujuan semua. Selesai masalah dari segi perpaduan dan juga dari segi ke arah kita hendak meningkatkan pendidikan yang sedang kita rancang dan boleh menyelesaikan masalah-masalah lain, mungkin dari segi perpaduan dan juga dari segi perbelanjaan, kesulitan-kesulitan lain yang kita hadapi. Itu pandangan sayalah, kalau Yang Berhormat boleh terima. Kalau tidak boleh terima ini, esok lusa mungkin. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sebenarnya Yang Berhormat memanglah itu pendapat Yang Berhormat, tetapi apa yang kita lakukan hari ini macam saya katakan sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, di situ ada perbezaan dari segi .....

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** [Bangun]

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Sekejap Yang Berhormat, ya. Yang Berhormat sekejap saya habiskan ini dahulu. Perbezaan sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan ialah dari segi bahasa pengantarnya juga. Bahasa pengantarnya sahaja, Yang Berhormat, sekolah tetap sekolah. Jadi, dalam soal ini kita berpendapat akhirnya kita keluarkan satu, iaitu sekolah wawasan yang mana kita adakan sekolah jenis kebangsaan Cina, Tamil dan sekolah kebangsaan dalam satu kampus, dalam satu kawasan yang mana masing-masing kekal dengan identiti masing-masing. Ini yang telah kita persetujui. Tetapi ada juga pihak-pihak yang tidak bersetuju. Jadi, saya rasa buat masa ini walaupun itu pandangan Yang Berhormat, tetapi saya rasa yang kita cakap ini ialah sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hendak beri jalan atau tidak, yang sebelah kanan itu?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya beri kepada Kelang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kelang. [Disampuk]

**Datin Paduka Dr. Tan Yee Kew:** Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan. Pada pengetahuan saya antara sekolah-sekolah bantuan modal, ada yang tidak mempunyai tanah sendiri, mereka pinjam bilik darjah atau tumpang bilik darjah sekolah lain. Pada suatu ketika, Kementerian Pendidikan menggalakkan sekolah-sekolah bantuan modal itu menukar status mereka kepada sekolah bantuan penuh, tetapi baru-baru ini saya difahamkan banyak permohonan sekolah-sekolah bantuan modal itu ditolak menjadi sekolah bantuan penuh. Saya hendak tahu apakah sebabnya permohonan mereka ditolak. Ini sahaja, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Benar, ada banyak sebab yang saya difahamkan, antara lain ialah ada setengah itu ada dua, tiga buah sekolah jenis kebangsaan dalam satu kawasan, pun pernah ada berlaku. Jadi, bila ia hendak ditukar, itu mungkin ditolak. Ada sebabnya. Ada juga yang setengah daripada bantuan modal hendak ditukar kepada bantuan penuh. Ada juga pertimbangan-pertimbangan yang tertentu yang saya difahamkan.

Setengah-setengah sekolah itu ada yang di mana *enrolment*nya terlalu kecil dan jika hendak kita gabungkan kadangkala pihak ibu bapa tidak setuju. Walau bagaimanapun, kalau Yang Berhormat kata, ada cadangan tadi, saya tidak keberatan untuk menyatakan kepada Yang Berhormat, sila buat permohonan sekali lagi, malah itu dapat dipertimbangkan. Saya tidak boleh beri kepastian di sini, bila Yang Berhormat menghantar permohonan, kita terus luluskan, itu saya tidak berani jamin. Permohonan sentiasa dibuat dan kita dapat dahulu laporan, maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri sebelum sesuatu keputusan oleh pihak kementerian dilakukan. Di sini saya bersetujulah dengan Yang Berhormat, kalau ada itu, masih boleh dipohonkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Emm.

**Datuk Robert Lau Hoi Chew:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan minta penjelasan. Saya faham sekolah bantuan ini, kita ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kerajaan kerana memberikan peruntukan, membayar gaji guru-guru dan lain-lainnya. Tetapi tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen kata bahasa pengantar di sekolah bantuan bukan Bahasa Melayu, kalau di Sibul disebut tiga sekolah, sekarang Yang Berhormat Dato' pun ada melawat ke sana, iaitu sekolah mubaligh. Bahasa pengantar ialah Bahasa Melayu di semua tiga sekolah. Kurang daripada 30% pelajar-pelajarnya dari kaum bumiputera.

Kami tidak minta bantuan modal sepenuhnya, mungkin sebahagian. Oleh kerana peruntukan oleh Kementerian Pendidikan begitu besar, saya fikir kalau *dimanage fund* itu dengan lebih berkesan, cukuplah untuk memberi sedikit peruntukan sebagai modal geran kepada sekolah bantuan jenis Cina atau Tamil ataupun mubaligh. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tadi Yang Berhormat bagi Sibul membangkitkan mengenai sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan. Sekolah jenis kebangsaan kesemuanya boleh dikatakan adalah sekolah rendah. Yang Berhormat beritahu tadi ialah sekolah menengah. Sekolah menengah pun ialah sekolah menengah bantuan modal, sekolah kerajaan yang menggunakan nama lain daripada misalnya macam Sin Meng macam di kawasan saya, Sekolah Menengah Sin Meng dan sekolah jenis Kek Hwa dan sebagainya. Itu sekolah kerajaan.

Tetapi kita harus ingat dari segi tanah itu, macam kita kata tanah itu. Walau bagaimanapun saya akan bangkitkan lagi sekali mengenai dengan ini kerana banyak perbahasan mengenai ini. Kita akan bincang balik tetapi soalnya saya ingin jelaskan sahaja. Saya tidak mahu ia dilihat bahawa peruntukan itu sengaja kita kurangkan, kita *emphasis* yang ini. Itu mungkin berlaku tetapi terus terang saya bagi jaminan ini, diskriminasi langsung sama sekali tidak ada dan juga peluang untuk menuntut di sekolah-sekolah kebangsaan ataupun jenis kebangsaan senantiasa terbuka...

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bangun]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Kita tidak pernah tutup pintu sama sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini, Kinabatangan bangun.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, saya bagi kepada Yang Berhormat bagi Kinabatangan dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Saya ingin bertanya kementerian secara ....

**Dato' Haji Badrul Hisham bin Abdul Aziz:** Telus.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Telus. Apakah sebenarnya punca-punca ataupun penyebab pelajar-pelajar Cina dan India enggan menyertai sekolah kebangsaan ataupun memasuki sekolah kebangsaan. Adakah sebab sekolah kebangsaan itu sistem pendidikannya tidak bagus? Atau mungkin guru-gurunya tidak terlatih? Atau ada sumber-sumber lain mengikut daripada kajian kementerian itu sendiri.

Sebab pada saya, ataupun mungkin pihak kementerian kurang memberi keyakinan kepada ibu bapa dua kaum ini iaitu kaum Cina dan kaum India untuk turut serta dalam sekolah kebangsaan. Kalau sistem sekolah kebangsaan itu perlu diubah untuk memberi ruang kepada kedua-dua kaum supaya menyertai sekolah kebangsaan itu sendiri kenapa kita tidak ubah.

Rasa saya, saya setuju dengan Yang Berhormat bagi Larut. Kalau boleh mungkin untuk mengelak masalah peruntukan kewangan, hari-hari asal ada pendidikan kita bincang isu yang sama. Saya tidak tahu sampai bila isu ini boleh selesai sebab kalau ikut kita punya peraturan Dasar Pendidikan Kebangsaan itu sendiri isu ini tidak akan selesai. Sebab keutamaan kita ialah sekolah kebangsaan. Ini sudah menjadi dasar pendidikan itu sendiri.

Jadi, isu ini dimainkan pula oleh pembangkang terutama sekali DAP. Dia seolah-olah mahu memenangi hati rakyat. Jadi, apabila DAP mula menjaja, kita punya komponen pun daripada MCA dan sebagainya juga cuba mempertahankan isu ini. Saya percaya isu memang dipertahankan oleh Barisan Nasional. Bukan pembangkang. Jadi, adakah jalan penyelesaian. Mungkin pada masa selepas pilihan raya akan datang kita tidak akan bincang lagi isu ini sebab tidak ada date line dia.

Bila sebetulnya isu bantuan sekolah jenis kebangsaan ini boleh berhenti, boleh selesai. Kementerian dan kerajaan pun dari segi kewangan memang terhad tidak mencukupi untuk memenuhi tuntutan-tuntutan yang sebegitu. Adakah kementerian secara telus seperti di awal-awal tadi memikirkan jalan penyelesaian untuk memastikan isu ini tidak lagi berlegar di ruang Parlimen yang mulia ini. Terima kasih.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** *[Menyampuk]*

**Puan Chong Eng:** *[Menyampuk]*

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat. Bukan main ya? Tak apalah, saya faham. Yang Berhormat mengenai isu sekolah kebangsaan dan sekolah jenis kebangsaan tetapi kata, kita kena harus ingat hanya di negara kita sahaja negara Malaysia yang kita mengizinkan sedikit liberalisme, di mana kita tidak ada sekolah yang dikatakan satu aliran.

Memang sekolah kebangsaan ialah sekolah bukan untuk anak-anak bumiputera Melayu sahaja. Ia terbuka kepada semua dan Yang Berhormat kata tadi, memang benar, kita mahu menggalakkan seboleh-bolehnya semua warganegara memasuki sekolah kebangsaan.

Di sekolah kebangsaan memang kita galakkan juga bagi mereka walaupun angkanya kita kata 15 orang yang memohon supaya bahasa ibundanya diajar, kita juga adakan. Itu yang kita lakukan. Jadi, ini sampai taraf kita, macam-macam kita buat. Malah program yang kedua kita kata, tak mengapa supaya

demi kepentingan ataupun demi untuk soal perpaduan tadi, kita wujudkan Sekolah Wawasan yang mana kita kekalkan identiti sebab memang persetujuan kita iaitu sekolah jenis kebangsaan ataupun medium of instructions nya, kalau sekolah Cina medium of instructions nya bahasa Mandarin. Begitu juga dengan Sekolah Tamil. Yang ini memang kita sudah perakui dalam Akta Pendidikan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang minta penjelasan. Itu perkara lain Yang Berhormat. Yang Berhormat menjawab [*Ketawa*] Yang Berhormat menjawab tentang wawasan itu. Sekolah Wawasan, ya Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya habiskan penjelasan ini. Jadi banyak kali bekas Perdana Menteri kita, Tun Dr. Mahathir berkali-kali telah membuat perkara ini, saranan ini bagaimana hendak kita katakan beri galakan supaya ramai yang menyertai sekolah kebangsaan. Itu yang dinyatakan.

Tetapi kita beri juga ruang kepada mereka untuk kalau dia pilih sekolah jenis kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan lah tetapi saya harus nyatakan, kita tidak diskriminasikan sekolah ini. Tak ada. Ada pula macam hari ini kita dapati sekolah-sekolah jenis kebangsaan ini ada enrolment nya yang begitu berlipat ganda sebab ibu bapa hendakkan, dia suka sekolah itu sebab sekolah itu sudah ada nama.

Macam sebuah sekolah di Jalan Syed Putera ini, sekolah .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Tak apalah Yang Berhormat.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, di Jalan Syed Putralah, Tuan Yang di-Pertua. Sekolah itu, semua .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Kwang Ching kah?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekolah Kwang Ching.....

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Itu Tuan Yang di-Pertua lebih tahu daripada saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Saya, kadang-kadang nama ini .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, cukuplah itu.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Macam di Jalan Ampang, sekolah itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masuk perkara lainlah Yang Berhormat. Yang itu banyak kalilah. Masuklah perkara lain Yang Berhormat. Soalan lain. Soalan lainlah.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Seputeh.

**Puan Teresa Kok Suh Sim:** Terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Sebenarnya saya masih tunggu jawapan saya yang mana saya bertanya tentang peruntukan yang diberi oleh kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kelapan kepada sekolah aliran Tamil, aliran Cina dan juga aliran kebangsaan berapa peruntukannya. Saya masih menunggu jawapan ini kerana ini boleh menerangkan semua.

Yang kedua ialah tadi Yang Berhormat berkata bahawa kerajaan menggalakkan semua orang masuk sekolah kebangsaan. Kerajaan boleh menggalakkan tetapi pilihannya adalah terpulang kepada rakyat. Sekarang ada ramai ibu bapa India, ibu bapa kaum Melayu juga menghantar anak-anak mereka ke sekolah jenis kebangsaan (Cina).

Jadi macam Yang Berhormat bagi Kinabatangan menjelaskan *trend* ini? Apakah sebabnya mereka hantar anak mereka ke sekolah rendah Cina. Jadi ini adalah satu aspek yang mana kerajaan harus mengkaji dan juga mengikut jawapan Parlimen yang diberi kepada saya macam di kawasan saya.

Kerajaan sibuk membina banyak sekolah kebangsaan dan salah satunya iaitu Sektor Kebangsaan Sri Saujana, hanya mempunyai 44 orang murid sahaja tetapi dua buah sekolah jenis kebangsaan (Cina) di kawasan saya itu yang terlalu sesak mempunyai 2,112 orang pelajar.

Bayangkan macam mana perbezaan yang begitu besar. 144 orang murid, yang lain itu 2,000 lebih pelajar. Kenapakah keadaan semacam ini kerajaan tidak menukarkan macam Sekolah Kebangsaan Sri

Saujana yang hanya mempunyai segelintir pelajar itu kepada sekolah rendah Cina untuk menyelesaikan kesesakan yang berlaku di sekolah rendah Cina. Saya rasa ibu bapa yang menghantar anak-anak mereka ke sekolah Cina ini, mereka juga pembayar cukai. Jadi kerajaan haruslah mengambil kira pandangan dan juga pilihan mereka. Mereka memilih sekolah rendah Cina adalah pilihan mereka yang harus dihormati oleh kementerian.

Jadi, ini adalah isu yang sekarang ini dibangkitkan sama ada dari pembangkang dan juga Barisan Nasional yang ingin menyampaikan kepada Kementerian Pendidikan janganlah lakukan ketidakadilan dalam isu pendidikan. Dan juga, dengarlah Yang Berhormat bagi Kinabatangan, datanglah ke kawasan saya yang saya ucapkan ini, anda tentu dibaling batu oleh orang. Terima kasih.

**[Dewan gamat dengan ketawa]**

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Yang Berhormat, Yang Berhormat, jangan memakan masa panjang sangatlah, ya. Berucap daripada pukul 4.00 tadi, ya.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, betul Tuan Yang di-Pertua. Saya pun bersetuju sebab saya juga....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada dua lagi kementerian yang akan menjawab.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, betul. Sebab saya juga katanya diberi peluang untuk menjawab seberapa banyak soalan disebabkan bajet bagi pendidikan begitu besar sekali.

**Tuan Yang di-Pertua:** Hmm.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Walau bagaimanapun, saya cuba Tuan Yang di-Pertua. Saya cuba mempercepatkan perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila, sila, sila.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Tadi menjawab Yang Berhormat bagi Seputeh, terus terang saya katakan, memang di negara Malaysia sahaja yang ada jenis ini. Jadi terpulang kepada ibu bapa untuk membuat pilihan termasuk macam dikatakan tadi, Yang Berhormat telah sebutkan daripada keturunan Melayu pun menghantar anak mereka ke Sekolah Jenis Kebangsaan Cina. Saya tidak tahu mesti ada sebab-sebab mengapa mereka buat pilihan. Jadi untuk menjawab selanjutnya soalan Yang Berhormat ini, kita perlu ada seminarlah. Seminar panjang-panjang, kita boleh cakap panjang-panjang. Dalam Dewan ini cuma saya sebutkan tadi kita tidak ada diskriminasi.

Macam Yang Berhormat bangkitkan kes tadi, macam saya katakan, kadang-kadang orang pilih sekolah itu kerana sekolah itu sudah *established*, dengan izin. Bila *established*, dia fikir hantar anak dia macam manapun, mesti pandai. Kalau hantar sekolah baru tidak pandai.

**Tuan Ng Lip Yong:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Batu bangun, Yang Berhormat. Hendak bagi jalan atau tidak?

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Ya, beri.

**Tuan Ng Lip Yong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya ingin mendapat penjelasan dari Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, apakah caranya untuk sekolah bantuan penuh mendapatkan kemudahan-kemudahan atau membaiki sekolah-sekolah.

Tuan Yang di-Pertua, saya membangkitkan soalan ini sebab semalam selepas sidang Parlimen, saya pergi merasmikan satu Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) di kawasan saya di mana saya diberitahu keadaan tandas dan saya pun membuat lawatan di sana – dalam tandas.

Keadaan memang teruk dan saya diberitahu, pihak sekolah sudah banyak kali meminta bantuan dari Jabatan Pendidikan tetapi sampai sekarang tidak mendapat apa-apa bantuan. Tuan Yang di-Pertua, kemudahan seperti tandas dan sebagainya adalah kemudahan yang sangat penting untuk sekolah dan saya berharaplah kita boleh beri keutamaan untuk kemudahan seperti ini. Sekian, terima kasih.

**Dato' Mahadzir bin Mohd. Khir:** Terima kasih Yang Berhormat kerana Yang Berhormat telah mengingatkan saya tentang perkara ini. Sebenarnya kita telahpun mengambil beberapa langkah, cuma



kawasan Yang Berhormat dan juga bukan sahaja sekolah Yang Berhormat sebutkan itu, banyak lagi sekolah yang membuat permohonan yang sama dan kita sedang pertimbangkan.

Jadi akhir kata, kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbincangan ini, dan saya percaya kita akui ada beberapa kelemahan yang terdapat dalam melaksanakan segala macam program di kementerian kita dan saya mengucapkan terima kasihlah kerana boleh dikatakan semua begitu prihatin mengenai dengan perbincangan mengenai dengan pendidikan pada keseluruhannya. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat . Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

**4.55 ptg.**

**Menteri Pembangunan Wanita dan Keluarga [Dato' Seri Hajah Shahrizat binti Abdul Jalil]:**

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam yang telah membangkitkan isu Program Kesedaran Gender dan Status Kemajuan Pelaksanaan Perspektif Gender di kementerian-kementerian berkenaan dan pihak yang bertanggungjawab melaksanakannya dalam perbahasan ke atas Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan kali ini.

Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga (KPWK) bertanggungjawab melaksanakan Program Kesedaran Gender. Modul yang dirancang merangkumi tajuk-tajuk seperti Perspektif Gender Dalam Pembangunan, Memahami Keganasan Rumah Tangga Dari Perspektif Gender dan Kesaksamaan Gender Dalam Islam dan Agama Lain-lain. Kumpulan sasaran program termasuklah pemimpin masyarakat, pemimpin Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs), Pentadbir Undang-undang, Penggubal Dasar Kerajaan, Pegawai Penguat Kuasa termasuk polis dan pegawai di mahkamah, Jabatan Agama Islam serta mereka yang mengendalikan rumah-rumah perlindungan.

Memandangkan isu-isu gender merupakan isu *cost-cutting*, dengan izin, Program Kesedaran Gender ini diharapkan dapat dilaksanakan oleh kementerian dan agensi-agensinya lain juga. Untuk tujuan ini, kementerian sedang merancang untuk melaksanakan Program Latihan Kejurulatihan (*Training of Trainers*), dengan izin, bagi wakil-wakil kementerian dan agensi lain agar program ini lebih berkesan.

Pada tahun ini kementerian telah merancang untuk melaksanakan Program Latihan Kepekaan Gender sebanyak 9 kali bermula dari Oktober 2003 hingga Disember 2003. Program ini bertujuan memberi penjelasan meningkatkan kefahaman dan keprihatinan pemimpin-pemimpin masyarakat, ahli-ahli NGO, penggubal dasar dan penguat kuasa undang-undang di pelbagai peringkat dan sektor terhadap isu-isu gender dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan. Ia juga bertujuan memberi pendedahan mengenai keperluan dan implikasi pendekatan gender dalam pelaksanaan dasar dan program kerajaan serta mewujudkan jumlah ahli masyarakat yang boleh dikatakan '*critical mass*', dengan izin, yang peka terhadap isu gender. Selain dari itu, topik kepekaan gender juga dimasukkan ke dalam program latihan kementerian seperti Program Latihan Nur Bestari dan program-program latihan sukarelawan, organisasi wanita membanteras keganasan.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita juga saya maklumkan di sini bahawa KPWK bersama-sama Kementerian Kewangan, EPU, Unit Penyelarasan Pelaksanaan dan dengan kerjasama United Nations Development Programme (UNDP) kini sedang melaksanakan program perintis analisis Bajet Gender bagi tujuan untuk mengintegrasikan perspektif gender dalam perancangan dan penggubalan dasar dan bajet kerajaan. Empat buah kementerian telah diluluskan oleh Kabinet dan akan terlibat dalam projek perintis iaitu Kementerian Sumber Manusia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Pelaksanaan projek ini masih di peringkat awal pelaksanaan di mana latihan teknikal kepada pegawai-pegawai yang terlibat sedang dijalankan. Projek perintis ini dijangka selesai pada pertengahan tahun 2004.

Kementerian juga ingin mengucapkan terima kasih atas cadangan Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam supaya peratusan atau kuota tertentu dikhaskan untuk wanita dalam pelbagai bidang seperti bidang perubatan, politik, pendidikan dan sebagainya. Buat masa kini, KPWK menumpukan kepada usaha-usaha tentang kesedaran kesaksamaan gender dalam pengisi jawatan-jawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil kesempatan di Dewan yang mulia ini untuk merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan dan cadangan yang membina terhadap pelbagai isu yang menyentuh kementerian. Semua saranan tersebut

akan diberi perhatian sewajarnya bagi membantu Kementerian melaksanakan program dan aktiviti dengan lebih berkesan dan cemerlang. Kepada Ahli Yang Berhormat yang beragama Islam, bagi pihak Kementerian, saya ingin mengucapkan Selamat Berpuasa. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Kementerian Pengangkutan.

#### 5.00 ptg.

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, saya dengan hormatnya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang begitu prihatin terhadap fungsi dan bidang tugas Kementerian Pengangkutan. Ada beberapa perkara yang telah disentuh yang telah kita jawab pada petang ini tidak ingin untuk menjawab kembali.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Sandakan akan membangkitkan memandangkan Air Asia sudah ada penerbangan terus serta pakej percutian ke Sandakan, apakah MAS ada cadangan mengadakan penerbangan terus ke Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun MAS pada masa sekarang tidak ada perkhidmatan langsung ke Sandakan, MAS menawarkan penerbangan sambungan dari Kuala Lumpur ke Sandakan melalui Kota Kinabalu. Perkhidmatan ini diadakan tujuh kali seminggu dan memberi kemudahan kepada penumpang yang ingin membuat perjalanan ke Sandakan dari Kuala Lumpur.

Namun demikian, MAS sentiasa memantau pengaliran serta permintaan trafik dan sekiranya didapati perlu akan menimbang mengadakan penerbangan terus ke Sandakan. Pada masa yang sama MAS juga menawarkan pakej percutian di bawah Program Golden Holidays ke Sandakan.

Berhubung dengan cadangan Yang Berhormat supaya MAS menurunkan harga tambang bagi penerbangan terus ke Sandakan, pihak kerajaan akan mengemukakan kepada MAS untuk kajian dan pertimbangan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Kubang Kerian ada menyentuh mengenai Projek Landasan Berkembar bahagian utara ....

**Puan Chong Eng:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, ada yang bangun Yang Berhormat, ini yang hadapan ini ya.

**Puan Chong Eng:** Di sini ya. Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, MAS ini merupakan nasional *career* dan ia perlu menjaga imejnya bukan sahaja dari segi memberi perkhidmatan yang baik, tetapi dari segi menjaga kebajikan pekerjaannya. Di dalam surat khabar baru-baru ini bahawa ada seorang *stewardess* MAS kerana dia hamil kali ketiga, beliau dipecat kerja. Saya rasa ini adalah bertentangan dengan prinsip ataupun Perlembagaan negara kita, di mana seseorang wanita tidak boleh didiskriminasikan kerana *gendemya* dan ini pun bertentangan dengan undang-undang pekerja.

Jadi, saya hendak tahu apakah pendirian Kementerian supaya ia tidak menjadi satu titik hitam kepada MAS ini. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat, memang MAS sebagai satu syarikat khasnya syarikat kebangsaan sentiasa cuba menjaga imejnya supaya ianya dapat berjaya dalam perniagaan.

Pendiriannya mengenai kebajikan pekerja-pekerja, MAS juga sentiasa dari masa ke semasa menentukan kebajikan pekerja-pekerjanya pun akan diberi layanan seberapa yang boleh mengikut dasar dan prinsip yang diamalkan dalam Syarikat MAS.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, isu yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat, seorang pekerja itu ia telah ada membuat perjanjian dengan MAS kerana apabila dia ditawarkan jawatan itu, dia diberi beberapa syarat dan beliau telah menerima syarat tersebut.

Jadi, bagi kita apabila kita bersetuju dengan syarat-syarat itu, adalah tidak salah untuk MAS menjalankan, menentukan syarat-syarat dalam perkhidmatan pekerjaan itu diikuti, jadi ini yang penting kerana Yang Berhormat kena faham apa yang telah dipersetujui oleh seseorang pekerja termasuk pegawai yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang keluar dalam surat khabar kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, .....

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, dia bangun lagi, hendak beri jalan tidak?

**Puan Chong Eng:** Tuan Yang di-Pertua, walaupun apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ada benarnya, memang dia sudah tahu apabila dia masuk kerja tetapi pada masa itu Perlembagaan belum dipinda lagi, sekarang Perlembagaan sudah dipinda dan dari segi apa yang dikatakan, dari segi undang-undang pekerja, Akta Pekerja, bukannya di bawah Akta Pekerja memang ini tidak boleh menjadi satu alasan untuk membuang kerja, memecat seseorang pekerja dan bukannya ini satu syarat pekerjaan yang tidak adil, yang tidak mesra kepada wanita.

Jadi, bukannya kita perlu berubah mengikut masa, supaya kita lebih berkesan, imej MAS ini lebih mengikut masa, kemajuan masa dan bukannya pihak kementerian mempunyai tanggungjawab untuk menjaga juga keadilan kepada pekerjanya. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat menyentuh perkara yang lain, jadi saya pun telah memberitahu pada masa saya menjawab minggu yang lepas bahawa kerajaan ataupun kementerian sedang meneliti pelbagai isu yang telah dibawa kepada kerajaan mengenai masalah-masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi.

Jadi, Yang Berhormat kena faham ini ada bezanya, satu, adalah syarat-syarat perkhidmatan, dua, perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat, perkara itu telah diteliti oleh kerajaan. Memang kerajaan kita sentiasa berpendirian bahawa tidak ada sesiapa pun harus ditindas, sentiasa dijamin haknya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Puan Fong Po Kuan:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya hendak tahu kedudukan kes di mana para pramugari telah mengadu seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat bagi Bukit Mertajam berkenaan syarat-syarat perjanjian yang tidak adil.

Sebab mereka telah kemukakan memorandum kepada Yang Berhormat, jadi saya pohon buat setakat ini apakah langkah yang telah diambil oleh kementerian dalam kes ini.

Saya sebelum ini telah bangkitkan perkara ini, Yang Berhormat kata belum ada apa-apa tindakan lagi, setakat ini saya hendak tahu apakah perkembangan terbaru dalam kes ini.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, kita sedang meneliti perkara ini kerana perkara ini adalah merangkumi pelbagai isu yang penting, jadi, walaupun Yang Berhormat mendesak supaya satu keputusan harus dibuat, tetapi kerajaan sentiasa mengambil masa untuk menentukan segala perkara dari segi Perlembagaan, dari segi undang-undang pekerja harus juga diteliti dan juga kepentingan MAS sendiri juga diteliti oleh kerajaan. Maka kita memerlukan masa, saya minta Yang Berhormat sabar dahulu.

Yang Berhormat bagi Kubang Kerian telah menyentuh mengenai Projek Landasan Berkembar bahagian utara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan memang telah mengeluarkan surat niat kepada Ircon dan Rakan-rakan untuk kerja-kerja infrastruktur Projek Landasan Berkembar Ipoh/Padang Besar, manakala surat niat diberi kepada CREC dan Rakan-rakan untuk kerja-kerja infrastruktur Projek Landasan Berkembar Seremban/Johor Bahru. Surat niat yang diberi tidak mengikat kerajaan untuk memberikan kontrak kepada kontraktor-kontraktor yang berkaitan.

Pada masa yang sama, sebuah syarikat tempatan iaitu Konsortium MMC- GAMUDA Berhad telah mengemukakan cadangan kepada kerajaan untuk melaksanakan Projek Landasan Berkembar Utara dan Selatan. Kerajaan telah mengkaji ke atas cadangan yang dikemukakan dan mendapati bahawa harga yang ditawarkan oleh pihak MMC-GAMUDA adalah jauh lebih rendah iaitu RM14.48 bilion jika dibandingkan dengan RM19.5 bilion, harga yang ditawarkan oleh Ircon dan Rakan-rakan dan CREC dan Rakan-rakan.

Daripada penilaian dan penelitian yang dibuat oleh pihak kerajaan serta harga tawaran yang ditawarkan jauh rendah daripada pihak Ircon dan CREC, maka kerajaan telah mengeluarkan surat tawaran setuju terima kepada Syarikat MMC-GAMUDA

Adalah tidak benar bahawa kerajaan telah mengeluarkan surat LLO kepada MMC-GAMUDA dengan tergesa-gesa. Kerajaan juga tidak menolak secara bulat-bulat cadangan daripada Syarikat CREC dengan Syarikat Ircon, kedua-dua syarikat ini telah dijemput untuk menyertai dalam projek ini bersama-sama dengan syarikat tempatan, ini bergantung kepada perbincangan dan syarat-syarat yang dipersetujui di antara mereka.

Tuan Yang di-Pertua, itu .....

**Tuan Husam bin Haji Musa:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Kubang Kerian bangun Yang Berhormat.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya ingin mendapat penjelasan. Dalam surat tawaran itu, ada atau tidak satu *clause* menunjukkan bahawa GAMUDA-MMC boleh menaikkan harga sebanyak 30% kerana *variation order*, dengan izin.

Jika sekiranya *clause* itu wujud 30% daripada RM14.5 bilion akan sama dengan RM18bilion, lebih daripada RM18 bilion. Dan adakah benar atau tidak bahawa perunding kerajaan sendiri dalam laporannya kepada kerajaan bahawa kos projek ini ialah RM17 bilion.

Yang ketiga ada kah tidak benar pada 22 Oktober juga Ircon dan CREC telah memfailkan bida mereka yang baru dengan harga RM14.2 bilion iaitu RM300 juta lebih murah daripada apa yang ditawarkan oleh GAMUDA-MMC tetapi mengapakah pada hari yang sama, surat tawaran telah dikeluarkan kepada GAMUDA-MMC tanpa menimbangkan bida baru daripada Ircon dan CREC?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Ada tiga perkara, satu adalah mengenai *variation order*. Saya tidak sedar mengenai jumlah peratusan *variation order* tetapi Yang Berhormat sendiri tahu, dalam apa-apa kontrak memang sentiasa ada *clause, variation order* kerana itu adalah satu perkara yang kita kena ambil kira dalam sesuatu kontrak. Memang *estimate* PMC untuk projek ini adalah RM17.7 bilion.

Perkara yang ketiga, saya tidak sedar kepada perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, maka saya tidak ada jawapan untuk perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua, setakat inilah sahaja penjelasan saya...

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Berbanyak-banyak terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Adalah menarik apabila kerajaan mengakui bahawa wujud *clause variation order* dan dengan sendirinya kita boleh mengagak bahawa harga yang akan dikenakan GAMUDA-MMC bukan lagi RM14 bilion ia akan menjadi lebih daripada RM18 bilion. Ini adalah satu taktik perniagaan yang kurang etika di mana *negotiations* sedang berlangsung dengan Ircon dan CREC tetapi tiba-tiba tanpa memberitahu mereka terlebih dahulu dan tanpa membatalkan *Letter of Intent*, kerajaan memberikan surat tawaran kepada satu pihak yang baru, yang kemudiannya mempunyai kelebihan untuk melakukan *variation order* sampai 30%. Ini sudah satu perkara yang menyalahi etika perniagaan, adakah kerajaan mempunyai alasan yang kukuh mengapa perkara ini dilakukan.

Saya dapati dalam *web site* Ircon mereka telah pun melaksanakan sebahagian daripada projek ini dan mereka telah melantik satu firma *consultant* daripada Malaysia yang beralamat di Serdang. Saya ingin tahu, adakah *fees* yang dikenakan oleh *consultant* ini adalah 9% seperti yang didakwa dalam Parlimen India atau hanya 4.5% dan berapa jutakah yang telah diterima oleh *consultant firm* di Malaysia ini sepanjang *trench* yang telah dibina selama ini.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat ini mendapat maklumat dari beberapa sumber dan saya tidak dapat menentukan, apakah perkara-perkara yang disebut oleh Yang Berhormat tadi. Mengenai tuduhan bahawa apabila ada *variation order* dalam satu kontrak itu akan memastikan kos itu akan meningkat, adalah tidak tepat kerana dalam sesuatu kontrak memang ada digariskan apakah kerja-kerja yang dibuat dengan penilaian yang ada, yang telah dipersetujui. *Variation order* itu adalah satu perkara yang mungkin akan digunakan kalau projek itu akan diupahkan atau sebagainya.

Jadi, tuduhan Yang Berhormat bahawa ada perkara di belakang tabir kerana ada *variation order* ini adalah tidak tepat. Yang Berhormat hanya hendak mengeruhkan lagi keadaan mengenai kontrak ini. Jadi mengenai *fees*, ini adalah maklumat terperinci dan saya tiak ada jawapan di sini, saya minta sekiranya Yang Berhormat hendak kita berikan secara bertulis. Yang Berhormat tulis kepada kementerian kita akan jawab kepada Yang Berhormat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua setakat itulah.

**Tuan Chang See Ten:** [Bangun]

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat masa sudah cukup Yang Berhormat ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** ...setakat itulah. Tuan Yang di-Pertua, cukup ya, okey. Tuan Yang di-Pertua setakat inilah sahaja penjelasan-penjelasan ringkas yang saya dapat beri berhubung

dengan perkara-perkara yang telah disentuh mengenai kementerian dan apa-apa perkara lain yang tidak dijawab di sini akan diambil perhatian oleh kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut usul yang telah diluluskan sebentar tadi iaitu mesyuarat pada hari ini ditangguhkan pada besok hari.

**Tuan Husam bin Haji Musa:** Lambat lagi

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, tadi sudah ada usul Yang Berhormat. Bukan saya yang bersetuju, Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju. Jadi, tidak bolehlah saya hendak mengingkari persetujuan dari Yang Berhormat itu.

Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat ditangguhkan hingga jam 10.00 pagi besok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.15 petang.***